Bil. 21

Isnin
10 Disember 2012

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH (Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:
Mengalu-alukan Lantikan Semula Ahli
dan Lantikan Ahli Baru (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2013 (Halaman 28)

USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 50)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
8. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan I*
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
18. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
19. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*"
20. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
21. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
22. " Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menter*
23. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
24. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
25. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
26. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
30. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
31. " Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
32. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
33. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

34. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
39. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
40. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
41. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
42. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
43. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
44. " Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
45. " Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
46. " Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
47. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
48. " Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
49. " Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
50. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
51. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
52. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
53. " Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
54. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
55. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
56. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
57. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
58. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 10 Disember 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah, iaitu:

1. Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah; dan
2. Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-Alukan Lantikan Semula Ahli dan Lantikan Ahli Baru

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula sebagai Ahli Dewan Negara dan pelantikan ahli baru seperti berikut:

(i) Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah; dan

(ii) Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah, ini melambangkan bahawa kerajaan kita begitu prihatin mengikut perlembagaan kita. Pelantikan seseorang Senator itu, keprihatinan kerajaan untuk terus mengekalkan seorang wakil kaum Orang Asli yang tergolong daripada kumpulan minoriti di negara ini diberi tempat di Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]*

Yang kedua, kepada Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul sebagai pelantikan baru kepada Ahli Dewan yang mulia ini yang tergolong daripada suku kaum minoriti, juga daripada Sabah juga melambangkan keprihatinan kerajaan mengikut perlembagaan yang mana tidak sesiapa pun patut dipinggirkan atau ditinggalkan... *[Tepuk]*

Ahli Yang Berhormat semua, ini semua melambangkan bahawa Dewan yang mulia ini telah begitu berjalan baik selama 55 tahun dan saya ingin menyatakan dan mengingatkan diri saya juga bahawa sebaik sahaja kita dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, setiap Ahli Dewan mestilah sebagaimana ikrar taat setia disebut sebentar tadi iaitu taat setia kepada Kerajaan Malaysia dan juga akan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Dua dokumen ini amat penting.

■1010

Saya ingin mengulangi lagi, khususnya pada siapa yang baru dilantik khususnya Yang Berhormat Dr. Lucas, bahawa apabila kita berada dalam Dewan ini, wajarlah kita begitu prihatin, bertimbang rasa, bersopan santun dan hormati Dewan yang mulia ini. Soal di mana parti setiap ahli itu datangnya, itu soal kedua. Saya juga tidak mahu melihat menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai satu gelanggang, sebagai pasar ataupun panggung wayang. Saya juga ingin melihat bahawa disiplin dan menghormati Dewan tidak ada kompromi bagi saya.

Oleh yang demikian, pada awal ini ingin saya nyatakan di sini, setiap ahli Dewan mestilah patuh, hormati apa yang telah pun kita lafazkan ikrar taat setia sebagaimana yang disebutkan sebentar tadi. Sekali lagi saya mengambil kesempatan, sekarang ini kita sedang persidangan Dewan, saya ingin mengajak kedua-dua ahli Dewan itu dengan segera cuba melibatkan diri untuk menjalankan tugas sebagai seorang Ahli Dewan Negara.

Ahli Yang Berhormat, ramai di luar sana, daripada 28 juta rakyat kita, memang berharap sungguh hendak datang sebagai Ahli Dewan Negara. Akan tetapi, apabila setelah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, *make sure,* dengan izin, *behave yourself*. Kita mesti ada kredibiliti dan integriti kita supaya dapat kita martabatkan dan memperkasakan Dewan yang mulia ini dan dihormati oleh rakyat. Sekian, *waabillahitaufik wal'hidayah wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh... [Tepuk]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya ingin menarik perhatian semua. Apabila Dewan ini dengan ringkas beritahu soalan itu, tidak payahlah *preamble* dan sebagainya, terus pada soalan dan pihak kerajaan juga kalau boleh tolong jawab dengan tepat dan baik. Ini supaya kita dapat banyak menyelesaikan soalan berpuluh-puluh ini. Hari itu kita sudah dapat agaknya dalam rekod sampai 18 soalan. Saya harap perkara ini dapat kita teruskan. Sekian, terima kasih.

1. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Perdana Menteri menyatakan, bagaimana kementerian melihat isu semangat kejiranan dan kaitannya dengan Gagasan 1Malaysia dalam usaha melahirkan masyarakat berbilang kaum yang dapat hidup dalam satu komuniti secara harmoni dan saling bantu-membantu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Koh Tsu Koon]: Terima kasih. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian atas pelantikan semula dan Yang Berhormat Dr. Lucas atas pelantikan baru dan dialu-alukan bagi pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang peka terhadap betapa pentingnya pergaulan dan perhubungan baik sesama jiran untuk memupuk persefahaman, keharmonian komuniti, dan kesepaduan sosial, menggalakkan semangat bantu-membantu khasnya semasa kecemasan serta menjana kerjasama bagi menjaga keselamatan dan keamanan setempat, bagi menjamin kebersihan alam sekitar dan keselesaan hidup dan bagi menggalakkan pelbagai aktiviti yang berfaedah seperti riadah, sukan mahupun pendidikan. Oleh itu, semangat kejiranan di peringkat akar umbi memang merupakan asas bagi menjayakan gagasan 1Malaysia.

Walau bagaimanapun, kerajaan juga sedar bahawa corak perhubungan dan semangat kejiranan sememangnya telah dan sedang terjejas oleh beberapa faktor. Yang pertama, perubahan struktur ekonomi telah beralih dari aktiviti pertanian di kawasan desa dan perniagaan kecil di pekan ke pembuatan dalam kilang dan pelbagai jenis perkhidmatan di bandar besar.

Kedua, proses urbanisasi telah mengakibatkan mobiliti iaitu penghijrahan ramai penduduk dari desa ke bandar untuk menuntut ilmu atau mencari pekerjaan. Kini, lebih daripada 65 peratus penduduk Malaysia berada di kawasan bandar. Akibatnya, bagi penghuni bandar kini, tempat kerja yang agak jauh dari tempat kediaman serta masa bekerja dan pergi balik yang panjang memang mengurangkan masa berada di rumah dan masa untuk bergaul dengan jiran berbanding dengan penghuni desa. Di samping itu, kebanyakan reka bentuk perumahan bandar yang merupakan jenis berpagar atau kondominium yang mempunyai kawalan keselamatan yang ketat menjadikannya tidak mesra jiran berbanding dengan keadaan di desa.

Oleh kerana urbanisasi dan mobiliti ini, maka institusi kekeluargaan juga beralih dari keluarga besar atau *extended family* kepada keluarga nukleus atau *nucleus family* mengakibatkan penghuni bandar terpisah dari saudara mara yang dahulunya dapat sering bergaul rapat dan bersemuka sebagai jiran dalam keadaan desa.

Kemajuan ICT pula menyebabkan generasi kini lebih gemar berkomunikasi secara maya atau siber melalui laman sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* dengan kawan-kawan di tempat yang jauh. Oleh itu, mereka kurang bergaul, bersemuka dengan jiran.

Justeru, menyedari fenomena sedemikian, kerajaan telah dan sedang menggalakkan pergaulan bersemuka dan mempertingkatkan semangat kejiranan di kalangan masyarakat tempatan melalui penubuhan Rukun Tetangga (RT), persatuan penduduk (PP) dan *joint management board* (JMB) bagi rumah pangsa dan kondominium. Melalui pertubuhan ini, dapat dilaksanakan pelbagai aktiviti yang berbentuk perjumpaan dalam komuniti tempatan secara bersemuka seperti Skim Rondaan Sukarela (SRS), gotong-royong, hari keluarga, sambutan hari besar secara rumah terbuka, sukaneka dan sebagainya.

Pelancaran Gagasan 1Malaysia dan pelaksanaan NKRA Jenayah di bawah Program Transformasi Kerajaan telah memberi nafas baru dan suntikan semangat kepada program KRT dan SRS. Sambutan baik dari segi penubuhan KRT dan SRS adalah begitu ketara sejak awal tahun 2009 dengan peningkatan dari 4,000 KRT ke lebih 6,000 KRT atau lebih daripada 50 peratus dan dari tidak sampai 1,300 SRS ke lebih 3,400 SRS atau pertambahan sebanyak 165 peratus.

Perkembangan pesat ini menunjukkan kesedaran masyakat tentang betapa penting dan perlunya untuk memupuk semangat kejiranan supaya dapat bersama mengekalkan keharmonian dan mengawal keselamatan di kawasan kediaman mereka di kawasan bandar besar ataupun separuh bandar atau *semi urban.* Melalui sokongan dan penyertaan semua pihak, adalah diharapkan bahawa masyarakat kita akan menjadi semakin harmoni dan bersatu padu sejajar dengan Gagasan 1Malaysia. Terima kasih.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang membuat satu garis panduan di peringkat nasional yang menyentuh isu kejiranan dengan mengimplementasikan ia ke bentuk program serta aktiviti riadah yang melibatkan semua peringkat kaum dan latar belakang di kalangan masyarakat konvensional hari ini?

Saya juga mencadangkan agar ditugaskan pegawai khas mewakili kementerian mengikut negeri, daerah dan zon yang bertanggungjawab menjadi penyelaras, memantau, membuat laporan akan perkembangan setiap negeri, daerah, zon mahupun kawasan perumahan yang diwakili.

Bagaimana kementerian bercadang memantau aktiviti pihak berkepentingan yang membuat *road show*, ceramah dan aktiviti yang hanya mencetuskan perasaan tidak tenteram di kalangan kaum di negara kita? Termasuk ceramah-ceramah politik yang sering mengadu domba antara kaum yang saya khuatir jika tidak dibendung, bakal menjadi api dalam sekam yang mungkin menjadi lebih parah. Terima kasih.

■1020

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menunjukkan begitu prihatin dan mengambil berat terhadap apa yang berlaku di peringkat akar umbi. Untuk maklumat Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, lanjutan daripada penggubalan dan penguatkuasaan Akta Rukun Tetangga 2012 pada bulan Jun ini, maka Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menggubal satu tatacara pengurusan Rukun Tetangga dan skim rondaan sukarela.

Di dalamnya memang akan dinyatakan representasi secara lebih menyeluruh yang melibatkan semua golongan etnik budaya dan juga dari segi jantina dan dari segi umur dan pekerjaan supaya lebih mencerminkan komposisi masyarakat setempat. Maka AJK untuk rukun tetangga dipilih dan dilantik dari kalangan pegawai kerajaan atau pemimpin masyarakat yang telah lama menunjukkan minat mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat. Persatuan penduduk pula atau *residence association* memang dilantik di bawah Pendaftar Pertubuhan atau *Registrar of Societies* dan dibentuk secara sukarela oleh para penduduk.

Walau bagaimanapun, misalnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sering memberi galakan dan juga peruntukan kepada persatuan penduduk untuk menaja pelbagai aktiviti untuk memupuk pergaulan dan keharmonian, maka kesemuanya ini sememangnya bergantung kepada semangat kesukarelaan atau *voluntarism* dan memang digalakkan oleh pihak kerajaan.

Mengenai bahagian yang kedua soalan Yang Berhormat mengenai pegawai, memang sekarang dari segi perjawatan terdapat 96 pegawai perpaduan daerah di seluruh negara untuk menguruskan hal ehwal Rukun Tetangga dan untuk memantau dan memandu, membantu Rukun Tetangga dalam perjalanan aktiviti mereka. Di samping itu baru-baru ini telah dilantik lebih daripada 50 orang penggerak perpaduan masyarakat secara kontrak bagi tempat-tempat yang tertentu yang dianggap sebagai *hotspot* atau mempunyai rekod jenayah dan juga rekod ketegangan sosial yang nyata untuk membantu pegawai. Di samping itu jabatan telah juga melatih dan mentauliahkan lebih daripada 500 orang *mediator* komuniti yang mempunyai kemahiran mediasi supaya dapat menjadi pengantara dalam sesuatu konflik yang timbul untuk selesaikan masalah supaya tidak merebak menjadi satu isu besar. Maka melalui kerjasama para pegawai dan juga sukarelawan di peringkat akar umbi, maka kita dapat mengelakkan beberapa insiden daripada merebak menjadi sesuatu yang tidak diingini.

Ketiga, di bawah Akta Perhimpunan Aman yang telah dilaksanakan memang orang awam mana-mana pihak memang dibenarkan untuk berhimpun secara awam, secara aman. Akan tetapi mestilah mengikut peraturan tertentu. Maka perkara ini dipantau rapi oleh pihak polis manakala pegawai Jabatan Perpaduan bersama dengan beberapa jabatan yang lain juga turut memantau keadaan dan melaporkan kepada pihak kerajaan sekiranya ada sesuatu yang tidak diingini. Maka kerajaan memang bersedia untuk mengambil tindakan sekiranya ada apa-apa kenyataan atau kelakuan yang boleh menjejaskan keharmonian kaum atau agama di negara kita ini. Kita berharaplah bahawa dengan sokongan dan kerjasama semua pihak terutamanya pemimpin sosial dan politik, maka keadaan aman dan damai di negara kita akan dapat dikekalkan bahkan dapat dipertingkatkan. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan tambahan saya ialah keadaan sekarang ini kita tidak boleh menafikan bahawa konsep kejiranan ataupun tanggungjawab kejiranan semakin pupus jika nak dibandingkan masa-masa yang terdahulu dan ini menjadi tanggungjawab semua pihak. Jadi pertanyaan saya ialah adakah kerajaan tidak merancang satu pelan tindakan yang lebih menyeluruh supaya kejiranan penduduk-penduduk ini terutamanya kawasan bandar, peka dan menyertai persatuan-persatuan yang disertakan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi ini, SRS dan KRT dan sebagainya. Kalau boleh sekurang-kurangnya diadakan sebulan sekali. Ditetapkan satu hari untuk pertemuan, jiran-jiran ini untuk bertemu, bermesra dan mengambil tahu antara satu sama lain.

Saya bagi contoh baru-baru ini di Taman Harmoni, Kajang. Rumah anak saya dirompak oleh lima orang perompak. Sehingga polis datang pukul empat pagi, jiran kedua-dua belah tidak sedar keadaan ini berlaku sedangkan taman itu sudah ada SRS dan sebagainya, ada kawalan yang ketat tetapi ini tetap berlaku. Jika kita tidak mengambil tindakan yang serius, pada masa akan datang rompakan seperti ini berlaku lebih berleluasa. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sememangnya kerajaan memang cukup peka terhadap keadaan seperti yang telah saya huraikan tadi, yang timbul kerana faktor-faktor ekonomi dan sosial yang berlangsung bukan sahaja di Malaysia tetapi di mana-mana negara yang membangun dengan begitu pesat. Oleh itu kerajaan memang mengambil berat terhadap perkara ini dan memang Perdana Menteri telah mengilhamkan dan memacu *'Gagasan 1Malaysia'* supaya semangat kesatuan atau kesepaduan ini dapat disebarkan dengan seluasnya. Pertama, di peringkat dari segi falsafah, dari segi pandangan rakyat. Itu yang paling penting sekali.

Keduanya, pelbagai kementerian dan agensi juga telah melaksanakan dan akan terus melaksanakan program untuk menyatupadukan rakyat. Di samping itu, usaha untuk mencegah jenayah memang menjadi satu keutamaan kerajaan di dalam bentuk NKRA jenayah di bawah Program Transformasi Kerajaan.

Di bawah ini memang banyak usaha untuk mobilisasikan pihak polis, bekerjasama dengan tentera, RELA dan Rukun Tetangga memang dilaksanakan. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa di taman-taman perumahan tertentu memang kerjasama yang rapat masih belum mencapai satu tahap yang cukup tinggi. Oleh itu kita memerlukan usaha gigih dari semua pihak dan juga sumbangan, galakan dan sokongan daripada semua pihak terutamanya pemimpin masyarakat dan politik. Di sini saya merayulah kepada Ahli Yang Berhormat tanpa mengira pendirian politik bersama-sama untuk menyokong usaha kerajaan ini. Terima kasih.

■1030

2. Dato' Lim Nget Yoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah tindakan yang diambil terhadap orang-orang yang tidak tinggal di rumah-rumah yang diperoleh melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR) tetapi menyewakannya kepada orang lain.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah pun mengemukakan soalan yang dijadualkan untuk pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang juga bersama-sama ini mengemukakan soalan yang berkaitan dengan Projek Perumahan Rakyat yang dilaksanakan oleh kementerian saya.

Izinkan saya untuk menjawab soalan ini sekali gus dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar, bertarikh 11 Disember 2012, Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang bertarikh 13 Disember 2012 dan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon yang bertarikh pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, program perumahan rakyat yang dilaksanakan oleh kementerian saya di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan kemudahan perumahan yang selesa dan berkualiti bagi golongan berpendapatan rendah dan juga penempatan semula setinggan di kawasan bandar. Sebagai makluman, rumah-rumah yang dibina di bawah projek-projek PPR ini mementingkan keselesaan penghuni dengan menyediakan saiz rumah 700 kaki persegi dan spesifikasi tiga buah bilik tidur, satu ruang tamu, satu ruang dapur dan dua buah bilik air. Terdapat dua kategori projek PPR iaitu disewa dan dimiliki.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan hampir RM6 bilion untuk melaksanakan dan menjayakan program perumahan rakyat di seluruh negara semenjak tahun 1998 iaitu mulai dengan Rancangan Malaysia Kelapan. Di mana sebanyak RM2.43 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, RM2.04 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, sebanyak RM985 juta telah pun diperuntukkan kepada kementerian di bawah *First Rolling Plan* iaitu sebanyak RM544 juta diperuntukkan pada tahun 2011 dan RM441 juta bagi tahun 2012.

Sementara itu, bagi tahun 2013, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengemukakan di dalam Bajet 2013 yang dibentangkan pada bulan September yang lalu, bahawa hampir 20 peratus iaitu pun RM543 juta daripada peruntukan kementerian saya telah pun dikhaskan untuk pelaksanaan 45 buah projek PPR. Di mana 20,454 unit rumah akan dibina menggunakan kaedah *industrialized building system,* satu sistem yang baru, cepat, selamat dan begitu popular di luar negara.

Kerajaan juga telah pun menyiapkan sebanyak 88 buah projek yang mengandungi 66,550 unit rumah untuk disewa atau dijual kepada golongan berpendapatan rendah dan setinggan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 56,597 unit telah pun diduduki oleh golongan sasaran sama ada melalui penyewaan ataupun pembelian.

Bagi projek PPR disewa Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menetapkan kadar sewa berjumlah RM124 sebulan yang perlu dibayar oleh penghuni. Hasil kutipan sewa bulanan ini akan digunakan untuk menyelenggarakan projek-projek berkenaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak pernah membuat ketetapan ataupun syarat bahawa penghuni PPR atau rumah rakyat berstrata yang lain untuk membayar caj penyelenggaraan lima tahun secara sekali gus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian juga telah pun menyediakan mekanisme permohonan yang telus untuk memilih bakal penghuni yang layak iaitu melalui Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) yang bercirikan pendaftaran terbuka sepanjang masa. Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) ini adalah satu sistem berkomputer yang digunakan untuk mendaftarkan permohonan, membuat pemilihan dan juga melaksanakan pengagihan perumahan kos rendah kepada golongan yang layak. Sistem yang dipakai ini oleh setiap kerajaan negeri kecuali negeri Sarawak yang mana ia diuruskan oleh *Sarawak Housing Development Corporations*.

Kerajaan juga sememangnya memberikan keutamaan bagi golongan ibu tunggal untuk menduduki rumah program perumahan rakyat melalui kriteria pemarkahan di bawah Sistem Pendaftaran Terbuka ini. Selain daripada itu, ingin saya jelaskan di sini bahawa buat masa ini, di bawah projek PPR sebanyak 1 peratus daripada jumlah unit yang dibina adalah disediakan khas untuk golongan OKU. Keistimewaan untuk PPR bagi OKU ini antaranya ialah saiz bilik air yang dibesarkan, dilengkapi dengan kemudahan untuk golongan berkenaan. Selain itu, semua PPR turut dilengkapi dengan kemudahan untuk OKU seperti *railing*, lif OKU dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kementerian juga sedar bahawa terdapat kes-kes terpencil yang mana unit-unit rumah disewa kepada mereka yang bukan golongan sasaran. Ingin saya terangkan di sini bahawa tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan terhadap penghuni asal yang antaranya boleh menyebabkan kelayakan bagi menduduki rumah PPR ditarik balik. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Lim.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, berapakah rumah yang telah diambil balik? Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya merasa kesallah. Walaupun terdapat dewasa ini begitu banyak aduan mengenai penghuni-penghuni yang tidak tinggal lagi di rumah-rumah pangsa dan disewa kepada –ada sesetengahnya menyewakan kepada orang asing pun ada. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, saya kesal, kita masih belum dapat menarik balik lagi sepanjang pengetahuan saya. Walau bagaimanapun, kementerian saya telah pun memberitahu kepada semua PBT-PBT yang menjaga dan mengutip sewa daripada penghuni-penghuni rumah pangsa dalam operasi mereka termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap penghuni-penghuni dalam golongan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah pemaju-pemaju mempunyai hak dan undang-undang untuk mengutip sekali gus lima tahun *maintenance fees?* Saya juga faham bahawa ada pemaju dan juga kemudiannya *management committee* yang ada masalah untuk mengutip ini. Jadi, adakah kementerian boleh memberikan bantuan guaman kepada pihak MC untuk mengutip hutang-hutang *maintenance fees?* Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khoo. Ada dua buah jenis rumah berstrata. Jenis pertama ialah di bawah program PPR yang mana unit-unit rumah yang dikategorikan sebagai rumah kos rendah yang dibina oleh kementerian saya, khasnya untuk golongan berpendapatan rendah dan untuk setinggan. Bagi unit-unit rumah pangsa sedemikian, kementerian memang tidak pernah mengutip caj penyelenggaraan selama lima tahun.

Sebenarnya, kementerian tidak pernah pun mengutip apa-apa bayaran daripada semua penghuni. Bayaran hanya daripada sewa sahaja setiap bulan RM124 dan bukan dikutip oleh kementerian saya tetapi dikutip oleh PBT-PBT yang mempunyai hak untuk membuat penyelenggaraan terhadap rumah-rumah pangsa. Saya difahamkan PBT-PBT juga tidak begitu bersungguh-sungguh hendak menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, oleh kerana terdapat begitu ramai penghuni walaupun bayar RM124 sebulan, masih pun tidak bayar. Akibatnya, begitu banyak tunggakan.

■1040

Ini menjadi satu masalah kepada PBT untuk menyelenggarakan tempat-tempat rumah pangsa kerana kutipan sewa tidak dapat dikutip. Jenis yang kedua ialah rumah pangsa dan rumah pangsapuri ataupun *apartment* dan kondominium yang dibina oleh pemaju swasta. Kalau bina rumah berstrata ini dibina oleh pemaju swasta, maka pemaju swasta bolehlah melalui usaha mereka untuk mengutip dahulu pun boleh kalau pembeli, dia bersetuju untuk bayarlah. Akan tetapi kalau tidak dikutip semasa menjual unit-unit itu, MC ataupun JMB berhak untuk membuat kutipan selepas satu angka telah pun ditetapkan. Kalau mereka tidak bayar, mereka ini bolehlah didakwa di mahkamah untuk membayar.

Saya faham buat masa ini, hendak minta semua tuan punya unit petak ini, tuan rumah untuk membayar kadang-kadang susah juga. Kalau hendak mendakwa mereka ke mahkamah akan memakan masa yang agak panjang. Oleh yang demikian, kementerian saya sedang dalam proses menggubal satu rang undang-undang yang baru di mana tribunal yang khusus akan diwujudkan untuk melihat, untuk mengawal aktiviti-aktiviti seumpama ini. Lain kali apabila rang undang-undang itu menjadi akta, maksudnya MC dan JMB berhak untuk mendakwa tuan rumah pergi ke tribunal dan melalui proses ini adalah lebih singkat, mudah dan senang dapat dikutip segala caj penyelenggaraan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan pertanyaan ketiga Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid.

3. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:

(a) apakah kedudukan digital Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain iaitu seperti yang telah dilaporkan oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU) *Digital Economic Ranking*; dan

(b) apakah strategi-strategi yang akan diambil bagi Malaysia mencapai status ekonomi digital yang maju pada tahun 2020 dan apakah program-program atau projek-projek utama yang akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad ada dua bahagian.

Jadi untuk bahagian yang pertama,

(a) digital Malaysia telah diluluskan dalam mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC Malaysia ke-23 pada 19 Oktober 2011. Perbadanan Pembangunan Multimedia ataupun singkatannya MDEC iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah diberikan mandat untuk menerajui usaha membangunkan inisiatif baru kerajaan ini. Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada agenda transformasi kebangsaan yang bertujuan menjana pendapatan, meningkatkan kualiti kehidupan melalui pembangunan pelbagai inisiatif ICT serta memacu penerimaan revolusi digital global.

Penilaian ke atas kedudukan ekonomi digital sesebuah negara dibuat berdasarkan kesediaan infrastruktur ICT berkualiti serta tahap penggunaan ICT oleh pengguna, peniaga dan kerajaan sesebuah negara dalam menjalankan aktiviti dan urusan mereka. Kedudukan ekonomi digital menunjukkan bahawa negara berada di kedudukan teratas, mempunyai ekonomi lebih telus serta berdaya saing. Berdasarkan penilaian dibuat pada keseluruhan 70 negara oleh *Economist Intelligent Unit* dengan izin, ataupun EIU, Malaysia berada pada kedudukan yang ke-36, naik dua anak tangga daripada kedudukan ke-38 pada tahun sebelumnya.

Malaysia berada pada kedudukan yang lebih baik berbanding dengan negara BRICS iaitu:

- Brazil pada kedudukan 42,
- Rusia - 59,
- India - 58,
- China – 56; dan
- *South Africa* - 41 dan tertinggi dirantau Asia kecuali Singapura.

Ini membuktikan peningkatan dan pencapaian yang positif dalam perancangan dan usaha kerajaan untuk membangunkan sektor ICT negara.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang kedua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

(b) aspirasi dan matlamat digital Malaysia adalah meningkatkan sumbangan ekonomi kepada pendapatan negara kasar ataupun GNI dengan nilai lebih RM294 bilion daripada 9.8 peratus pada 2010 kepada 17 peratus pada tahun 2020. Kedua meningkatkan produktiviti dan kualiti kehidupan melalui peningkatan kedudukan negara dalam ranking ekonomi digital EIU daripada kedudukan ke-36 pada tahun 2010 pada kedudukan ke-20 teratas menjelang tahun 2020.

Kemudian sumbangan kepada peningkatan kepada kedudukan negara dalam IMD ataupun *Institute of Management Development World Competitiveness Yearbook,* dengan izin, daripada kedudukan ke-16 pada tahun 2011 kepada kedudukan ke-10 teratas daripada 59 buah negara menjelang tahun 2020. Untuk mencapai matlamat dan aspirasi digital Malaysia, tiga teras strategik utama telah dirangka bagi membangunkan ekonomi digital negara, iaitu:

(i) menjana ekonomi digital negara daripada berasaskan pembekalan kepada permintaan, di mana pengurusan sumber difokuskan kepada menjana aktiviti berteraskan permintaan pasaran ataupun dengan izin, *supply to demand;*

(ii) mengubah corak sikap pengguna *internet* tempatan daripada pengguna ataupun *consumer,* dengan izin kepada pembuat, *producer,* dengan izin, ataupun *consumption to production,* dengan izin; dan

(iii) meningkatkan daya saing Malaysia kepada sebuah negara yang *knowledge added* kepada sebuah negara yang *high knowledge added.*

Dalam melaksanakan teras strategik di atas, sebagai permulaan sebanyak empat inisiatif digital Malaysia yang merangkumi pelbagai projek yang akan dilaksanakan seperti berikut dan akan ditambah baik dari semasa ke semasa. Pertama, inisiatif digital Malaysia adalah mewujudkan pasaran, permintaan untuk produk dan perkhidmatan digital atau *tap demand for digital product and services,* dengan izin.

Inisiatif kedua digital Malaysia adalah meningkatkan pendapatan rakyat dan membuka peluang keusahawanan bagi kumpulan sasaran berpendapatan rendah yang mewakili 40 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan isi rumah di Malaysia.

Inisiatif ketiga digital Malaysia adalah memupuk generasi baru belia celik ICT atau *nature and new generation of IT savvy youth* dan inisiatif keempat digital Malaysia adalah meningkatkan produktiviti perusahaan kecil dan sederhana.

Inisiatif digital Malaysia akan melibatkan pelaksanaan 24 projek permulaan baru di mana sebanyak lapan projek permulaan telah diluluskan untuk pelaksanaan fasa pertama yang telah bermula pada tahun 2012.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian yang berjaya menjadikan kedudukan Malaysia di tahap yang begitu baik. Soalan tambahan saya, bagaimanakah usahawan bumiputera akan dapat turut serta dalam program kebangsaan digital Malaysia dan bagaimanakah program ini akan dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk luar bandar.

Kedua, di bawah Program Digital Malaysia, adakah orang ramai perlu menukar radio ataupun televisyen kepada radio televisyen berteknologi tinggi digital dan berapakah anggaran pelaburan sehingga tahun 2020 dan berapakah peluang pekerjaan baru yang akan dapat diwujudkan? Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator, soalan pendek tetapi pecahan soalan itu banyak yang perlu saya jawab. Pertama bagaimana bumiputera dan masyarakat luar bandar boleh mengambil bahagian dan manfaat daripada inisiatif digital Malaysia.

Seperti yang saya katakan tadi, ia mempunyai tiga teras utama iaitu pertama *supply on demand* untuk kita meningkatkan permintaan berasaskan kepada pasaran iaitu untuk mengenal pasti bagaimana kita dapat meningkatkan pemasaran produk kita dengan masyarakat kita mengetahui apakah permintaan ataupun keperluan pasaran. Ini yang kita katakan penciptaan kepada penghasilan, permintaan dan pemasaran. Di sini kita kena mengetahui iaitu SME berapa ramai yang terlibat di dalam ICT dan sebagainya dan untuk program inilah kita kenal pasti dan membantu mereka dengan memberikan kesedaran. Mereka akan dipadankan dengan syarikat-syarikat yang terlibat dalam program *Economic Transformation Program* dan juga *Government Transformation Program* yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan dan mereka akan dipadankan supaya mereka akan dapat membuat program khususnya apakah keperluan-keperluan yang perlu dilakukan oleh negara kita pada masa ini melalui program yang kita lakukan.

Dengan itu mereka akan difokuskan untuk membangunkan *solution* dan juga untuk mencari bagaimana kita dapat meningkatkan *digital content.* Misalnya dalam bidang pembelajaran, *education program* misalnya, bagaimana kita dapat tingkatkan kandungan untuk menambah kandungan dalam pembelajaran secara *online,* menggunakan *online.* Salah satu inisiatif yang kita lakukan ialah bekerjasama dengan *YouTube Education Program* mereka.

■1050

Di mana kita galakkan pelajar-pelajar, guru-guru dan semua tidak kira sama ada di peringkat sekolah menengah mahupun universiti untuk membangunkan program video, bagaimana boleh menyampaikan pembelajaran secara lebih interaktif. Ini boleh dimanfaatkan oleh semua, bukan sahaja masyarakat bumiputera, bukan sahaja masyarakat luar bandar tetapi seluruh rakyat Malaysia untuk mengambil manfaat daripada program yang sedang dilaksanakan pada masa ini.

Sama ada kita memerlukan teknologi dari segi radio dan TV yang baru, saya kira asalkan kita mempunyai *connectivity*, jaringan komunikasi yang boleh berhubung secara *online* di mana ada *WiFi*, ada hubungan telefon dan sebagainya, *insya-Allah* ada jaringan *internet* ini, mereka boleh memanfaatkan sama ada menggunakan komputer sendiri pun sudah boleh.

Sekarang ini dengan *gadget* yang ada begitu mudah mereka peroleh, tidak perlu kita laburkan lebih banyak lagi tetapi menggunakan apa yang sudah sedia ada. Bergantung pada individu, kalau mereka berkemampuan, sudah tentu mereka boleh memperoleh skrin TV yang boleh berinteraksi secara lebih canggih.

Seterusnya, dari segi sumbangan. Kalau kita melihat dari segi sumbangan MSC *status company* sahaja. Daripada penubuhan tahun 1997, hanya 93 MSC *status company* yang telah dianugerahkan. Kalau kita melihat tahun 2011, sekarang ini meningkat kepada 2,954. Daripada tersebut, jumlah pelaburan yang telah disumbangkan oleh MSC Malaysia, keseluruhannya berjumlah yang telah diluluskan untuk tahun 2011 sahaja ialah RM2.513 bilion. Kalau kita melihat keseluruhan daripada tahun 1997 hingga 2011, nilai pelaburan yang telah diluluskan ialah sebanyak RM32.79 bilion.

Dari segi sumbangan eksportnya, kalau kita lihat telah meningkat kepada 29 peratus keseluruhannya yakni daripada RM31 bilion tadi, RM10.12 bilion adalah jumlah yang dieksport ke negara luar. Manakala daripada segi jumlah pekerjaan, saya mengambil daripada data tahun 2007 hingga tahun 2011. Sumbangan sebanyak 119,138 sehingga 2011 jumlah pekerjaan yang telah ditawarkan melalui MSC *status company*. Jadi, ini menunjukkan peningkatan yang begitu baik sekali. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana berminat dalam pembangunan yang telah kita lakukan dalam bidang ICT ini. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampaknya dalam rancangan atau program digital Malaysia, kita mempunyai satu carta rancangan yang baik ke arah meningkatkan kontribusi GDP Malaysia. Sekarang 9 peratus ke satu yang lebih tinggi iaitu 17 peratus pada tahun 2020 dan 9.8 peratus pun tidak jauh bezanya dengan Singapura, melainkan Korea saya lihat lebih jauh tinggi iaitu 17 peratus ke hadapan.

Jadi, satu segmen yang penting dalam usaha kita meningkatkan penyertaan ICT dalam GDP negara ialah PKS. Saya lihat PKS hari ini sebagai satu segmen yang mana *establishment* lebih kurang 99.2 peratus. Jadi, isunya hari ini tidak banyak syarikat-syarikat PKS ini yang terlibat dalam ICT dan hanya 20 peratus sahaja, satu lagi angka yang lebih agak sedih juga ialah hanya 100,000 daripada syarikat-syarikat PKS yang banyak ini, yang ada *website*. Jadi, saya rasa apakah usaha kementerian bagi kita menembusi penetrasi kepada segmen PKS ini? Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang saya bersetuju bahawa salah satu cabaran kita ialah bagaimana kita hendak menggalakkan SME ini membangun dengan menggunakan teknologi yang ada, khususnya ICT. Oleh sebab itu dalam digital Malaysia, salah satu inisiatif yang saya katakan tadi melalui pertumbuhan ataupun *growth* yang ingin kita capai ialah untuk kita tingkatkan produktiviti SME ataupun perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Untuk itu kita melakukan dalam inisiatif yang keempat, yakni bekerjasama dengan SME Corporation di antara MDEC dan SME Corporation untuk membangunkan terutamanya untuk SME mengguna sepenuhnya *cloud computing*. Ini sebab *cloud computing*, kita kenal pasti salah satu cabaran SME ialah dari segi untuk *invest* dalam IT, mahal. Kedua, untuk mengambil pekerja mahir dalam bidang ICT juga, kosnya begitu tinggi.

Jadi, salah satu cara ialah bagaimana mereka dapat menggunakan teknologi yang sedia ada dibangunkan, terutamanya melalui *cloud computing* sebab ia akan menjimatkan. Ini sebab *cloud computing* ini akan disediakan oleh satu agensi yang berkemampuan menyediakan kemudahan. Mereka berkongsi menggunakan teknologi yang sedia ada iaitu *cloud computing* di mana mereka tidak perlu mengambil pekerja mahir ICT dan sebagainya. Namun, boleh menggunakan kemudahan yang ada ini untuk memasarkan produk mereka, untuk membangunkan teknologi mereka sedia ada dengan jaringan *network* yang lebih besar.

Jadi, itu yang sedang kita lakukan dan projek perintis ini sedang berjalan dengan giat bagi tahun ini. *Insya-Allah* kalau dapat berjaya, ia akan dikembangkan. Saya kira SME kalau mereka memanfaatkan sepenuhnya *cloud computing* ini, sudah pasti akan dapat menangani SME yang kurang berkemampuan menggunakan dan memaksimumkan ICT yang sedia ada. Bukan sahaja untuk memasarkan produk mereka tetapi untuk membangunkan proses dalaman mereka dengan menggunakan ICT serta perhubungan *network* yang lebih baik melalui *cloud computing* ini.

Itu salah satu inisiatif kita lakukan di samping insentif-insentif kewangan dan yang lain-lain disediakan oleh kerajaan melalui agensi dan kementerian-kementerian lain. Kementerian kita memang membantu memberi teknikal *support* daripada MDEC, MIMOS dan juga agensi-agensi lain. Termasuklah untuk mereka membuka *website* melalui portal yang kita sediakan, yang kita bangunkan khusus untuk wanita. Misalnya, seperti 1nita, wanita punya portal untuk memasarkan produk dan sekarang ini menerima sambutan begitu baik.

Alhamdulillah, ramai usahawan wanita sebenarnya berjaya memasarkan produk mereka dengan pendapatan yang lebih baik sekarang ini. Itu yang kita usahakan melalui kementerian kita. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi menangani isu lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) di kalangan umat Islam di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan secara berterusan memang memberi perhatian yang serius terhadap pelbagai ideologi songsang seperti lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) yang menular di kalangan masyarakat Islam. Ini kerana gaya hidup LGBT boleh mendedahkan masyarakat kepada masalah sosial seperti kecelaruan psikologi dan mental serta risiko HIV dan AIDS.

Bagi membanteras gejala buruk dan keji ini, kerajaan melalui JAKIM telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri bagi menyusun strategi untuk menghalang penularannya hingga ke akar umbi. Kita telah mengambil dua pendekatan iaitu pendekatan pencegahan dan pendekatan penguatkuasaan undang-undang.

Dari aspek pencegahan, telah diadakan secara menyeluruh dengan memberi pendidikan dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Islam melalui program pengukuhan institusi keluarga. Antaranya Program Kursus Pra-perkahwinan Islam, program *Rumahku Syurgaku* dan pelbagai lagi. Juga rawatan pemulihan dengan memberikan rawatan kepada mereka yang pernah terlibat dengan LGBT seperti program bersama Mak Nyah dan program nasihat dan bimbingan dengan menyediakan khidmat nasihat kepada masyarakat awam melalui pelbagai medium.

Dalam aspek penguatkuasaan pula, mendakwa pihak yang bersalah sebagai hukuman agar tidak mengulangi perbuatan itu dan supaya tidak diikuti oleh orang lain. Jelas, undang-undang telah memperuntukkan secara jelas dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 yang boleh dikuatkuasakan kepada orang Islam sahaja. Peruntukan-peruntukan itu ada di bawah seksyen 21, seksyen 22, seksyen 25, seksyen 26, seksyen 28 dan seksyen 29.

Sehubungan itu, kerajaan dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa negeri akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit sekiranya didapati telah melanggar mana-mana peruntukan. Buat masa sekarang, tiada peruntukan undang-undang, malah mana-mana agama di negara ini yang membenarkan hubungan sejenis, seks bebas dan perkahwinan sejenis. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu menyeluruh.

■1100

Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada dan mengadakan modul khas bagi membendung ideologi ini tentang kesan dan bahayanya kepada masyarakat kita terutama di peringkat sekolah rendah dan adakah kerajaan bercadang mengadakan pusat pemulihan seperti juga pusat pemulihan akhlak dan pusat pemulihan dadah? Sejauh mana kerjasama di antara kerajaan dan JAKIM untuk menangani masalah ini terutamanya dengan media TV berbayar untuk menangani masalah ini dari berlarutan?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya isu LGBT ini tidak boleh ditangani oleh pihak JAKIM bersendirian. Ia memerlukan semua pihak bekerjasama daripada pelbagai aspek. Berkenaan dengan pindaan undang-undang, untuk makluman Yang Berhormat, undang-undang sedia ada sebenarnya telah pun mencukupi untuk membendung keadaan ini dan saya boleh katakan bahawa sehingga hari ini keadaan masih lagi terkawal. Bagi membendung ideologi ini memang kita bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dengan Kementerian Pelajaran dan sebagainya untuk memberikan makluman ini supaya hal ini disedari sejak daripada sekolah rendah lagi.

Berkenaan dengan pusat pemulihan, buat masa sekarang tindakan yang kita ambil ialah lebih kepada pencegahan seperti yang saya sebut tadi antaranya ialah kita pernah mengadakan beberapa program pemulihan umpamanya bersama dengan golongan mak nyah yang telah kita adakan beberapa kali dan pesertanya makin bertambah. Kita mengharapkan hal ini dapat memberikan kesan secara individu kepada mereka yang menyertainya secara suka rela dan bukannya dipaksa untuk masuk kepada pusat-pusat pemulihan dan sebagainya.

Tidak dapat dinafikan Yang Berhormat kalau kita lihat bahawa dalam *internet* dan sebagainya gerakan homoseksual ini merupakan ataupun LGBT merupakan satu gerakan yang bukan sahaja berlaku di negara Malaysia tetapi yang berlaku secara antarabangsa. Tidak dinafikan bahawa memang wujud adanya dalam web seperti laman-laman web yang menggalakkan ke arah tersebut dan kita harap hal ini akan dapat kita maklumkan kepada SKMM. Walaupun demikian Yang Berhormat, dalam negara kita ini kalau ada pihak-pihak yang tertentu menyedari hal-hal seumpama ini, mereka perlulah membuat laporan terlebih dahulu untuk membolehkan terutamanya bagi pihak SKMM untuk mengambil tindakan. Jadi kalau tidak ada sebarang laporan yang dibuat oleh mana-mana pihak jadi tindakan tidak dapat diambil. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Johari.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan tadi dan penerangan. Saya lihat LGBT ini telah jadi satu masalah nasional. Jadi saya ingin tahu daripada simpanan rekod yang ada berapa sebenarnya golongan ini rekod atau jumlah golongan ini? Kedua ialah saya ingin bertanya adakah kerajaan telah membuat susulan kepada kursus pra perkahwinan kepada kursus keibubapaan. Kalau sudah ada sejauh mana dapat ditingkatkan kerana perkara ini juga ibu bapa, institusi keluarga perlu diberi peranan dan disedarkan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan. Yang Berhormat sebenarnya kalau merujuk kepada jumlah sebenar saya mesti mendapatkan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Cuma untuk makluman Yang Berhormat untuk mendapatkan jumlah, kalau saya bercakap tentang *gay* misalnya bukan satu perkara yang mudah sebab kita terpaksa membuktikan bahawa berlakunya perlakuan songsang ini di antara lelaki dengan lelaki bukan satu perkara yang mudah untuk membuktikannya. Akan tetapi bibit-bibit dan nampak kita kata simptom-simptom adanya perkara ini memang wujud. Jadi untuk merekodkan mereka ini sebagai satu pesalah mungkin agak sukar dan ini tidak dibuat oleh JAKIM ataupun Jabatan Agama Islam Negeri. Ini kerana kita tidak ada macam kita sebut tadi pusat pemulihan dan sebagainya tetapi saya tidak pasti sama ada ia dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun tidak.

Berkenaan dengan susulan dalam pra perkahwinan. Kita pernah mengadakan satu cadangan untuk selepas seseorang itu mendirikan rumah tangga untuk mereka menghadapi kursus juga sebelum dan juga selepas. Pra perkahwinan ataupun sebelum perkahwinan hanyalah memberi *basic* ataupun perkara-perkara asas sahaja tentang perkahwinan. Apa yang kita harapkan ialah daripada pasangan yang hendak berkahwin itu sendiri mestilah ada satu kesedaran untuk mereka menghadiri kursus-kursus ini secara sukarela. Amat sukar bagi pihak kerajaan untuk meletakkan satu keperluan ataupun paksaan kepada mana-mana pasangan yang telah berkahwin untuk mengikuti kursus selepasnya. Sedangkan kursus sebelum perkahwinan pun Yang Berhormat banyak yang cuba mengelak apa lagilah selepas daripada berkahwin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan pertanyaan yang kelima Dato' Dr. Firdaus.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh wakil.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus telah menulis surat kepada saya semalam dan meminta Datuk Rahman membangkitkan perkara ini dan nampaknya kementerian pun ada, saya mempersilakan. Gunakan budi bicara saya, saya benarkan.

5. Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar *[Di bawah P.M 23(2)]* minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

(a) status penubuhan Parlimen Belia dan bentuk program yang dirancang dan apakah yang Kerajaan ingin capai dengan penubuhan Parlimen Belia ini; dan

(b) bagaimanakah keanggotaan Parlimen Belia dipilih dan bagaimana jangka masa perkhidmatan setiap ahli yang dipilih/dilantik.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Parlimen Belia Malaysia merupakan salah satu inisiatif yang diputuskan oleh para belia melalui perbincangan mereka di dalam makmal transformasi pembangunan belia yang telah diadakan pada 1 November 2010 hingga 10 Disember 2010. Manakala pengumumannya telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Mei 2011. Pelaksanaan inisiatif ini diharap dapat menjadi platform kepada para belia untuk bersuara mengikut saluran yang betul, berpeluang mengutarakan isu-isu yang berkaitan belia, serta memberikan pendedahan awal mengenai sistem demokrasi berparlimen selain menjadi pengantara di antara belia dengan kerajaan.

Parlimen Belia dapat memberi pendedahan dan didikan awal kepada para belia mengenai penetapan sesuatu dasar atau penggubalan satu-satu akta. Bagi menjayakan inisiatif ini sistem e-PBM telah dilancarkan pada 22 November 2012 bagi membolehkan belia yang berusia 15 hingga 40 tahun untuk mendaftarkan diri sebagai pemilih. Manakala belia yang berusia 18 hingga 30 tahun pula mereka boleh menawarkan diri sebagai calon jika berminat. Promosi, publisiti dan hebahan mengenai pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia ini sedang dibuat menggunakan media sosial *Virtual Youth Resource Centre* (VYREC) dengan kerjasama *Yahoo*.

Taklimat kepada pemimpin-pemimpin bukan kerajaan dan pegawai belia dan sukan di semua peringkat juga sedang giat diadakan sejak November yang lalu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, permohonan untuk menjadi Ahli Parlimen Belia akan dilaksanakan secara atas talian mengikut kawasan Parlimen di seluruh negara. Manakala keanggotaan iaitu sebanyak 222 Ahli mengikut kerusi-kerusi Parlimen Malaysia, dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria yang telah ditetapkan. Manakala tempoh perkhidmatan Ahli Parlimen Belia kelak adalah selama dua tahun. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar negara mempunyai Kerusi 222, Parlimen. Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan Parlimen belia di semua 222 bahagian tersebut, kalau ya, bila hendak dimulakan?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ya kita akan bercadang untuk mengadakan 222, malahan sedang pun kita buka kepada para belia untuk menawarkan diri mengikut kawasan Parlimen masing-masing kerana bagi yang hendak bertanding seperti yang saya katakan tadi umur 18 sehingga 30 dan mereka hendaklah menggunakan IC mereka bagi menetapkan tempat mereka bertanding dan juga bagi pemilih tempat mereka memilih. Walaupun *insya-Allah* bila diadakan awal tahun hadapan mereka berada di Australia umpamanya tetapi alamatnya di Terengganu mereka boleh mengundi di situ.

Bagi yang hendak jadi calon, bagi kerusi yang 222 mereka hendaklah mendapatkan 50, antara syaratnya 50 sokongan daripada belia setempat, tempat dia hendak bertanding di samping mendapat sokongan daripada mana-mana pertubuhan belia dalam kawasan Parlimen tersebut bagi melayakkan mereka menawarkan diri sebagai calon. Kempen pun melalui alam maya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Silakan Dato' Haji Rahim.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah seperti yang kita tahu, kita mempunyai dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Untuk menubuhkan Dewan Parlimen Belia ini, adakah cadangan kerajaan untuk mengadakan dua Dewan ataupun satu sahaja iaitu asas Dewan Rakyat sahaja. Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Yang paling mustahak, Ahli Parlimen Belia tidak boleh beranggapan mereka merupakan wakil rakyat. Jadi mereka tidak berbincang mengenai isu-isu atau tugas-tugas sebagai Ahli Dewan Rakyat mahupun Ahli Dewan Negara. Akan tetapi, mereka hendaklah membangkitkan ataupun secara mudah boleh saya katakan sidang mereka yang berlangsung empat kali setahun ini adalah seperti *Select Committee* di mana sebelum mereka bersidang dan mereka bersidang bukan macam kita tiga, empat bulan atau dua minggu dan sebagainya.

Mereka hanya bersidang dalam tiga, empat hari. Sebelum bersidang ada pra persidangan mengenal pasti isu-isu dan kemudiannya bersetuju dengannya alam sekitar, pendidikan, pekerjaan, perumahan dan sebagainya atas *pre council* yang dilakukan. Kemudian mereka akan mengadakan satu pusingan berjumpa dengan rakyat seperti *public hearing,* kemudian dapatan itu dibentangkan semasa mereka bersidang dan mereka akhirnya dapat memberikan cadangan terhadap perkara-perkara yang mereka peroleh sepanjang tempoh mereka turun ke bawah berjumpa rakyat dan dibawa dalam *pre council*, dibawa dalam perbahasan mereka dan kemudiannya diangkat kepada pihak kerajaan.

Secara mudah mereka tidak berfungsi seperti wakil rakyat ataupun Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara seperti yang ada sekarang tetapi pendedahan kepada proses pembinaan satu-satu dasar dapat mereka manfaatkan. Terima kasih.

6. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan, apakah langkah-langkah kementerian dalam memastikan industri getah terus menjana pendapatan negara daripada segi penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang baru bagi memastikan industri getah negara terus stabil di pasaran dunia.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan yang bertanya soalan untuk kementerian saya. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2011 nilai eksport produk-produk berasaskan getah adalah sebanyak RM32.42 bilion iaitu peningkatan sebanyak 23.7 peratus berbanding dengan tahun 2010.

Bagi tempoh Januari sehingga September 2012, nilai eksport produk-produk berasaskan getah adalah sebanyak RM21.69 bilion. Daripada jumlah ini, getah asli mencatatkan nilai eksport sebanyak RM6.03 bilion manakala eksport produk berasaskan getah adalah sebanyak RM10.85 bilion dan lain-lain produk yang berkaitan getah adalah sebanyak RM4.80 bilion. Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) sentiasa memberi perhatian bagi memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menghasilkan produk-produk baru agar sektor ini terus maju dan menjana pendapatan eksport negara. Antara hasil R&D tersebut adalah:

(i) penghasilan *ecoprena* iaitu getah termaju dan mesra alam yang boleh digunakan dalam pembuatan tayar kenderaan. Produk ini boleh menggantikan bahan yang diperbuat daripada getah sintetik yang terhasil daripada industri petroleum. Permintaan ke atas bahan mesra alam ini dijangka akan meningkat sehingga 3 juta tan menjelang tahun 2020;

(ii) *pureprena* sejenis bahan mesra alam yang boleh digunakan dalam penghasilan barangan getah am dan industri; dan

(iii) *seismic rubber bearing,* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua bagi kegunaan bangunan dan jabatan dari kesan gempa bumi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu untuk memastikan produk getah keluaran negara sentiasa kompetitif di pasaran global, aktiviti R&D ke atas produk sedia ada sentiasa dipergiat seperti contoh LGM telah berjaya menghasilkan sarung tangan getah asli tanpa

protein serta lebih berkualiti berbanding sarung tangan getah tiruan. Negara terus kekal sebagai pengeluar dan pengeksport sarung tangan getah terbesar dengan menguasai 62 peratus daripada pasaran dunia dengan nilai eksport hampir RM10 bilion setiap tahun.

Seperti mana yang disasarkan di bawah Program Bidang Ekonomi Utama Negara, *National Key Economic Area* (NKEA) getah iaitu pengeluaran getah asli negara sebanyak 2 juta tan metrik pada tahun 2020. Pelbagai usaha telah dan akan dilakukan bagi memenuhi permintaan industri domestik dan pasaran eksport. Sehubungan dengan ini, penggunaan klon-klon getah yang tulen dan bermutu tinggi amat penting.

Justeru itu, LGM telah berjaya membangunkan satu aplikasi yang dikenali sebagai i-klon untuk mengenal pasti klon-klon getah dengan menggunakan telefon bimbit. Dengan menggunakan peralatan ini, ketulenan klon boleh dikenal pasti di peringkat awal penanaman. Klon yang diragui ketulenannya akan diganti dengan klon yang sebenar. Dengan berbuat demikian, hanya klon-klon yang tulen dan berkualiti serta berhasil tinggi sahaja yang akan ditanam di kawasan tanaman getah. Langkah ini akan memastikan pengeluaran getah asli negara sentiasa berada di sekitar 1 juta tan setahun.

Walaupun keluasan tanaman getah negara telah mengalami kemerosotan dari 1.84 juta hektar pada tahun 1990 kepada 1.02 juta hektar pada tahun 2011. Langkah ini juga akan memastikan industri hiliran getah negara terus berkembang tanpa dijejaskan oleh kekurangan bahan mentah dan kerajaan akan senantiasa memastikan industri ini akan berdiri kukuh dan stabil di pasaran dunia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mempersilakan soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya bagaimanakah pihak kementerian dapat memastikan pendapatan pekebun kecil kita ini tidak terjejas dengan kedudukan harga getah yang turun naik. Dengan izin, *can we stable in the global market*? Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama saya faham. Soalan kedua ini saya kurang faham, sama ada saya tidak faham bahasa Inggeris ataupun Yang Berhormat Senator soalannya tidak berapa tepat. Cuma saya hendak tanya, mungkin soalan nombor dua itu bolehkah kita tentukan bahawa harga pasaran itu stabil di pasaran dunia. Adakah itu soalannya?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Betulkah Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak reti saya punya menjawab?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat. Okey, terima kasih. Jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itulah sudah kata, dia sudah mengaku betullah itu.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Kalau betul jawab. Kalau tiada you boleh tulis. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sangka Yang Berhormat Senator ini garang. Saya ingat dia garang dengan seorang sahaja dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia *concern* ramai penoreh-penoreh getah ini kaum India pun ramai sekali *concern* kaum itu juga.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Oh! Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Okey, Tuan Yang di-Pertua saya faham bahawa...

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk. Sudah mahu jawab sudah. Jawab.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang dia sibuk hendak bangun lagi kenapa Tuan Yang di-Pertua?... *[Ketawa]* Dia tidak faham. Dia boleh bangun dua kali sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia berminat dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab soalan yang pertama tentang pendapatan pekebun kecil. Pendapatan pekebun kecil ini kita samakan dengan harga getah di seluruh dunia. Pasarannya agak turun naik, yang tentunya adalah untuk kita tentukan supaya harga getah itu stabil. Untuk menentukan harga getah itu stabil di pasaran dunia, kita bergabung di antara Malaysia, Indonesia dan Thailand di bawah satu perjanjian yang kita namakan *International Tripartite Rubber Council* (ITRC).

Ini kita adakan mesyuarat pada tiap-tiap tahun sebanyak dua kali. Pada minggu ini, kita akan bermesyuarat bersama dengan ketiga-tiga negara ini dan kita menjemput sebuah negara lagi Vietnam untuk bersama dalam *council* ini supaya pengeluaran getah kalau empat negara ini bergabung, berjumlah lebih daripada 85 peratus hasil getah dipunyai oleh empat negara ini. Maka bolehlah kita tentukan pasaran harga dunia agak stabil.

■1120

Ini kerana harga dunia ini ditentukan oleh harga mengikut konsep *supply and demand*. Maka sebab itu bila kita menentukan bahawa kita ada memegang jumlah pengeluaran yang dipelopori oleh empat negara ini, maka kita boleh menentukan supaya harga sentiasa stabil pada setiap masa.

Walau bagaimanapun, kita sedar bahawa kompetitif yang hebat atau *competition* yang hebat datangnya daripada *synthetic rubber.* Maka sebab itu, kita sentiasa mengkaji dalam keadaan supaya harga *synthetic rubber* itu tidak jauh ketinggalan daripada harga getah *natural rubber*. Oleh sebab itu kita sentiasa bersedia, kalau harga pasaran dunia stabil, maka sudah tentu harga pasaran untuk pekebun kecil juga akan stabil pada setiap masa. Jadi, itulah soalan yang saya tentukan untuk nombor satu dan nombor dua jawapannya sekali untuk Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sungguh kagum dengan pengeluaran yang begitu tinggi eksport berhubung dengan getah dan produk getah ini. Soalan saya ialah bagaimanakah kedudukan negara dari segi pengeluaran produk-produk getah yang *sophisticated* dengan izin, seperti tayar-tayar F1 dan sebagainya? Macam mana kedudukan negara dari segi produk-produk seumpama ini? Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim tentang soalan yang dibangkitkan. Saya hendak jelaskan di sini, seperti yang saya katakan tadi dalam jawapan saya yang pertama tadi, kita menghasilkan satu getah termaju yang kita namakan *ecoprena*. *Ecoprena* ini adalah merupakan getah mesra alam yang digunakan untuk tayar yang *sophisticated* untuk tentukan bahawa penggunaan getah mesra alam bagi masa hadapan.

Oleh sebab itu, dari segi pengeluaran tayar yang *sophisticated* untuk Formula 1 contohnya, kita tidak keluarkan tayar tersebut tetapi kita mengeluarkan bahan mentah untuk menggunakan tayar tersebut. Itu yang lebih penting kepada kita kerana industri pengeluaran tayar ini banyaknya dikeluarkan di negara China, India, *Europe* dan Amerika. Jadi, kita tidak boleh bersaing dengan mereka dari pengeluaran tayar tersebut tetapi kita boleh mengeluarkan bahan mentah yang *sophisticated* untuk digunakan bagi pengeluaran tayar-tayar yang terhebat dan bermutu tinggi di seluruh dunia. Itu yang kita keluarkan dan itulah kajian yang kita buat selama ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta Menteri Pelajaran menyatakan, para pelajar dan generasi muda hari ini perlu disuntik pengetahuan dan kesedaran mengenai betapa pentingnya pemuliharaan hutan dan alam semula jadi demi kehidupan manusia dan haiwan untuk jangka masa panjang. Apakah pendekatan pihak kementerian dalam menitikberatkan pendidikan dalam hal tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menerapkan pembelajaran tentang kepentingan pemuliharaan hutan dan alam semula jadi yang menjurus kepada alam sekitar dan ekosistem di dalam kurikulum sekolah. Melalui kurikulum, pembelajaran serta pendedahan tentang kepentingan pemuliharaan hutan dan alam semula jadi diajar melalui mata pelajaran itu sendiri secara merentas kurikulum. Pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan hutan dan alam semula jadi di ajar secara eksplisit dalam mata pelajaran Geografi dan Sains.

Pendidikan alam sekitar merentas kurikulum telah dilaksanakan dalam kurikulum persekolahan sejak 1992 dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa melalui pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum. Unsur-unsur alam sekitar dan ekosistem diajar di dalam mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Kandungan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum terdiri daripada elemen berikut iaitu:

(i) Tuhan pencipta alam semesta dan sekalian makhluk;

(ii) bumi dan alam semesta;

(iii) benda bukan hidup, sumber semula jadi dan tenaga;

(iv) benda hidup dan alam sekitarnya;

(v) interaksi antara manusia, haiwan dan tumbuhan; dan

(vi) pengurusan alam sekitar.

Selain kurikulum, kaedah kokurikulum juga digunakan di mana murid-murid dilibatkan dengan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar melalui kegiatan yang dijalankan dari semasa ke semasa. Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa berkolaborasi dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan dan Hidupan Liar (PERHILITAN) dan juga dengan NGO seperti Tabung Pelindungan Hidupan Liar (WWF) dalam menjalankan aktiviti untuk memberi pengalaman, pengetahuan dan kesedaran kepada murid. Terima kasih.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang diberi. Saya hendak tahu sama ada pelajar-pelajar juga diberi aktiviti luaran sebagai pendedahan kepada mereka mengenai alam sekitar? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya jelaskan tadi, selain daripada merentasi kurikulum, kita juga mendedahkan pelajar tentang alam sekitar ini melalui aktiviti kokurikulum ya. Jadi dengan kata lain bahawa semua ini kita lakukan daripada peringkat sekolah rendah hinggalah sekolah menengah iaitu tiga pendekatan ini iaitu merentasi kurikulum, dalam kurikulum itu sendiri dan yang ketiga ialah kokurikulum, aktiviti luar. Ini banyak melibatkan NGO-NGO seperti, saya ambil contoh baru-baru ini, saya menghadiri program yang dianjurkan oleh *Intel* antarabangsa di mana itu menjadi sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka iaitu mereka mengadakan aktiviti luaran di mana pelajar-pelajar dibawa kepada aktiviti tersebut. Jadi, pendekatan kokurikulum memang ada. Terima kasih.

8. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi masalah kesesakan tempat letak kereta di hospital-hospital kerajaan khususnya seperti Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Sungai Buluh dan Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum akan masalah kekurangan tempat meletak kereta di hospital kerajaan seluruh negara.

Antara langkah-langkah yang telah di ambil bagi mengatasi maslah ini adalah dengan pembinaan tempat letak kereta tambahan di dalam kawasan hospital serta di kawasan berhampiran di luar kawasan hospital sekiranya ada.

Selain itu, tempat letak kereta bertingkat juga telah dibina di beberapa hospital bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta ini. Beberapa buah hospital juga telah memulakan perkhidmatan *shuttle service,* dengan izin, di mana kenderaan serta bas khas disediakan bagi mengangkut pesakit pergi balik daripada stesen bas berhampiran ke hospital.

Kementerian Kesihatan juga sedang mengkaji kaedah pengurusan tempat letak kereta oleh pihak swasta di hospital-hospital kerajaan seluruh negara. Melalui kaedah ini, pihak Kementerian Kesihatan ataupun kerajaan akan membiayai pembinaan tempat letak kereta dan pihak swasta dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pengurusan dan menyelenggarakan tempat letak kereta di hospital-hospital kerajaan dan sebagai balasan, dibenarkan mengutip bayaran dengan kadar nominal dan tertakluk kepada persetujuan Kementerian Kesihatan Malaysia agar tidak membebankan orang awam.

Selain pihak kerajaan sendiri menampung kos pembinaan tempat letak kereta tambahan, Kementerian Kesihatan juga sedang mengkaji kaedah pembinaan tempat letak kereta bertingkat menggunakan kaedah pembiayaan swasta atau PFI dengan izin, di mana pihak swasta akan membiayai pembinaan tempat letak kereta bertingkat di hospital-hospital kerajaan serta menanggung kos pengurusan dan penyelenggaraannya.

■1130

Sebagai balasan, pihak swasta tersebut dibenarkan mengutip bayaran dari pengunjung hospital yang hendak menggunakan tempat letak kereta tersebut. Kadar yang dibenarkan adalah nominal dan tertakluk kepada persetujuan Kementerian Kesihatan Malaysia agar tidak membebankan orang awam.

Tempoh konsesi pemungutan bayaran tempat letak kereta akan ditetapkan secara rundingan di antara kerajaan dan pemegang konsesi yang mana tempoh kebiasaannya adalah sehingga pihak swasta tersebut memperoleh semula pelaburan yang dibuat. Adalah diharapkan dengan pendekatan yang dinyatakan di atas akan dapat mengatasi masalah tempat letak kereta di hospital-hospital kerajaan. Terima kasih.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan sebentar tadi. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang keperluan tempat letak kereta untuk awam yang sering menjadi sungutan dan rungutan awam.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah kejayaan pelaksanaan *out searching* pengurusan tempat letak kereta awam antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Syarikat Imej Parking Sdn. Bhd. di Hospital Kuala Lumpur (HKL)? Sejauh manakah kemajuan cadangan projek tempat letak kereta bertingkat secara penswastaan untuk hospital-hospital kerajaan? Apakah langkah kerajaan memastikan hanya syarikat yang berwibawa, mempunyai kepakaran, berpengalaman dan modal yang mencukupi serta kalau boleh bertaraf bumiputera diberikan peluang bagi projek ini?

Ketiganya, mengapakah projek untuk mengadakan tempat letak kereta di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu agak perlahan pelaksanaannya sedangkan keperluan *parking* tersusun yang bersegera sangat terdesak memandangkan *parking* yang ada sekarang sangat-sangat tidak mencukupi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini pengurusan tempat letak kereta di Hospital Kuala Lumpur sedang diuruskan oleh Syarikat Bismark Technology Sdn. Bhd. sehingga 31 Disember 2012, Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, kementerian sedang mengkaji pilihan yang terbaik untuk menyediakan kemudahan tempat letak kereta yang sedia ada kepada pesakit serta pelawat selepas tarikh tersebut termasuklah tempat letak kereta di kompleks rawatan harian yang baru sahaja siap yang mempunyai lebih kurang 300 lot *parking* ataupun parkir, tempat letak kereta.

Untuk menjawab kepada soalan yang kedua, sejauh manakah kemajuan yang dicapai oleh pihak kementerian? Untuk menyediakan *parking* secara bertingkat ataupun tempat letak kereta bertingkat dengan memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang berwibawa serta berkepakaran dan mempunyai modal yang cukup dan yang pentingnya mempunyai taraf bumiputera.

Untuk menjawab soalan ini Yang Berhormat, cadangan projek untuk menyediakan tempat letak kereta bertingkat secara kerjasama awam dan swasta selalunya akan diuruskan oleh pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat. Sehingga kini kementerian telah mengenal pasti tiga hospital untuk dilaksanakan projek tempat letak kereta secara bertingkat melalui kaedah ini Yang Berhormat. Antara hospital-hospital tersebut adalah Hospital Kuala Lumpur, Hospital Umum Sarawak dan juga Hospital Klang.

Di samping itu Yang Berhormat, bagi hospital-hospital lain kita akan mengkaji keperluannya daripada semasa ke semasa memandangkan projek-projek yang sedia ada, yang sedang dalam pembinaan telah disediakan *parking* ataupun tempat letak kereta secara bertingkat. Begitu juga dengan projek-projek yang sedang dirancang di bawah peruntukan pembangunan 2013 juga mengambil maklum mengenai perkara ini.

Mengenai soal pelaksanaan tempat letak kereta Hospital Sultanah Nur Zahirah Terengganu. *Insya-Allah* saya akan memberikan maklumat secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

9. **Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

(a) statistik kolej swasta (IPTS) yang ditutup sejak tiga tahun lalu; dan

(b) usaha-usaha pemantauan terhadap Program Jarak Jauh (PJJ) yang ditawarkan di IPTA dan IPTS.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini,

(a) pada tahun 2011 sebanyak dua buah institusi pengajian tinggi swasta telah diambil tindakan pembatalan kelulusan penubuhan dan dua buah IPTS lagi dikenakan tindakan pembatalan pendaftaran. Kedua-duanya di bawah Akta IPTS 1996 atau Akta 555 manakala pada tahun 2012 pula hanya sebuah IPTS yang telah dibatalkan kelulusan penubuhannya.

Berkenaan soalan kedua Yang Berhormat Senator,

(b) mengenai Program Pengajian Jarak Jauh (PJJ), kementerian ini melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah membangunkan kod amalan *Open and Distance Learning* dengan izin, yang menggariskan amalan baik atau dengan izin, *good practices* berkenaan pembelajaran terbuka dan jarak jauh. Kod amalan ODL ini bertujuan membantu IPT memastikan kualiti program yang ditawarkan supaya setanding dengan program yang dilaksanakan secara konvensional yakni bersemuka. Kod amalan ini digunakan oleh MQA bagi tujuan penilaian dan pemantauan kualiti serta menjadi panduan kepada IPT dalam mengendalikan program ODL di institusi masing-masing.

Bagi program pengajian yang ditawarkan di IPTA termasuk program pengajian jarak jauh, satu Jawatankuasa Pendidikan Tinggi di KPT telah diwujudkan untuk meluluskan dan memantau kursus-kursus yang ditawarkan itu.

Manakala di IPTS pula, KPT akan meluluskan penawaran Program Pengajian Jarak Jauh dengan berhati-hati bagi memastikan penawaran program itu menepati kualiti yang diharapkan. Sehingga 31 Oktober 2012, hanya enam IPTS dibenarkan menawarkan Program Pengajian Jarak Jauh iaitu:

(i) *Al-Madinah International University*;

(ii) Universiti Tun Abdul Razak;

(iii) Universiti Terbuka Wawasan;

(iv) Universiti Terbuka Malaysia (OUM);

(v) *Asia eUniversity*; dan

(vi) International Centre for Education in Islamic Finance.

Kurikulum kursus pengajian yang hendak dikendalikan oleh IPT hendaklah dibentuk supaya dapat mencapai hasil yang dinyatakan dan mengikut garis panduan MQA. Bagi memastikan pengawalan kualiti IPTS termasuk dalam aspek kurikulum dan pengajian jarak jauh, pihak KPT sentiasa melaksanakan penyeliaan dan pemantauan secara berkala ke atas IPTS melalui pelbagai operasi dari semasa ke semasa.

Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan kepada soalan yang telah dikemukakan. Di sini saya ingin bertanya, pada kebiasaannya kolej atau IPTS yang ditamatkan, ditutup itu boleh tak mohon balik? Itu satu. Kedua, berhubung dengan penutupan ini, apa sebabnya pada kebiasaannya kesalahan-kesalahan yang telah diambil tindakan sehingga sesebuah IPT itu ditutup?

Setakat ini berapa banyak jumlah IPTS yang masih beroperasi dalam negara kita dan berapa peratuskah peranan yang dimainkan oleh IPTS ini di dalam membangun pendidikan negara? Seterusnya, adakah pihak kerajaan menyediakan dana bantuan kepada IPTS yang sedang beroperasi? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

■1140

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Bekas pensyarah punya soalan ini susah hendak dijawab. Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi IPTS yang telah ditutup, di samping yang saya sebutkan tadi, sebenarnya pada tahun 2010 ada 64 buah IPTS terlibat dalam operasi yang kita panggil, *Ops Within Out* dan 27 buah daripadanya telah dibatalkan kelulusan penubuhannya. Ini adalah lanjutan daripada apa yang saya sebutkan sebelum tadi.

Kalau sehingga membawa mereka ditutup lazimnya mereka memang membuat kesalahan-kesalahan yang agak besar. Ada dua bentuk kesalahan. Satu, kesalahan yang hanya dikenakan kompaun dan kompaun itu dilakukan oleh pihak pendakwa di kementerian kami. Kesalahan-kesalahan ini lazimnya adalah kalau mereka tidak menawarkan atau dia istilah mudahnya dia tipulah dalam iklan dari segi makmal dan sebagainya ataupun jumlah dan kualiti pensyarah yang disediakan. Akan tetapi ada juga yang lebih serius daripada itu yakni menawarkan kursus yang tidak diluluskan. Yang itu didakwa di mahkamah di bawah seksyen 38 [*Akta 555*]. Setakat ini tiga buah IPTS dikenakan dijatuhkan hukuman di mahkamah dan tiga lagi sedang dalam proses.

Kalau mereka cuma di kompaun, lazimnya kalau dia memohon semula dan menunjukkan mereka ini sudah taubat, sudah membetulkan segala kesilapan itu, ada kemungkinan mereka boleh dibenarkan. Akan tetapi walaupun ini belum ada kes, rasa-rasanya kalau dia sudah kena hukuman di mahkamah itu mungkin taubat *nasuha* pun agaknya sukar. Sebab itu biasanya kesalahan luar biasa.

Dari segi jumlah IPTS yang berdaftar sekarang. Kita ada 61 buah yang bertaraf universiti, kolej universiti ataupun kampus cawangan universiti luar negara. Yang lazimnya yang 61 ini Tuan Yang di-Pertua kita tidak ada isu dengan mereka, kita tidak ada masalah.

Akan tetapi kita ada 413 lagi yang bertaraf kolej yang menawarkan sijil dan diploma. Yang ini di sana sini mungkin ada sesuatu masalah. Cuma saya hendak ambil kesempatan juga menyebutkan bahawa ada juga IPTS yang menawarkan kursus-kursus pendek misalnya kursus komputer, kursus bahasa yang tidak berdaftar di bawah Akta 555. Dia berdaftar di bawah Akta 650 dan dia berada di bawah bidang kuasa kementerian sepupu kami yakni Kementerian Pelajaran.

Dari segi dana untuk IPTS, buat masa ini dana yang dapat dikongsi bersama dengan mereka ialah dana *research and development* (R&D*).* Ini khusus kepada 61 buah terutamanya daripada 61 itu ialah 34 yang bertaraf universiti dan 21 yang bertaraf kolej universiti.

Dari segi peratusan sumbangan IPTS kepada pendidikan tinggi negara, saya boleh katakan kalau dikira dari segi jumlah pelajar, dia hampir 50 peratus. Oleh sebab jumlah pelajar kita ini hampir sama banyak di IPTA. IPTA itu termasuk politeknik dan kolej komuniti dan IPTS yang kesemua kategori yang sebutkan. Dia hampir seimbang dan kita memang sangat-sangat berterima kasih kepada pihak IPTS yang sama-sama membangunkan pendidikan tinggi negara. Terima kasih.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya Puan Hajah Noriah binti Mahat. Sila Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, dimaklumkan ada sesetengah kolej yang menawarkan PJJ ini di mana mereka hanya hadir lapan jam untuk menghabiskan keseluruhan silibus yang sepatutnya dihabiskan lima belas jam dalam satu semester. Mereka juga hanya diarah untuk menghantar satu *assignment*. Ini akan melahirkan graduan yang tidak berkualiti. Jadi pernah kah kementerian mengambil tindakan ke atas institusi ini dan berapa banyak universiti yang telah diambil tindakan?

Seterusnya apakah insentif yang diberi oleh kolej-kolej swasta yang terutamanya dikendalikan oleh bumiputera dan syarikat-syarikat bumiputera yang semakin kurang muridnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua tentang kualiti sesuatu program dan kursus yang ditawarkan melalui cara ataupun kaedah PJJ oleh IPTA ataupun IPTS. Seperti yang saya sebutkan tadi ia kualiti itu dikawal oleh MQA dan pemantauan dilakukan dari masa ke semasa oleh pihak KPT. Saya tidak ada jawapan yang spesifik. Kalau ada kes yang pernah berlaku, tetapi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, tetapi saya akan bertanya kepada kedua-dua pihak itu dan saya mohon menjawab secara bertulis. Mudah-mudahan tidak adalah kes yang berlaku demikian.

Bagi yang kedua itu, bagi kolej-kolej swasta bumiputera, oleh kerana dia IPTS, adalah tidak wajar untuk kementerian melakukan *affirmative action* dalam bentuk sebegitu rupa. Akan tetapi yang sering kami lakukan ialah berjumpa bukan sahaja dengan kolej-kolej milik bumiputera tetapi kolej-kolej swasta yang kecil. Kami sentiasa menggalakkan mereka untuk bergabung sesama mereka. Sebabnya ialah dua.

Satu, kalau kolej itu terlalu kecil kemungkinan besar dia tidak boleh *survive* dari segi pendapatan dan sebagainya. Yang lebih penting lagi kalau dia terlalu kecil kemungkinan besarnya ialah dia tidak akan mempunyai kumpulan pensyarah yang berkualiti kerana dia pensyarah yang berkualiti itu gajinya lebih mahal dan oleh kerana pelajarnya tidak ramai, dia dapat pendapatan yang sikit.

Jadi nasihat kami selalu kepada mereka dan ini proses yang berterusan. Kita *engage* dengan mereka kita minta supaya bergabung. Sudah ada beberapa kumpulan bukan sahaja kolej milik bumiputera yang bergabung dan ada satu daripadanya yang bergabung beberapa buah sehingga mereka menjadi besar dan naik taraf menjadi kolej universiti. Jadi itu jalan yang terbaik untuk membantu kolej-kolej swasta yang kecil-kecil itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kita beralih ke soalan seterusnya. Saya ingin mempersilakan Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

10. Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta Perdana Menteri menyatakan, terdapat ramai mualaf yang tidak menukar kad pengenalan (selepas memeluk Islam) kepada kad pengenalan menggunakan nama Islam. Keadaan ini menimbulkan pelbagai masalah dalam pelbagai urusan. Apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada peruntukan undang-undang yang mewajibkan mana-mana mualaf untuk menukar nama mereka kepada nama Islam dan seterusnya menukar kad pengenalan mereka kepada nama Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana orang yang memeluk agama Islam akan diberi satu perakuan masuk Islam atau kad akuan masuk Islam sebagai dokumen pengesahan status memeluk Islam. Mereka hanya dinasihatkan untuk menukar status agama dan nama Islam pada kad pengenalan mereka di Jabatan Pendaftaran Negara. Terima kasih.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Timbalan Menteri. Walaupun tidak ada undang-undang tapi kami dapat lihat banyak masalah-masalah berlaku, di antara masyarakat saudara baru yang mualaf. Yang mana ada juga lebih 30 tahun pun tidak tukarkan dia punya kad pengenalan dan mereka kahwin satu dengan Islam dan satu juga dengan bukan Islam. Oleh kerana kad pengenalan itu tidak tukarkan kepada yang agama Islam.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat. Terus kepada soalan.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Soalan saya, kenapa tidak kerajaan terus menukar kad pengenalan sewaktu mereka memeluk Islam. Itu soalan saya, terima kasih.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, seperti yang saya sebut tadi memang tidak ada sekarang ini undang-undang yang mewajibkan. Ada banyak sebab. Ada sebahagian daripada saudara baru yang memeluk agama Islam memang mahu mempamerkan atau memaklumkan pengislaman mereka.

■1150

Namun, ada juga sebahagian daripada mereka atas sebab-sebab keselamatan dan sebab-sebab yang tertentu tidak mahu keadaan ini tidak mahu diketahui oleh keluarga atau sebagainya. Walau bagaimanapun, kalau Wilayah Persekutuan pengurusan saudara Muslim ini adalah berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan yang mana kita menasihatkan perkara-perkara yang berkaitan umpamanya perkahwinan, pusaka dan sebagainya itu dimaklumkan oleh saudara baru ini supaya tidak menimbulkan masalah apalagi apabila mungkin kematian berlaku dan kita tidak mahu persoalan perebutan jenazah ataupun sebagainya berlaku sekiranya saudara baru ini tidak memaklumkan kepada saudara-saudara mereka tentang pengislaman tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan soalan tambahan seterusnya, Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah susulan daripada Yang Berhormat Syed tadi yakni mereka yang telah memeluk Islam tetapi kad pengenalannya tidak bertukar yang akhirnya mereka ini kembali kepada agama asal dan berkahwin dengan yang bukan Islam. Jadi ini sangat serius yang mana mereka ini telah murtad kalau mengikut hukum Islam. Jadi, apakah tindakan kerajaan memastikan supaya perkara ini tidak berlaku dan adakah tidak boleh kerajaan secara automatiknya apabila mereka ini memeluk Islam, kad pengenalan baru diberikan kepada mereka supaya identiti Islam mereka itu jelas dan termaktub dalam pendaftaran negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun ada yang berkata, "Apa ada pada nama?" tetapi kita percaya bahawa identiti itu sangat penting.

Seperti yang kita sebut tadi walaupun kad pengenalan tidak bertukar tetapi kad perakuan bahawa mereka ini sebagai seorang Muslim ataupun kita namakan sebagai kad akuan masuk Islam di mana satu kad khas yang akan diserahkan kepada mereka ini memang ada. Inilah yang menjadi satu bahan bukti kepada sebahagian kepada mereka apabila berlaku pertikaian antara keluarga dan kita dapati ada kad ini yang mengesahkan bahawa ia sebenarnya adalah seorang Islam. Isu yang berlaku mengatakan bahawa sebahagian daripada Muslim ini yang berkahwin pula dengan yang bukan Islam, saya tidak dapat kesan kes ini begitu banyak berlaku. Cuma kemungkinan kebimbangan berlakunya perkara-perkara seumpama ini.

Pada hemat saya Yang Berhormat, ianya tidak berlaku hanya sekadar kerana kad pengenalan tidak bertukar. Untuk makluman seperti yang saya beritahu pada Yang Berhormat, sebahagian daripada mereka masih lagi merahsiakan pengislaman mereka ini kerana khuatir dari soal keselamatan dan sebagainya mungkin terjejas, keluarga dan sebagainya. Jadi mereka tidak memaklumkan tetapi kad yang kita berikan kepada mereka sebagai kad perakuan itu mestilah disimpan. Sekiranya berlaku apa-apa, inilah sebagai satu-satunya bukti. Persoalan supaya akidah mereka ini tidak terjejas dan sebagainya, itu kita laksanakan melalui program-program yang seterusnya seperti program pengukuhan akidah dan sebagainya yang dilakukan daripada semasa ke semasa bagi saudara-saudara baru yang memeluk agama Islam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya soalan Puan Chew Lee Giok. Silakan Yang Berhormat.

11. Puan Chew Lee Giok minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, jumlah dana yang dikutip setiap tahun di bawah rancangan perkhidmatan penyediaan sejagat - *universal services provision* (USP). Sejauh manakah kejayaan rancangan ini sejak dilaksanakan lebih sepuluh tahun yang lalu.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Chew atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok pada 11 Disember 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan Program Perkhidmatan Penyediaan Sejagat atau *universal service provision* (USP).

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Dana USP yang dikutip pada tahun 2011 adalah berjumlah RM11 bilion berasaskan kepada 6 peratus daripada jumlah hasil bersih daripada perkhidmatan yang telah ditentukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 daripada semua pemegang lesen telekomunikasi yang memperoleh pendapatan bersih melebihi RM2,000,000 setahun. Matlamat utama program ini diadakan adalah untuk merapatkan jurang digital di antara penduduk bandar dan luar bandar. KPKK melalui SKMM telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah program USP yang telah dilaksanakan dan pencapaiannya adalah seperti berikut:

(i) pemberian komputer riba 1 Malaysia sebanyak 800,000 unit setakat ini dan akan dikembangkan kepada 1.5 juta unit pada tahun hadapan;

(ii) pembinaan menara telekomunikasi bagi liputan selular awam sebanyak 664 menara;

(iii) penubuhan 3,125 kampung tanpa wayar 1 Malaysia;

(iv) penubuhan 251 pusat *internet* 1Malaysia sedia ada iaitu penjenamaan semula Program Pusat Jalur Lebar Komuniti di mana 146 buah lagi sedang dalam pelaksanaan;

(v) penubuhan perpustakaan jalur lebar di 99 perpustakaan desa dan awam; dan

(vi) penubuhan pusat jalur lebar komuniti mini di 121 buah pejabat penerangan di seluruh negara.

Bagi negeri Sarawak, sebanyak 203 buah menara telekomunikasi telah diperuntukkan di bawah projek USP di bawah program *Time 3* di mana sebanyak 176 buah menara telekomunikasi telah siap dibina dan 27 buah lagi sedang di dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap berperingkat-peringkat pada suku pertama tahun 2013. Program ini dijangka akan meningkatkan liputan komunikasi sehingga 90.15 peratus bagi lokasi yang berpenduduk tidak kurang daripada 80 orang *per square* kilometer atau per kilometer persegi di Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan, Puan Chew Lee Giok.

Puan Chew Lee Giok: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya tentang tadi yang dinyatakan rancangan-rancangan itu. Apakah rancangan lain yang akan dirancang pada masa yang akan datang melalui USP ini dan bagaimana tadi sudah menyatakan banyak rancangan, bagaimana pencapaiannya? Adakah ia berjaya telah meningkatkan teknologi maklumat di luar bandar ini. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa program-program yang telah disebut adalah dianggap berjaya dan ianya akan lagi diperkembangkan supaya lebih banyak lagi tempat-tempat yang belum ada liputan akan disediakan liputan. Sebagaimana yang mungkin Yang Berhormat telah juga termaklum bahawa selain daripada menara-menara telekomunikasi yang akan dibina, kementerian kami juga sudah bersetuju dengan pemberi perkhidmatan iaitu mereka akan menyediakan bukan menara tetapi memakai iaitu nano GSM *base station* di tempat-tempat yang berpenduduk tetapi jauh jaraknya dari tempat-tempat lain.

Maka, ini sedang dilaksanakan di beberapa perkampungan pendalaman di negeri Sarawak dan Sabah dan seperti yang mungkin telah diumumkan iaitu seperti di kawasan Lawas, banyak penduduk di pendalaman, kampung-kampung di pedalaman jauh di antara satu kampung ke satu kampung tetapi kampungnya agak besar juga.

■1200

Oleh yang demikian, maka kita menggunakan kaedah yang boleh dikatakan boleh dipakai di tempat yang seperti itu. Ini memang sudah tentunya akan merapatkan jurang bukan hanya dari segi digital tetapi juga dari segi komunikasi dan mereka boleh berhubung dengan tempat-tempat lain di negara kita dan juga dengan negara luar. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Tabung USP ini ialah satu tabung yang besar dan saya ingin tahu siapakah yang sebenarnya yang bertanggungjawab dalam meluluskan penggunaan tabung ini? Apakah perancangan sama ada kutipan tahunan itu boleh dibelanjakan untuk sepanjang tahun ataupun ada satu mekanisme lain yang menggunakan konsep *revolving fund* yang akhirnya boleh melihat wang ataupun tabung ini benar-benar digunakan untuk kegunaan sepatutnya. Siapakah pihak kedua yang memantau penggunaan tabungan ini? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah satu-satunya pertanyaan yang sangat penting dan harus diketahui oleh masyarakat umum. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang sering dikatakan di Dewan ini dan Dewan Rakyat, bahawa tabung ini dikutip daripada semua pemberi perkhidmatan. Maka, dari segi penggunaan dana yang dikutip kepada tabung ini, maka pemberi perkhidmatan juga berhak untuk mengetahui bagaimana ianya digunakan. Tabung ini diuruskan oleh SKMM dan dipantau penggunaan dana ini oleh kementerian iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Memang betul sebagaimana yang telah saya katakan tadi, pada tahun 2011 kutipan adalah berjumlah RM1 bilion. Akan tetapi jangan kita lupa bahawa pada tahun-tahun kebelakangan, oleh kerana pendapatan bersih pemberi-pemberi perkhidmatan adalah lebih rendah, maka amaunnya juga rendah lagi dari RM1 bilion.

Semua projek-projek di bawah USP sebelum ianya diimplementasikan atau dilaksanakan perlu terlebih dahulu diluluskan oleh kementerian dan dipersetujui juga oleh pemberi-pemberi perkhidmatan oleh kerana mereka yang menyumbang.

Semua dana dalam tabung ini adalah dana sumbangan dari pemberi perkhidmatan, maka merekalah yang sebenarnya mempunyai hak dalam penggunaan dana ini.

Baru-baru ini ada satu program yang dikatakan *Clawback* Program di mana sebahagian dari unjuran kutipan yang akan dibuat kepada sesuatu pemberi perkhidmatan boleh digunakan oleh pemberi perkhidmatan untuk kegunaan seperti mana yang telah digariskan dalam peruntukan penggunaan dana USP. Iaitu dipersetujui oleh SKMM dan harga atau kos setiap projek yang akan dijalankan oleh pemberi perkhidmatan ini sebelum ianya dilaksanakan, perlu dipersetujui oleh SKMM.

Seperti mana yang telah saya katakan di jawapan saya yang awal pada pertanyaan tambahan pertama iaitu seperti nano GSM *base station* yang akan dibangunkan di tempat-tempat yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Maka, ini akan menggunakan dana dari tabung tersebut. Harga setiap projek yang akan dibangunkan oleh pemberi perkhidmatan terlebih dahulu mesti dipersetujui oleh SKMM. Maka, kesemuanya dari segi kos, dari segi pengagihan, dari segi penempatan di mana kita akan menyediakan projek-projek ini semuanya dipantau oleh SKMM dan dipersetujui oleh kementerian kami. Terima kasih.

12. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh mana jumlah petani dan pekebun kecil yang dibelenggu oleh hutang, dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah hutang tersebut termasuk menyediakan kemudahan-kemudahan kredit sesuai dengan kemampuan mereka.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir atas soalan nombor 12.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai rekod bagi jumlah petani yang dibelenggu oleh masalah hutang. Hutang yang membelenggu petani-petani mungkin berpunca dari sumber yang bukan daripada institusi-institusi kewangan di bawah Kementerian Pertanian, dan Industri Asas Tani iaitu Agrobank dan TEKUN Nasional. Walau bagaimanapun, Agrobank dan TEKUN Nasional memang ada menyediakan pinjaman kepada usahawan dalam pelbagai perniagaan, khususnya bidang agro makanan seperti tanaman, ternakan, akuakultur dan industri berasaskan pertanian.

Syarat-syarat pinjaman yang dikenakan adalah tidak membebankan peminjam. Kemudahan kredit yang disediakan oleh Agrobank dan TEKUN Nasional adalah mengikut kesesuaian projek dan keupayaan kewangan peminjam untuk membuat bayaran balik pinjaman. Melalui kaedah ini akan dapat mengelakkan para petani dibelenggu oleh masalah hutang iaitu bagi mereka yang membuat pinjaman melalui Agrobank dan TEKUN Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah setakat ini berapakah jumlah peminjam-peminjam yang terdiri daripada petani dan pekebun kecil?

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Saya tidak mempunyai data mengenai peminjam-peminjam yang merupakan petani kerana melalui Agrobank mereka bukan sahaja memberi pinjaman kepada petani tetapi juga kepada syarikat-syarikat SME. Dari segi pihak TEKUN, memang kebanyakan peminjaman mereka adalah untuk bidang pertanian dan sehingga keseluruhan yang saya mendapat tahu, kadar NPL yang saya faham dari segi TEKUN memandangkan ia merupakan mikro kredit, adalah memang tinggi. *non-performing loans* (NPL), dengan izin, di mana enam bulan tertunggak dari segi bayaran. Pada masa ini kadar NPLnya adalah sebanyak 19 peratus dan untuk Agrobank secara purata untuk semua pinjaman mereka adalah sebanyak 7 peratus. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan kita tidak ada soalan tambahan lagi bagi soalan ini, saya beralih ke soalan seterusnya.

13. Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menangguhkan hukuman mati kepada pesalah membabitkan pengedaran dadah dan kaitannya dengan usaha kerajaan untuk menyelamatkan ramai rakyat Malaysia yang berdepan dengan hukuman mati di luar negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada Tuan Baharudin bin Abu Bakar atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, hukuman mati mandatori di Malaysia hanya dikenakan bagi kesalahan-kesalahan berat yang tertentu sahaja iaitu kesalahan bunuh, kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan dan pembiayaan keganasan di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] iaitu *terrorism,* kesalahan pengedaran dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dan kesalahan melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api semasa melakukan sesuatu kesalahan berjadual di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*].

Secara umumnya, kini hukuman mati tidak lagi dicadangkan sebagai suatu bentuk hukuman untuk kesalahan di bawah undang-undang yang baru digubal. Melainkan bagi kesalahan yang melibatkan jenayah serius seperti kesalahan keganasan ataupun *terrorism,* Tuan Yang di-Pertua.

■1210

Hukuman mati mandatori bagi kes-kes pengedaran dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 telah diperuntukkan melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983. Sebelum akta ini diluluskan, hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan pengedaran dadah berbahaya adalah hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup berserta sebatan. Akta ini mengambil kira hukuman bagi kesalahan pengedaran dadah sebelum itu yang tidak seragam. Selain itu juga, pindaan dibuat berdasarkan aktiviti-aktiviti pengedaran dadah yang semakin bertambah manakala hukuman yang diperuntukkan pada ketika itu didapati tidak memadai untuk mencegah jenayah tersebut. Desakan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori oleh kebanyakan negara dunia terutamanya bagi kesalahan pengedaran dadah berbahaya yang semakin lantang telah menyebabkan desakan dalam negara itu turut meningkat.

Antaranya cadangan agar hukuman mati mandatori bagi kesalahan pengedaran dadah berbahaya dipinda kepada hukuman penjara sahaja. Alasan cadangan ini dikemukakan adalah berdasarkan kepada kesukaran kerajaan untuk membuat rayuan bagi pihak rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara atas kesalahan pengedaran dadah berbahaya supaya tidak dijatuhi hukuman mati sedangkan negara kita sendiri melaksanakan hukuman mati mandatori bagi kesalahan pengedaran dadah berbahaya. Cadangan ini sedang diteliti oleh pihak Jabatan Peguam Negara dan termasuk dalam penyelidikan dalam tindakan Jabatan Peguam Negara mengenai pelaksanaan hukuman mati di dalam negara ini.

Berhubung dengan peneguhan hukuman mati pula, walaupun terdapat cadangan bagi meminda hukuman mati mandatori kepada hukuman pemenjaraan sahaja tetapi cadangan tersebut masih lagi di peringkat perancangan dan sehubungan dengan itu tiada langkah diambil oleh kerajaan bagi menangguhkan hukuman mati yang telah dijatuhkan oleh mahkamah ke atas pesalah bagi kesalahan pengedaran dadah berbahaya.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, setiap banduan hukuman mati ataupun *condemn prisoner,* dengan izin, masih berpeluang mengemukakan petisyen, pengampunan kepada Lembaga Pengampunan Negeri agar hukuman mati yang telah dijatuhkan kepada mereka diampunkan atau dikurangkan kepada hukuman penjara sahaja. Melalui Peraturan 114, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 P.U.(A) 325/2000, seseorang banduan yang dijatuhi hukuman mati boleh mengemukakan petisyen bagi tujuan pengampunan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertuan Negeri.

Oleh yang demikian, walaupun masih terdapat hukuman mati di bawah undang-undang, tetapi seseorang banduan yang dijatuhi hukuman mati masih mempunyai peluang untuk diampunkan atau dikurangkan hukuman matinya kepada hukuman penjara sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Tuan Baharudin, silakan Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian berkenaan dengan permasalahan dadah dan kita pun tahu bahawa masalah dadah ini adalah satu masalah bukan sahaja peringkat nasional tetapi melibatkan peringkat global yang mana boleh meruntuhkan juga sesebuah negara disebabkan oleh keterlibatan dalam konteks dadah ini.

Jadi, di sini kita tahu keprihatinan kerajaan terhadap terutamanya rakyat-rakyat Malaysia yang boleh dikatakan menjadi keldai dadah. Jadi kita melihat daripada segi konteks yang cuba diketengahkan oleh pihak kerajaan ini adalah satu perkara yang baik, bermaksudnya untuk menyelamatkan beberapa kes yang melibatkan mereka yang tidak bersalah.

Akan tetapi dalam masa yang sama, apakah langkah kerajaan yang perlu kita lebih kuatkuasakan melihat kepada keadaan sekarang ini, kebanyakannya yang terlibat dalam permasalahan keldai dadah ini terutamanya mereka-mereka yang berada di dalam komunikasi di dalam alam siber dan sebagainya. Maksudnya daripada segi pemantauan untuk memastikan supaya gejala ini tidak berlaku dan apakah langkah kerajaan seterusnya untuk mengimbangi keadaan di mana perundangan di antara negara ke negara itu boleh diselesaikan melalui kaedah pertukaran pesalah tadi. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin atas soalan tambahan ini. Kita tidak dapat nafikan kepada Yang Berhormat Senator di sini bahawa pengedaran dadah ini melalui keldai ini memang menjadi satu masalah yang begitu besar bagi negara kita dan juga saya percaya kepada banyak negara yang lain dan keldai ini memanglah kita mengetahui bahawa dipergunakan oleh sindiket-sindiket yang tertentu. Jadi dalam hal begitu kita kenalah beri kesedaran kepada rakyat bahawa jangan sentuh dadah dan jangan dekati kepada sindiket-sindiket yang mempergunakan mereka sebagai keldai ataupun *carrier* dadah. Kita memang mendengar cerita dan juga mengetahui bahawa ramai warga kita yang telah pun dipergunakan untuk menghantar dadah-dadah ini kepada luar negara dan terutamanya kepada negara di Selatan Amerika.

Ini saya telah pun difahamkan bahawa terdapat warganegara kita yang telah pun ditahan di luar negara dan dalam proses menjalankan hukuman penjara ataupun hukuman mati dan itulah saya katakan tadi bahawa sukar kita terlibat dalam hal itu kerana negara kita pun menjalankan hukuman mati terhadap mereka yang didapati bersalah dalam mengedar dadah.

Jadi langkah yang paling baik ialah melalui pendidikan kepada rakyat kita bahawa dadah itu amatlah bahaya dan kita kena ambil langkah untuk memastikan anak-anak, pemuda-pemudi dan semua ini harus memahami bahawa dadah ini memang menjadikan satu benda yang terlalu bahaya kepada kesejahteraan dan juga keselamatan negara kita. Jadi, saya tahu bahawa banyak sindiket ini kadang-kadang mereka menyasarkan pemuda-pemudi kita yang telah pun lari daripada keluarga, yang telah pun menjadi isu di mana mereka tidak kembali ke rumah mereka. Apabila mereka dipergunakan dan hilangkan diri daripada negara ini, keluarga mereka tidak ambil peduli, tidak tahu dan apabila mereka ditangkap di negara yang lain dan apabila berhubung dengan pihak kerajaan ataupun Wisma Putra, barulah kita tahu bahawa mereka telah pun terlibat dalam pengedaran dadah.

Jadi saya haraplah kepada semua pihak yang berkenaan untuk memainkan peranan untuk mengadakan satu kempen kesedaran bagaimana bahayanya dadah ini dan juga jangan dekati sindiket-sindiket bukan sahaja melalui *contacts telephone*, *newspaper* tetapi mereka ini bijaksana menggunakan internet, *Twitter, Facebook* untuk kononnya berkawan dengan mereka dan selepas itu mempergunakan mereka sebagai keldai dadah. Kita telah pun memahami modus operandi sindiket yang tertentu dan kerajaan telah pun mengambil langkah untuk pastikan bahawa mereka ini yang menggunakan rakyat Malaysia melalui *internet* ini akan diambil tindakan terhadap mereka. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan kita tiada lagi soalan tambahan untuk soalan ini, dengan itu maka berakhirlah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ***[6 Disember 2012]***

12.19 tgh.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh menyambung ucapan beliau. Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat masih banyak lagi kah Yang Berhormat?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Dalam setengah jam.

Timbalan Yang di-Pertua: Setengah jam.., boleh pendekkan 15 minitkah...? Cubalah ya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan saya mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2013.

■1220

Jika kita mahu melihat penyertaan atau perkembangan 500 buah syarikat India, kita perlukan Skim WCGS juga untuk kaum India. Saya merayu kepada Perdana Menteri untuk membenarkan skim ini untuk kaum India dengan menyediakan dana sebanyak RM1 bilion. Saya juga meminta Kementerian Kewangan memantau dengan secara terperinci implementasi skim WCGS ini. Ini kerana ciri-ciri Skim WCGS sama ada skim ini untuk bumiputera ataupun untuk kaum India mempunyai satu komponen iaitu wang yang di*guarantee*kan oleh kerajaan dan satu lagi komponen di mana risiko itu akan diambil oleh sistem perbankan. Akan tetapi bila kita berjumpa dengan peniaga-peniaga SME, mereka selalunya memberi kompelin, 30 peratus pun ataupun 20 peratus yang risiko bank sepatutnya ambil, diminta jaminan harta benda daripada peniaga-peniaga SME ini. Jadi saya memanglah meminta Kementerian Kewangan memantau bahawa bank juga mengambil sedikit risiko bila meminjam kepada peniaga-peniaga SME.

Pengumuman dana sebanyak RM50 juta untuk memberi latihan kepada anak-anak muda *estate* sangat-sangat dialu-alukan oleh kaum India di Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri untuk peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat India telah bekerja di *estate* untuk bertahun-tahun. Walaupun gajinya tidak tinggi, mereka dan keluarga diberi tempat tinggal, rumah ibadat dan sekolah berdekatan untuk anak, skim perubatan hospital percuma untuk seisi keluarga. Di samping itu, mereka mempunyai masa untuk pekerjaan sambilan di mana kebanyakan menternak seekor atau dua ekor lembu, sayur-sayuran ditanam di luar rumah. Dengan pembangunan kawasan-kawasan *estate* sejak 1980 terutamanya di negeri-negeri yang maju seperti Selangor, banyak *estate* ini telah ditukarkan dan hari ini menjadi satu bandar. Bandar yang memang terkenal seperti Bandar Utama, Kota Damansara dan sebagainya.

Pemaju-pemaju tempat-tempat *estate* ini telah mendapat keuntungan yang lebih begitu lumayan sehingga kebanyakan syarikat pemaju ini telah disenaraikan di Bursa. Soalnya, apakah telah jadi kepada orang asal yang bekerja di tempat itu yang kebanyakan adalah orang-orang India. Orang-orang India *estate* ini telah diberi gambaran yang manis di mana mereka diberitahu akan dapat memiliki sebuah rumah baru yang moden. Kelengkapan yang lebih menarik dan lebih penting ialah rumah baru itu adalah keperluan atau kepunyaan mereka dengan skim pinjaman mudah. Walau bagaimanapun, impak sosial ekonomi tidak dikaji secara mendalam.

Apakah *probability* kumpulan ini yang diambil daripada sebuah tempat yang mereka telah bermastautin untuk 20 tahun hingga 30 tahun dengan pekerjaan asal di *estate*, menjaga lembu, menanam sayur-sayuran dengan kawasan lapang yang besar, dapat kekal bertahan dengan izin, *survive* dalam skim pindahan kelompok ke satu kawasan baru yang berdasarkan ciri yang begitu berlainan daripada rumah pangsa iaitu rumah pangsa yang kecil, sekolah dan rumah ibadat yang berjauhan, tidak mempunyai pengangkutan awam, tidak ada pekerjaan di kejiranan.

Malah, apatah lagi pindahan itu dilakukan tanpa apa-apa program pemulihan ataupun dengan izin, *rehabilitation.* Kita boleh melihat situasi sebenar bila kita melawat kawasan-kawasan seperti di Lembah Subang ataupun di kawasan Taman Rimba Shah Alam di mana penduduk-penduduk begitu susah dan ramai yang tidak dapat pinjaman untuk membeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu mereka akan gagal. Ini telah menjadi satu kenyataan di mana hari ini kumpulan-kumpulan ini yang dipanggil dengan izin, *displace estate workers* tidak dapat hidup sampai kebanyakan mereka tidak mampu membayar wang bulanan, tidak mampu membayar bil elektrik, malah ada yang tidak mampu membeli bahan makanan untuk keluarga kerana tidak dapat pekerjaan tetap dan kos hidup yang tinggi kerana mereka ini sekarang adalah penduduk bandar tetapi datang daripada *estate.*

Flat-flat yang mereka tinggal adalah dalam keadaan yang begitu teruk sekali dan memang tidak sesuai untuk seseorang rakyat biasa tinggal. Walaupun Bajet 2013 memberi peluang untuk anak-anak mereka diberi latihan kemahiran supaya apabila berjaya, mereka dapat membawa keluarga keluar daripada belenggu penderitaan. Apa yang diperlukan ialah kerajaan mesti memberi pengiktirafan, dengan izin, *recognition* kepada kumpulan *displace estate workers* tidak kira kaum apa pun.

Bolehkan kita terima ada sebuah kumpulan rakyat Malaysia yang telah bekerja begitu kuat di ladang-ladang dari sebelum merdeka, sekarang berada dalam keadaan susah tetapi ladang-ladang yang dimajukan oleh pemaju korporat yang telah dapat begitu banyak keuntungan. Apa guna kita mempunyai Bursa Saham yang kukuh, syarikat yang disenaraikan sahamnya begitu tinggi sekali padahal ramai orang asal sedang menderita.

Saya meminta kerajaan dengan segera membuat satu skim khas kepada kumpulan *displaced estate workers* sebagai satu kumpulan yang tertinggal dan mengeluarkan polisi khas di mana mereka akan diberikan keutamaan seperti bumiputera. Ini supaya mereka dapat bersaing dalam landskap yang sama dalam masa sepuluh tahun. Saya juga mencadangkan...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tahu angka. Berapa ramaikah kumpulan yang Yang Berhormat maksudkan ini yang masih kekal berada dalam kumpulan tersebut dan apakah kemajuan-kemajuan yang sebelum ini telah mereka nikmati masih lagi tidak mengeluarkan mereka dari kepompong kesusahan yang mereka alami. Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Angkanya, saya pun tidak ada, tidak berapa tahu. Saya rasa ada lebih kurang 20,000 hingga 30,000 buah keluarga orang-orang *estate* yang telah dipindahkan ke satu kawasan yang tanpa satu sistem pemulihan. Jadi mereka sekarang ini tidak dapat hidup. Tidak dapat bayar bil elektrik, tidak dapat bayar bil rumah. Anak mereka kadang-kadang tidak pergi sekolah pun. Tidak boleh pergi ke sekolah-sekolah seperti *kindergarten* atau tadika. Tidak ada wang. Jadi ini memang satu perkara yang begitu bahaya kerana jika kita tidak membuat sesuatu, mungkin satu hari anak-anak mereka ini, saya pun tidak tahu apa mereka hendak kerja. Seperti kita tengok di Penang, ada satu *task force* daripada polis untuk *gangsters* orang India. Jadi dengan izin, *we have to go back to the road, what is the cause of the problem.* Saya juga mencadangkan bahawa pihak pemaju diwajibkan menyelesaikan isu-isu penempatan orang-orang *estate* ini dengan segera.

■1230

Ini boleh dilakukan dengan mengenakan satu cukai baru untuk pemaju-pemaju yang telah banyak untung seperti cukai luar biasa dengan izin, *windfall tax* sebanyak 1 peratus daripada keuntungan tahunan mereka untuk sepuluh tahun untuk menyelesaikan masalah ini. Saya juga mencadangkan cukai harta jualan di kawasan-kawasan ini sebanyak 0.5 peratus kepada pemilik-pemilik harta kawasan ini kerana telah mendapat keuntungan yang begitu besar apabila menjual harta-harta ini. Jika skim ini diimplementasikan, barulah kita dapat melihat orang-orang estet dapat melihat cahaya di hujung terowong.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Cuma saya hairan sebab di negara kita, kita mempunyai tiga juta pekerja asing dan angka dengan izin, *unemployment,* hanya 3 peratus. Jadi kenapa golongan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tidak dapat pekerjaan dan terus menghadapi masalah begini? Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya tidak dapat memberi jawapan yang lengkap tetapi sepatutnya benda ini mesti dikaji. Walaupun 3 peratus adalah angka purata, mungkin dalam kaum India, kebanyakan daripada 3 peratus itu, mungkin orang-orang India mungkin 1 peratus. Jadi saya pun tidak tahu, tetapi yang penting itu, tempat yang mereka dipindahkan, di sekeliling itu tidak ada kerja, itu yang masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Dua minit? Banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Masa 10 minit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi lima minitlah. Lima minit lagi ya. Yang Berhormat gulunglah.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Okey, saya pun gulunglah. Kemasukan pelajar-pelajar kaum India ke institusi pengajian tinggi awam semakin lama semakin teruk. Saya minta Menteri Pengajian Tinggi memberi penjelasan berapa banyakkah pelajar-pelajar India yang masuk IPTA tahun ini dan kalau boleh, dibandingkan tren kemasukan ini bagi 25 tahun kebelakangan. Peratusan kemasukan kaum India pada tahun satu pada satu ketika adalah lebih kurang 8 peratus dan kini telah merosot lebih kurang, kurang daripada 2 peratus.

Ini disebabkan hanya STPM, yang tidak diminati oleh masyarakat India, diterima sebagai kelayakan kemasukan ke IPTA. Saya tahu ramai pelajar asing sekarang di IPTA-IPTA Malaysia dan bilangan itu adalah lebih banyak daripada pelajar-pelajar India. Saya minta Kementerian Pelajaran membuka syarat kemasukan kepada orang-orang India, memberi kemasukan melalui *'A' Level,* IB dan matrikulasi daripada kolej-kolej lain yang diiktiraf tinggi di Malaysia.

Mengenai pelajar-pelajar asing di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia tidak begitu senang hati dengan kelonggaran syarat mendapat permit untuk belajar di negara kita. Ada berita, *The Star* pada 5 Disember bahawa ketua pengedar dadah antarabangsa berumur 28 tahun ditangkap dan beliau adalah di Malaysia sebagai seorang pelajar. Pada pagi Khamis dulu, di *paper The Star* sekali lagi, tiga orang wanita yang belajar di Malaysia daripada negara Afrika ditangkap untuk aktiviti dadah tapi dapat lari daripada pengawasan polis apabila bawa ke mahkamah. Ini macam filem *James Bond* dapat lari daripada mahkamah.

Jadi Kementerian Dalam Negeri mesti mengambil berat tentang perkara ini. Saya minta Kementerian Dalam Negeri bagi amaran keras kepada IPTA-IPTA dan IPTS jika pelajar mereka terlibat dalam aktiviti haram di Malaysia.

Sepatutnya buat audit, periksa semua, semua orang asing di kolej itu mesti diperiksa, dadah atau macam-macam dan janganlah bagi permit jikalau didapati pelajar-pelajar daripada IPTS itu terlibat dalam aktiviti dadah.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai prinsip Rukun Negara iaitu prinsip kepercayaan kepada Tuhan. Perlembagaan Malaysia memberi jaminan kepada setiap rakyat Malaysia bahawa mereka mempunyai hak mengamalkan agama sendiri. Saya berdiri di Dewan yang mulia hari ini untuk menyatakan perbuatan kerajaan pembangkang di Selangor baru-baru ini memecahkan tempat sembahyang *altar* dengan izin, di sebuah rumah penganut agama India di Sepang adalah perbuatan yang tidak boleh diterima oleh rakyat terutamanya kaum India.

Setiap rumah orang-orang kaum India mempunyai tempat sembahyang seperti yang disebutkan dalam Rukun Negara. Adakah kerajaan pembangkang akan masuk ke semua rumah kaum India dan jika mereka dapati mengubahsuai bilik tanpa kebenaran untuk tempat sembahyang, Kerajaan Negeri Selangor akan merobohkannya? Ini tidak selaras dengan Perlembagaan Malaysia dan prinsip Rukun Negara.

Lima tahun dahulu, pembangkang apabila berkempen telah memberi jaminan yang tidak ada kuil yang akan dirobohkan, rakyat India akan diberikan keistimewaan luar biasa, masalah rumah dan rumah pangsa akan diselesaikan, tanah untuk kuil dan sekolah akan diberikan. Memang banyak seperti bulan dan bintang telah dijanjikan oleh pembangkang tapi hanya roket merah pembangkang saja yang boleh sampai ke bulan. Nampaknya selepas lima tahun, kita semua boleh lihat dengan jelas bahawa janji-janji mereka adalah janji-janji palsu. Kerajaan Barisan Nasional dengan pemimpin kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib adalah satu kerajaan yang berdasarkan sebuah janji ditepati. Janji kita bukan bintang dan bulan tetapi untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Belanjawan 2013. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

12.37 tgh.

Puan Chew Lee Giok: Salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbahasan Bajet 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan yang lepas.

Bajet 2013 digubal dengan fokus untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di Malaysia, memastikan pertumbuhan ekonomi mapan, perbelanjaan berhemah dan mengurangkan defisit fiskal negara dengan tujuan mengutamakan kesejahteraan rakyat. Kita mengetahui bahawa Bajet 2013 dirangka bertemakan, "Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat, Sebuah Janji Ditepati" yang telah memberi penekanan kepada lima fokus utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh tentang hal ekonomi terlebih dahulu. Malaysia merupakan sebuah negara yang berdaya saing bukan saja di Asia malah di dunia. Perkembangan ekonomi yang pesat, kestabilan politik dan konsistensi polisi negara telah meletakkan Malaysia di peta pelabur asing serta menjana pelaburan domestik. Ekonomi negara berkembang sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2011 dan dijangka berkembang sebanyak 4.5 peratus hingga 5 peratus pada tahun ini iaitu 2012. Ini menjadikan faktor yang penting bagi pelabur asing mahupun domestik kerana ia memberi *indication,* dengan izin, hala tuju negara. Namun demikian, kerajaan sedar bahawa model pembangunan negara sedia ada harus diperbaiki dan justeru itu Perdana Menteri telah melaksanakan program-program transformasi yang telah dan akan terus menambah baik sistem ekonomi Malaysia.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini mempunyai 28.3 juta penduduk. Penduduk lelaki adalah 14.56 juta dan wanita 13.7 juta, yang mana bilangan lelaki melebihi kaum wanita menurut Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.

Jumlah pekerja asing Malaysia yang sah berdaftar sehingga 31 Julai 2012 adalah seramai 1,581,264 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan pas lawatan iaitu kerja sementara PLKS oleh Jabatan Imigresen dan Indonesia meliputi seramai 767,590 orang, Nepal seramai 279,421 orang, Myanmar seramai 137,784 orang, Bangladesh seramai 134,148 orang dan India seramai 91,222 orang dan lain-lain. Ini merupakan warga asing yang berdaftar dengan Imigresen, yang tidak berdaftar dengan imigresen pun ramai, mungkin melebihi 1 juta. Pada hari ini terdapat banyak bidang yang telah dikuasai oleh warga asing. Contohnya pekerja ini tapak pembinaan, pembantu rumah, kebanyakan pekerja-pekerja di kilang ataupun sebagai *security guard,* dengan izin, dan penjaja-penjaja yang menjual makanan.

Ada seorang tokoh perniagaan Tan Sri mengatakan bahawa sektor perladangan kelapa sawit punya pekerja-pekerja di ladang, 50 peratus hingga 60 peratus terdiri daripada warga asing iaitu warga Indonesia. Beliau mengatakan kalau pekerja-pekerja asing ini dipanggil balik oleh negara asal, maka perladangan kelapa sawit akan terhenti. Walau bagaimanapun, pekerja asing yang terlalu ramai juga mengakibatkan banyak masalah sosial di negara kita seperti kes rompakan, kes kecurian, kes bunuh dan sebagainya. Begitu juga berlakunya pemerdagangan manusia dengan izin, *human trafficking* juga berlaku seperti 105 orang pembantu rumah warga asing yang dikesan oleh pihak imigresen pada minggu lepas di Kelang. Sewaktu musim perayaan, pekerja-pekerja warga asing telah membanjiri pusat membeli belah yang terkenal di bandar kita di Kuala Lumpur ini dan dikatakan bahawa sewaktu musim perayaan Kuala Lumpur *city* ini macam satu bandar warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah negara yang agak maju tetapi mempunyai penduduk yang agak kurang mencukupi sering mengalami masalah kekurangan pekerja. Misalnya negara jiran kita Singapura terdapat ramai warga asing iaitu termasuk dari Malaysia, Thailand, China dan sebagainya. Di Kuwait dan UAE dua negara ini mempunyai pekerja warga asing daripada India. Begitu juga di New York dan Amerika Syarikat, yang mana terdapat ramai pekerja asing dari seluruh dunia, pelosok negara yang telah bekerja di New York seperti Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita memang sukar untuk mengelakkan daripada menggunakan warga asing.

Persoalan saya ialah bagaimanakah kita dapat mengelakkan rakyat Malaysia melakukan kerja-kerja yang tidak disukai atau kurang selesa? Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat menggalakkan untuk bekerja di kilang-kilang? Dahulunya pada tahun 70-an mungkin tidak ramai yang dapat ijazah universiti sebab itu untuk jawatan yang rendah adalah senang untuk mendapatkan pekerjaan. Akan tetapi pada hari ini ramai lepasan ijazah dan Diploma. Maka untuk jawatan yang rendah tidak begitu ramai orang Malaysia meminatinya. Keadaan ini menyebabkan negara kita memerlukan pekerja warga asing dan ini amatlah memilukan.

Apabila kilang-kilang mendapati kesukaran untuk mendapatkan pekerja pada kos yang berdaya saing dan kilang itu akan berpindah keluar dari Malaysia sebab dia hendak pindah keluar ke negara lain untuk mendapatkan lebih ramai pekerja. Ada pula kilang yang mengecilkan operasi di Malaysia kerana kekurangan pekerja, maka yang rugi adalah rakyat Malaysia sebab kita telah kehilangan jawatan, pekerjaan dan kerajaan Malaysia juga rugi oleh kerana pembayaran cukai oleh kilang itu pun akan lupus apabila berpindah keluar ataupun pembayaran cukai akan berkekurangan jika kilang-kilang itu operasinya dikecilkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendaklah memikirkan bagaimana hendak mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing ini dan tidak akan menjejaskan sektor perindustrian, perladangan dan perkilangan kita. Kementerian berkenaan hendaklah memikirkan kaedah untuk menarik penduduk Malaysia yang ingin bekerja sebagai pekerja buruh kasar di tempat pembinaan dan sebagainya barulah boleh mengatasi masalah terlalu bergantung kepada pekerja asing ini.

Untuk mengelakkan kemasukan warga asing yang menyalahgunakan pas pelajar atau pas pelancong dan terus tinggal di Malaysia bagi melakukan kerja-kerja maksiat, saya berharap kementerian berkenaan hendaklah mengenakan sistem yang lebih ketat untuk menerima kemasukan pelajar dan juga pelancong tersebut. Begitu juga pembantu rumah sehingga 31 Julai 2012, bilangan pekerja asing yang bekerja dalam sektor pembantu rumah adalah berjumlah 163,638 orang.

Apabila negara Indonesia melarang menghantar pembantu rumah ke Malaysia maka ramai majikan yang telah mengalami masalah kekurangan pembantu rumah. Mengapa rakyat Malaysia terlalu bergantung kepada warga Malaysia? Sebenarnya Kementerian Sumber Manusia hendaklah membuat kajian bagaimana hendak mengurangkan pergantungan kepada warga asing dalam semua sektor juga termasuk sektor pembantu rumah ini. Saya ingin meminta kementerian berkenaan menjelaskan rancangan *beyond maid* ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai hab minyak dan gas. Industri minyak dan gas merupakan satu industri yang mampu menjanakan hasil pendapatan yang lumayan untuk negara serta memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat Malaysia. Projek PIPC iaitu *Pengerang Integrated Petroleum Complex* akan melibatkan satu terminal petroleum laut dalam yang sesuai untuk kapal-kapal tangki minyak serta satu lagi penapisan minyak. Loji penapisan minyak itu berupaya mengeluarkan beberapa produk serta produk sampingan. Mari kita teliti Kompleks Petrokimia di Pulau Jurong Singapura. Loji penapisan minyak menghasilkan nafta, LPG dan *gas oil.* Hasil ini pula digunakan oleh syarikat petrokimia *upstream* dan untuk menghasilkan *ethylene, propylene* dan sebagainya. Hasil produk *upstream* pula disalurkan melalui *pipeline* kepada lebih daripada 10 kilang petrokimia *downstream* yang menghasilkan pelbagai produk *downstream*. Antara produk *downstream* yang dihasilkan oleh Kompleks Petrokimia Pulau Jurong ini ialah LDPE, HDPE, Pulau Pinang dan sebagainya.

Saya mencadangkan agak pihak kerajaan mempromosikan PIPC dengan gigihnya. Mengadakan *taskforce* untuk menarik syarikat petrokimia daripada Amerika Syarikat, Jepun ataupun daripada China dan Eropah untuk membina kilang petrokimia *upstream* dan juga kilang petrokimia *downstream*. Hasil produk loji penapisan minyak haruslah disalurkan kepada kilang petrokimia *upstream* dan *downstream* untuk memaksimumkan pulangan kepada negara Malaysia dan secara tidak langsung kepada rakyat Malaysia. Kita mewujudkan *value added,* dengan izin, yang tinggi bagi Kompleks Petrokimia Pengerang ini demi untuk ekonomi negara yang lebih mantap. Dengan adanya banyak kilang petrokimia *upstream* dan *downstream,* ini dapat menghasilkan beribu peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada 29 Ogos 2012 banyak surat khabar Malaysia telah melaporkan laporan kewangan suku kedua 2012 bagi MAS. MAS telah menanggung kerugian sebanyak RM349 juta. Suku pertama 2012 MAS mengalami kerugian sebanyak RM171 juta. Jumlah kerugian bagi tahun 2011 bagi MAS adalah RM2.5 bilion. AirAsia pula melaporkan keuntungan suku pertama 2012 sebanyak RM172 juta. Bagi tahun 2011 AirAsia mendapat keuntungan sebelum cukai RM777 juta. Keuntungan selepas cukai adalah RM555 juta. Mengapakah AirAsia sentiasa untung beratus juta sebaliknya MAS telah menanggung kerugian besar bagi empat tahun daripada sepuluh tahun kebelakangan ini? Apakah perbezaan antara MAS dan AirAsia?

■1250

Mengikut notis BSKL bertarikh 22 Mei 2012, Khazanah Nasional memiliki 69 peratus saham MAS. Jadi bila MAS menanggung kerugian, pihak kerajaan dan rakyat juga menanggung kerugian. Pada pendapat saya, MAS perlu diurus oleh *team* pengurusan yang pandai membuat keuntungan. Adalah tidak penting bahawa pengurusan tertinggi MAS sama ada dari kaum mana ataupun warga asing. Asalkan yang penting ialah *team* pengurusan tertinggi itu mestilah pandai menghasilkan perniagaan atau *business* dengan izin, yang menguntungkan.

Kenapakah Khazanah Nasional memegang saham yang begitu banyak sekali dalam MAS? Saya juga mencadangkan agar Khazanah memegang saham emas iaitu *golden share* yang sedikit di dalam MAS ini seperti dahulu. Biarlah emas itu dijualkan kepada sesebuah syarikat ataupun seseorang pengusaha yang boleh membawa keuntungan kepada MAS. Adalah wajib keuntungan itu adalah keuntungan daripada operasi *business,* dengan izin, dan bukan keuntungan daripada menjual aset. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat, bolehkah? Silakan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat, saya minta maaflah saya tidak mahu mengganggu berhubung dengan angka-angka yang telah diberi oleh Yang Berhormat. Saya fikir perniagaan di antara AirAsia dan MAS adalah berlainan. MAS ini adalah *national airlines*. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingat bahawa ada satu ketika dahulu, kita telah mem*privatize*kan MAS, tetapi di situ pun kita tidak dapat mengatasi.

Saya fikir MAS patut diberi masa untuk mengatasi masalahnya. Ini kerana kalau tidak salah saya, di dalam laporan kewangan yang terakhir, nampaknya MAS pun makin hari makin pulih dan ianya akan menjadi satu syarikat yang boleh memberi keuntungan. Dari segi orang yang mempunyai saham ialah Khazanah Nasional. Inilah *the whole purpose* ialah untuk memberi kepentingan kepada negara, kerana masalah MAS ini berlainan.

Masalah MAS ini masalah kakitangannya dan sebagainya yang kita kena tengok dari segi berlainan daripada masalah yang ditanggung oleh AirAsia. Ini bukan hendak menyalahkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab mana-mana syarikat termasuk GLC untuk mendapat keuntungan. Akan tetapi saya fikir masalah yang berlainan dan saya fikir MAS sedang membuat kajian, sedang menjalankan urusan untuk mendapatkan keuntungan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas pendapat itu. Silakan Yang Berhormat.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi ada mengatakan dulu pernah di*privatize*kan dengan izin, mungkin beliau merupakan seorang pengusaha yang tidak berkemampuan, tidak berjaya, sebab itu tidak dapat membawa keuntungan kepada MAS ini pada waktu dahulu. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan Khazanah memiliki saham, maksud saya, saya setuju dia memiliki saham tetapi terlalu banyak. Sebab dulu tidak begitu banyak tetapi sekarang sampai 60 peratus lebih. Itu pada pendapat saya hendaklah mencari seorang CEO yang lebih berkemampuan untuk membuat keuntungan kepada MAS. Terima kasih pendapat Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025 merupakan hasil penyelidikan yang mendalam dan penglibatan masyarakat dengan meluas. Di mana ia telah melibatkan lebih 50,000 orang pegawai kementerian, guru-guru, ibu bapa, pemimpin-pemimpin sekolah, murid-murid, orang awam dan pakar-pakar pendidikan.

Usaha kerajaan yang ingin mempertingkatkan sistem pendidikan yang komited untuk membangunkan murid secara menyeluruh iaitu mempertingkatkan prestasi pelajar-pelajar Malaysia. Di dalam laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini, menarik perhatian saya ialah tentang perbandingan kedudukan PISA iaitu *Program for International Student Assessment 2009* bagi Malaysia dengan negara lain.

Menarik perhatian saya ialah Malaysia terletak begitu belakang sekali. Kalau kita tengok bidangnya, dari segi bacaannya, bacaan yang pertama, yang menduduki tempat pertama ialah Shanghai, China diikuti dengan Korea, Finland, Hong Kong, Singapura dan Malaysia hanya menduduki tempat yang ke-55. Dari segi matematik, Shanghai, China juga menduduki tempat yang pertama, diikuti oleh Singapura, Hong Kong, Korea, Taiwan dan Malaysia menduduki tempat yang ke-57. Begitu juga dengan bidang sains, Shanghai, China masih tempat pertama, diikuti oleh Finland, Hong Kong, Singapura dan Jepun. Malaysia menduduki tempat yang ke-52. Ini menunjukkan pelajar-pelajar Malaysia adalah begitu lemah dalam bacaan matematik dan sains. Didapati 18 peratus dan 20 peratus murid Malaysia gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam matematik dan sains pada tahun 2007. Ini amat mengecewakan kita. Maka saya berharap melalui Pelan Pembangunan Pendidikan ini, boleh meningkatkan prestasi pelajar kita dalam bacaan matematik dan sains untuk menuju ke negara maju.

Saya menyokong penuh PPPM Bab 7 – Struktur Sistem yang menyatakan struktur sistem pendidikan di Malaysia pada masa ini akan dikekalkan khususnya bagi SJK yang menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Pada pendapat saya, SJK(C) ataupun SJK(telah) memang perlu dikekalkan di mana ia telah mencerminkan masyarakat Malaysia majmuk yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, kebudayaan dan bahasa. Maka di kawasan yang padat dengan penduduk kaum Cina, adalah perlu membina SJK(C) yang baru. Ini adalah kerana SJK(C) di bandar telah mengalami kesesakan murid dalam sesebuah kelas sehingga mempunyai seramai 45 orang murid dalam satu kelas.

Saya berharap kerajaan akan terus membenarkan SJK menggunakan tanah rizab sekolah untuk pembinaan sekolah baru. Pembinaan dan pembangunan SJK(C) haruslah berdasarkan kepada permintaan dan peruntukan yang cukup.

Ini boleh dikatakan kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional telah membuat kerja yang baik di mana pada beberapa tahun ini, banyak sekolah SJK(C) telah dibina di seluruh negara terutama di negeri Selangor. Akan tetapi kita masih mendapat kritikan daripada Kerajaan Pakatan Rakyat di mana selalu mengkritik Kerajaan Barisan Nasional dalam pembinaan SJK(C) ini.

Sebaliknya mereka tidak menyumbang satu sen dalam sumbangan, dalam peruntukan ataupun menyumbang satu inci tanah pun untuk SJK(C) ini. Akan tetapi yang mereka paling pandai ialah membuat kritikan di belakang. Di mana suatu jawatankuasa pengelola menghantar pelan bangunan untuk mendapatkan kelulusan daripada PBT tempatan, biasa pun kita menghadapi masalah kelulusan daripada PBT itu. Di mana PBT itu akan menyusahkan dan menangguhkan kelulusan *plan* bangunan tersebut di mana ia amat menyakitkan hati kita. Walau bagaimanapun, kita Kerajaan Barisan Nasional akan membuat sedaya upaya untuk membantu pembinaan SJK(C) di Selangor ini.

Tuan Yang di-Pertua, nisbah bilangan pelajar bukan Cina di SJK(C) telah mencapai 14 peratus. Kewujudan pelajar pelbagai kaum di SJKC ini mencerminkan suasana keharmonian kaum serta mendukung penuh konsep 1Malaysia. PPPM menyatakan bagi mengatasi masalah tahap penguasaan Bahasa Malaysia yang rendah di SJK pada tahun 2014 iaitu tahun empat akan menggunakan kurikulum Bahasa Malaysia...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang mencelah? Okey, silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tertarik dengan Yang Berhormat berikan tadi bahawa 14 peratus daripada pelajar-pelajar di sekolah SJK(C) ini adalah bukan Cina. Dari satu segi memang ini menggalakkan, tetapi tidakkah pernah terfikir bagi kita kemungkinan komposisi pelajar-pelajar di sekolah SJK(C) ini terdiri mengikut nisbah kaum untuk memastikan percampuran yang lebih banyak, yang lebih intim.

Jadi tidak apalah kalau digalakkan lagi orang Melayu masuk, digalakkan lagi masyarakat India masuk. Saya rasa memang menggembirakan bahawa SJK(C) itu sekarang mempunyai 14 peratus bukan Cina. Bagaimana kalau nisbah itu, 1:7 itu dinaikkan katalah umpamanya 30, umpamanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini adalah bukan apa...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang menunjukkan tepat pukul 1. Yang Berhormat Chew boleh sambung balik nanti sebelah petang, saya bagi sepuluh minit lagi nanti.

Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kena tangguhkan Dewan ini sementara dan kita akan sambung balik jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

2.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut catatan di sini saya dapati sekarang ini Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok sedang berucap, tetapi masa hendak berhenti tadi ada soalan mencelah daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus sudah habis mencelah itu?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, teruskan. Lepas itu Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

2.33 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih. Tadi saya tanyakan, kemungkinan bilangan 14 peratus pelajar-pelajar Melayu di sekolah Cina itu dinaikkan. Adakah begitu? Akan tetapi satu perkara lagi yang saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya maka ibu bapa-ibu bapa Cina begitu enggan ataupun keberatan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan sehingga kalau tidak salah saya statistik menyatakan bahawa lebih 90 peratus daripada murid-murid cina dihantar belajar sekolah Cina walaupun sekolah Cina itu jauh tempatnya daripada rumah mereka. Jadi itu yang saya hendak tanya apa yang menyebabkan keengganan itu.

Di samping itu, tidakkah pemimpin-pemimpin masyarakat Cina merasakan bahawa sekolah pelbagai aliran yang telah *lopsided,* dengan izin, akan mengakibatkan perpisahan kaum yang berpanjangan yang dalam jangka panjang tidak sihat untuk pertumbuhan satu negara bangsa, tidak sihat untuk perpaduan nasional. Jadi yang saya nampak di sini solusinya ialah supaya lebih ramai ibu bapa Cina menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan atau lebih ramai pelajar dari bukan Cina iaitu India dan Melayu dihantar belajar di sekolah Cina. Terima kasih. Apa pendapat Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta lebih masa kalau tidak cukup. Saya banyak lagi hendak berucap. Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, untuk SJK(C) memang tidak menghalang sesiapa yang ingin mengikuti pelajaran di sekolah rendah jenis kebangsaan ini. Contohnya SJK(C) di Sarawak sehingga ada sekolah yang mempunyai lebih daripada 50 peratus kaum bukan Cina yang belajar di SJK(C) Cina itu. Tentang mengapa ibu bapa Cina suka menghantar anak mereka ke SJK(C), pada pendapat saya mungkin pada hari ini, pada zaman sekarang kita mengetahui bahawa negara China merupakan satu negara yang sangat membangun dengan pesat, berkembang dengan pesat dan menjadi satu negara yang kuat di dunia ini.

Oleh sebab itu bahasa Cina memainkan peranan yang penting. Oleh sebab itu mereka menghantar anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan ini membolehkan mereka selain daripada bercakap, pun boleh menulis dalam bahasa Cina. Macam suami saya dahulu dia aliran sekolah rendah kebangsaan. Dia tahu bercakap tetapi tidak tahu menulis, tidak tahu membaca. Oleh sebab itu mungkin sewaktu anak saya pun dia kata sekolah rendah kena pergi SJK(C) untuk membolehkan dia mempelajari bahasa Cina bukan sahaja bercakap, tetapi juga boleh menulis. Akan tetapi dia pun setuju bila sekolah menengah hendaklah hantar kepada SMK iaitu sekolah menengah kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan saya. PPPM menyatakan bagi mengatasi masalah tahap penguasaan Bahasa Malaysia rendah di SJK pada tahun 2014, tahun empat akan menggunakan kurikulum Bahasa Malaysia yang sama dengan sekolah kebangsaan. Pada pendapat masyarakat Cina adalah tidak realistik pada tahap dua iaitu darjah empat. Mengapa? Ini kerana standard BM di SJK(C) disamakan dengan SK secara mendadak. Begitu juga kaedah ini sama dengan murid-murid di sekolah kebangsaan. Bila mereka sedang mempelajari satu mata pelajaran Bahasa Cina, kalaulah tidak mungkin mereka dapat mengikuti standard bahasa Cina yang diajar di SJK(C) kerana masa pembelajarannya yang begitu jauh berbeza, kurang masanya. Maka adalah tidak sesuai SJK yang pada tahun empat ini menggunakan kurikulum Bahasa Malaysia yang sama dengan sekolah kebangsaan.

Di bawah tajuk meningkatkan standard Bahasa Malaysia terutama di sekolah jenis kebangsaan yang menyatakan bahawa kombinasi dua aspek ini iaitu meningkat standard dan memberikan sokongan tambahan sepanjang persekolahan peringkat rendah akan memansuhkan kelas peralihan pada tahun 2017. Saya ingin mencadangkan, kelas peralihan ini perlu dikekalkan kerana ia masih perlu diadakan untuk membolehkan pelajar-pelajar dari SJK yang tidak lulus dalam Bahasa Malaysia di mana mereka menghadapi masalah pembelajaran dalam Bahasa Malaysia. Kelas peralihan inilah yang membolehkan mereka menyesuaikan diri memperkasakan bahasa Malaysia untuk membolehkan mereka mengikuti pendidikan sekolah menengah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar sepenuhnya pada masa akan datang.

Akan tetapi terdapat juga ibu bapa yang khuatir tentang kelas peralihan ini menjadi kelas yang terbiar. Maka saya mintalah Kementerian Pelajaran supaya memastikan semua sekolah menengah menghantar guru yang bertanggungjawab betul-betul mengajar pelajar-pelajar di kelas peralihan ini bagi memastikan mereka boleh memperkasakan Bahasa Malaysia mereka.

Di bawah tajuk *"Pengukuhan Pendidikan Islam"*, Pendidikan Moral dan Sivik- pada pendapat saya, kelas pendidikan Islam diwujudkan untuk pelajar-pelajar Islam. Maka yang bukan Islam haruslah mengikuti kelas moral ataupun pendidikan agama mereka masing-masing misalnya mungkin pelajar penganut agama Buddha bolehlah mengikut kelas agama Buddha, Kristian, Hindu dan sebagainya demi keharmonian masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sistem dan *syllabus* pendidikan negara harus diteliti semula bagi memberikan pendekatan yang lebih kepada pembangunan minda pelajar ataupun pembentukan pemikiran kritikal dan bukannya pencapaian peperiksaan semata-mata. Bagi melonjakkan kualiti pendidikan negara, *syllabus* di semua peringkat persekolahan harus dikaji semula secara holistik bagi memastikan ia boleh mencetus kreativiti dan pengetahuan am pelajar. Maka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dilancarkan memang tepat pada masanya demi masa depan generasi muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, wartawan-wartawan di Parlimen pernah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mungkin juga Dewan Negara agar jangan membenarkan orang luar memanggil sidang media di Parlimen. Saya menyokong sepenuhnya. Saya memahami permintaan wartawan-wartawan sebab ini merupakan permintaan yang munasabah.

■1440

Kalau sehari terdapat 10 sidang media, memang wartawan tidak dapat mengendalikannya. Saya hairan mengapa orang luar suka datang memanggil sidang media di Parlimen ini. Mereka boleh memanggil sidang media di pejabat parti mereka, tidak perlu datang ke sini... *[Tepuk]* Betul tidak? Disokong oleh Yang Berhormat Senator-Senator semua. Kalau berita itu menarik, mesti wartawan itu akan datang. Tidak payah takutlah kalau tidak ada wartawan yang datang. Betul tidak?

Ada Ahli Parlimen Pakatan Rakyat mengatakan, menghalang orang luar memanggil sidang media di Parlimen adalah menyekat kebebasan bersuara. Saya tidak setuju, sebab Parlimen bukan dewan serba guna seperti dewan serba guna di PBT. Kalau kita hendak menggunakan dewan serba guna pun kita kena membuat permohonan. Selepas permohonan pun kita kena buat bayaran. Boleh menggunakannya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Soalan, soalan. Boleh saya celah tidak? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Chew. Apakah agaknya yang menyebabkan sesetengah pihak yang bukan Ahli Parlimen itu cuba menggunakan platform Parlimen ini untuk mengadakan sidang akhbar mereka? Barangkali ada dua kemungkinan. Pertama, kerana tidak adanya keyakinan untuk mengadakan sidang akhbar di tempat sendiri, maka cari tempat lain.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betul.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Satu. Satu sebab yang lain saya rasa ialah ini melihatkan perangai mereka akan mengambil apa sahaja kesempatan asal kehendak mereka berlaku. Jadi, dia tidak peduli. Di rumah orang kah, di mana-mana kah, dia buat juga. Ini merupakan satu budaya *trespassing* kalau boleh, dengan izin, yang tidak patut digalakkan. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Chew Lee Giok: Saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Dato' Dr. Firdaus. Betullah itu. Okey, saya sambung lagi perbahasan saya sebab banyak lagi ya? Setahu saya memang ada Ahli Parlimen yang tidak sokong...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjang kah lagi?

Puan Chew Lee Giok: Beri saya 10 minit lagi, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Bagi lima minit.

Puan Chew Lee Giok: Lima minit? Okey, dan menyarankan pihak tertentu. Sebenarnya, kita hendak menghormati kebebasan bersuara dan hak pihak media lah. Itu yang penting ya.

Mengenai hukuman mati pengedar dadah. Tuan Yang di-Pertua, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bercadang memansuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap pesalah dadah di bawah akta dadah ini yang berbahaya. Cadangannya memang ada kebaikan, ada keburukannya- *pros and cons*.

Dari segi kebaikan, menunjukkan Malaysia menuju ke arah lebih berperikemanusiaan dan menghormati hak asasi manusia. Akan tetapi pada pendapat sesetengah orang mengatakan sebab ada hukuman mati pun masih orang mengedar dadah. Oleh sebab itu hendaklah mansuhkan akta ini, hukuman mati ini.

Akan tetapi ada pihak yang mengatakan bahawa bila hapuskan hukuman mati ini, mungkin ramai lagi akan mengedar dadah. Sebab itu dia pun ada hujah yang betul. Oleh sebab itu pada pendapat saya, kerajaan hendaklah membuat kajian ataupun soal selidik, bancian daripada orang ramai, golongan profesional, peguam, untuk- sebab keputusan yang dibuat berdasarkan orang ramai tidak akan menerima tentangan daripada sewaktu kita membuat penggubalan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa kepada kes kaum wanita yang bukan Muslim yang menggunting rambut kaum bukan Muslim- lelaki punya dikenakan saman. Ini berlaku di bawah jagaan pemerintahan PAS Kelantan. Pada pandangan saya, ini tidak akan berlaku sebab ini di mana ia telah melakukan perundangan Islam ke atas golongan bukan Islam. Bukan kes ini sahaja. Kes yang lain lagi seperti kes yang baru berlaku dalam dua hari ini iaitu khalwat. Di mana empat orang *non-Muslim* telah dikenakan saman, dikatakan dikait dengan khalwat.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga kes yang pekerja Muslim wanita yang bekerja dengan majikannya yang *non-Muslim*. Di mana waktu bekerja, pekerja wanita *Muslim* itu dia menggulung lengan bajunya dan dikenakan saman. Akan tetapi majikan yang *non-Muslim* pun dikenakan saman. Ini adalah tidak betul sebabnya melakukan perundangan Islam ke atas golongan bukan Islam. Seperti perkara-perkara tersebut, tiga kes yang saya sebutkan tadi akan menakutkan pelancong untuk melancong ke Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan panggung wayang. Kita mengetahui bahawa Kelantan memang tidak ada tempat hiburan. Tidak ada panggung wayang, tidak ada karaoke ataupun disko. Beberapa minggu yang lepas, Menteri Besar Kelantan mengatakan mungkin panggung wayang boleh dibuka dengan syarat tempat duduk lelaki dan perempuan diasingkan, pertama. Kedua, lampu hendaklah dinyalakan sewaktu menonton wayang gambar. Saya hairan. Kalau lampu dinyalakan, tidak boleh ditutup, maksudnya panggung wayang itu adalah sangat terang, sangat cerah. Macam mana hendak menonton wayang gambar? Itu adalah munasabah kan? Itu yang tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa kepada satu kes lagi iaitu tokoh agama Buddha yang terkenal iaitu Sami Hsing Yun yang datang dari Taiwan membuat lawatan ke Pejabat Perdana Menteri pada 23 November. Sewaktu perjumpaan, PM menceritakan konsep 1Malaysia kepada tokoh Sami Hsing ini berharap warga Malaysia boleh bersatu bawah konsep 1Malaysia. Tokoh Sami Hsing ini pun memberitahu PM bahawa konsep 1Malaysia merupakan satu konsep yang bagus dan perpaduan rakyat adalah perlu untuk mencapai kejayaan negara.

Selepas perjumpaan, tokoh Sami Hsing Yun ini telah menghadiahkan kaligrafi kepada Perdana Menteri iaitu yang membawa perkataan, "*Ji Xing Gao Zhao*", dengan izin, iaitu bermaksud*, "Amat bertuahlah untuk PM".* Apa yang terjadi di *internet*, di *social media* amat mengecewakan. Iaitu penyokong-penyokong Pakatan Rakyat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Puan Chew Lee Giok: Okey, okey. Penyokong-penyokong Pakatan Rakyat telah mencaci dan juga mengkritik tokoh agama ini dan juga PM. Ini bukan budaya orang Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Perhimpunan Agung PAS, PAS telah mendoakan "KO BN" iaitu mendoakan kehancuran orang lain demi kepentingan politik sendiri.

Pada pendapat saya, ini merupakan satu perbuatan yang kejam dan tidak padan dengan pengajaran agama Islam. Sebaliknya, UMNO telah membalas dengan baik iaitu mendoakan PAS selamat dan balik ke pangkal jalan.

Inilah keadaan politik di Malaysia pada hari ini. Maka, saya berharap walaupun kita mungkin berlainan fahaman politik, kita tetap rakyat Malaysia dan bukan musuh sepanjang hayat. Bekerjasama, bersatulah demi masa hadapan Malaysia kita. Sekian, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah.

2.47 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam*.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana telah membuka ruang kepada saya untuk bersama-sama dalam perbahasan Bajet 2013 pada kali ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana pertumbuhan ekonomi yang telah dijangkakan, yang telah diunjurkan pada tahun 2012 adalah sebanyak 4.5 peratus sehingga 5 peratus.

Tahniah juga saya ucapkan kepada semua negeri yang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi ini dan tidak lain dan tidak bukan kepada kesemua 15 negeri yang berada di bawah Kerajaan Malaysia iaitu termasuk Kelantan, Kedah, Selangor dan juga Pulau Pinang. Kita kena ingat, perkembangan pertumbuhan ekonomi Malaysia bergantung kepada 15 buah negeri ini. Kerajaan Negeri Kelantan telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang agak memberangsangkan juga iaitu kalau dilihat daripada unjuran pada tahun 2011 hingga 2015, Kerajaan Kelantan telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.9 peratus.

Kalau kita melihat kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 2010, Selangor dan Pulau Pinang telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi pada 10.8 peratus dan 10 peratus. Jadi, tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Malaysia dan semua negeri di bawah Kerajaan Malaysia iaitu kesemua 15 negeri termasuk Wilayah Persekutuan Labuan...

■1450

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Mohon mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya nak buat pembetulan. Malaysia ada 14 negeri, bukan 15.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Putrajaya, semua sekali.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Wilayah dalam Wilayah Persekutuan, jadi 14. Jalur kita dalam bendera pun 14.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk pembetulan Yang Berhormat, Wilayah dipanggil satu Kementerian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tak apa, tak apa. Sila teruskan.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey. Seterusnya berkenaan dengan kadar pengangguran. Kadar mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Malaysia adalah pada 3.3 peratus dan *alhamdulillah* di Kelantan kadar pengangguran adalah sebanyak 2.3 peratus pada tahun 2010 dan saya kira kadar pengangguran di Kelantan masih lagi rendah.

Seterusnya saya merujuk kepada B.41 – Kementerian Pelajaran iaitu saya ingin menyentuh berkenaan dengan keberkesanan pendidikan Islam dalam aliran pendidikan nasional. Kita lihat hari ini umat Islam di Malaysia telah mengalami beberapa hakisan nilai dan saya ingin melihat daripada sudut satu kajian yang telah dibuat mengatakan umat Islam di Malaysia hari ini hanya 15 peratus hingga 20 peratus sahaja yang menunaikan solat wajib lima waktu sehari semalam.

Itu adalah solat wajib dan hari ini juga kita melihat umat Islam di Malaysia ramai yang tidak berkebolehan untuk membaca al-Quran sedangkan kedua-dua perkara ini adalah *fardu ain*, asas bagi peribadi, bagi individu Islam.

Saya telah dimaklumkan oleh seorang rakan saya mengajar di sekolah di Bentong. Beliau menjadi warden asrama dan didapati majoriti pelajar di bawah jagaannya Tingkatan 3 dan Tingkatan 4 tidak boleh membaca al-Quran sehingga dia terpaksa membuka kelas *qira'ati* dan mula dengan *qira'ati* 1. Sedangkan bacaan al-Quran, sembahyang adalah asas bagi umat Islam.

Jadi saya kira kita perlu melihat semula memandangkan aliran pendidikan nasional hari ini saya kira telah gagal melahirkan individu Muslim yang sekurang-kurangnya mampu melaksanakan *fardu ain*.

Perlu dilihat daripada sudut Pelan Pembangunan Pendidikan yang telah dibuat baru-baru ini. Saya melihat beberapa faktor yang dilihat di dalam pelan pendidikan adalah dikatakan pendidikan kita adalah suatu pendidikan yang holistik. Namun, apakah ciri-ciri holistik tersebut? Apa yang dikatakan ciri-ciri holistik adalah antaranya melihat daripada sudut disiplin pelajar. Kenapa tidak dilihat daripada sudut bagi seorang Islam, holistik dilihat daripada sudut adakah pelajar, adakah anak-anak kita mampu membaca al-Quran, mampu solat lima waktu? Bagi seorang Islam perkara itu adalah asas *fardu ain*. Sekiranya perkara itu tidak mampu dibuat, ia akan menjejaskan generasi yang akan datang sebab kita tahu dalam Islam telah mengatakan firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, *"Bila mana seseorang individu Muslim mengerjakan solat, ia akan menghindarkan manusia itu daripada melakukan maksiat"*

Kita lihat hari ini. Saya ada berjumpa dengan beberapa orang doktor yang bekerja di dewan-dewan bersalin di hospital-hospital yang menguruskan kelahiran anak-anak luar nikah dan telah menemu bual ibu yang melahirkan anak-anak luar nikah. Kebanyakan ibu-ibu yang melahirkan anak-anak luar nikah ini tidak solat dan tidak pandai baca al-Quran. Jadi saya melihat ini adalah satu fenomena yang betullah firman Allah SWT sekiranya seseorang itu tidak melakukan solat dengan sempurna...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ingin tahu daripada Yang Berhormat. Adakah perkara yang amat menyedihkan Yang Berhormat sampaikan dalam Dewan itu juga berlaku di negeri Kelantan?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya, memang berlaku. Di Kelantan juga berlaku. Kita kena akui dalam sistem pendidikan kita hari ini, kita ada pendidikan alternatif yang ditawarkan oleh kerajaan negeri, pendidikan agama. Di bawah Kementerian Pendidikan pun ada sekolah-sekolah agama. Namun kemasukan enrolmen pelajar-pelajar dalam aliran ini hanya 30 peratus daripada jumlah keseluruhan. Kalau kita lihat daripada sudut *figure* 800,000 yang terlibat dengan dan mengikuti pengajian dalam pendidikan agama.

Kita di Kelantan sama ada sekolah yang ditawarkan oleh kerajaan negeri, sekolah agama negeri ataupun sekolah-sekolah agama yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan mendapat sambutan yang sangat baik. Tempat yang ditawarkan adalah sedikit berbanding dengan permintaan. Jadi saya amat mengalu-alukan Kementerian Pelajaran menambah sekolah-sekolah ini kerana kita lihat kehendak masyarakat sekarang berminat dengan aliran sekolah-sekolah agama.

Kalau kita lihat- saya sendiri menghantar anak saya ke sekolah rendah Islam swasta kerana kurang sekolah tersebut ditawarkan di kementerian dan sekolah tersebut walaupun bayarannya mencecah sehingga RM200 sebulan tidak termasuk yuran kemasukan tahunan, permintaan daripada ibu bapa sangat ramai termasuk di Lembah Klang. Kita boleh lihat masyarakat hari ini begitu dahagakan, begitu inginkan pendidikan Islam kerana melihat kepada kemerosotan akhlak, kemerosotan moral yang berlaku pada hari ini. Masyarakat sedar, masyarakat melihat bekal kepada anak-anak sebagai benteng daripada terlibat dengan gejala-gejala sosial yang tidak sihat adalah melalui agama. Saya yakin sekiranya kerajaan memberi lebih ruang kepada ibu bapa dengan menyediakan tempat-tempat sekolah agama, tentu sekali ibu bapa di seluruh Malaysia yang beragama Islam sangat gembira.

Seterusnya saya merujuk juga kepada masih lagi berkenaan sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah agama negeri. Kita lihat pelajar-pelajar yang berada dalam aliran ini dipinggirkan. Dalam aktiviti kokurikulum peringkat negeri mahupun peringkat pusat di bawah Kementerian Pendidikan, pelajar-pelajar yang berada dalam aliran pendidikan agama di sekolah-sekolah negeri diketepikan. Mereka tidak dijemput untuk menyertai program-program ini. Begitu juga dengan guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah agama di negeri-negeri. Mereka juga dipinggirkan, tidak diajak untuk turut serta berada mengikuti kursus-kursus bersama guru-guru lain.

■1500

Suka di sini saya menyebut, di Kelantan, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM92 juta kepada pembangunan sekolah-sekolah agama di Kelantan yang bilangan pelajarnya adalah berjumlah 40,000 orang. Saya melihat pada tahun 2011, berdasarkan maklumat yang diberikan, kerajaan telah memberikan RM90 juta kepada sekolah agama rakyat di seluruh Malaysia.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan juga B.46 - Kementerian Sumber Manusia. Kita lihat pada hari ini lebih daripada 50 peratus orang wanita terlibat sebagai guna tenaga negara yang terlibat dalam pelbagai profesion dalam pembangunan negara kita yang tercinta Malaysia. Tahniah kepada wanita di luar sana di samping tugas-tugas sebagai isteri, sebagai ibu, turut sama dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Sebenarnya, penglibatan wanita di dalam pembangunan adalah suatu konsep yang tidak asing. Saya ingin menyebut beberapa orang tokoh wanita Islam pada zaman Rasulullah yang bukan sahaja menjadi ibu dan isteri malah terlibat dalam pembangunan negara iaitu Saidatina Khadijah sebagai seorang saudagar, Aishah sebagai seorang ulama', pakar hadis, Nusaibah binti Ka'ab dan Asma' binti Amir, sebagai pemimpin di dalam Perjanjian Aqabah. Nusaibah binti Ka'ab juga merupakan jururawat yang bertugas di medan-medan perang dan juga pada zaman Sayidina Umar al-Khattab, beliau telah melantik dua orang wanita iaitu as-Syifa dan Sayeda Samra' sebagai pembantu di pasar-pasar Madinah.

Di dalam Islam juga, tidak asing dengan konsep pembantu di dalam rumah tangga dan juga pengasuh yang kita kenal dengan nama Ummu Aiman, dengan nama Halimatul Sakdiah. Dalam perkembangan pada hari ini, perkembangan yang mana wanita turut serta di dalam pembangunan negara, saya menyeru agar institusi sokongan kepada wanita ini harus dipergiatkan lagi. Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia kerana pelbagai alternatif yang telah diambil. Akan tetapi saya ingin melihat dari satu sudut iaitu dari sudut pembekalan pembantu-pembantu rumah kepada suri-suri rumah kepada majikan. Di mana saya lihat dari sudut agama, majikan dan juga pekerja, di dalam syarat permohonan ada dinyatakan, majikan hendaklah mengambil pekerja ataupun pembantu yang seagama. Namun, sekiranya mendapat izin, dibenarkan sebaliknya.

Saya ingin mengutarakan di sini agar syarat ini diperkemas dengan majikan Islam hanya boleh mengambil pekerja Islam manakala majikan bukan Islam hanya boleh mengambil pekerja ataupun pembantu yang bukan Islam. Tidak ada pengecualian walaupun dengan izin. Ini kerana ini melibatkan hubungan majikan dengan pekerja yang mana pekerja biasanya tidak akan membantah ataupun berkeupayaan untuk membantah cara hidup arahan majikan. Juga majikan sendiri apabila telah menyerahkan tugasan membantu rumah, urusan rumah diserahkan kepada pembantu rumah biasanya tidak boleh memantau, tidak boleh mengawal selia apa yang dibuat.

Ini kerana banyak masa telah dihabiskan di pejabat dan urusan rumah ditinggalkan kepada pembantu. Jadi saya memohon kepada kementerian untuk mengkaji semula syarat ini dan memperketat majikan Islam hanya boleh mengambil pekerja Islam dan majikan bukan Islam hanya boleh mengambil pekerja bukan Islam, tidak ada pengecualian.

Seterusnya, akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan beberapa kes yang mana anak-anak kecil yang ditinggalkan di pusat asuhan kanak-kanak, di nurseri telah *suffocated,* telah lemas akibat susu dan sebagainya. Apa yang dijawab oleh kerajaan ialah nurseri-nurseri ini tidak berdaftar. Mengikut peraturan, pusat-pusat asuhan ini perlu didaftarkan. Kenapa masih banyak di luar sana pusat-pusat asuhan yang tidak didaftarkan, tidak berdaftar tetapi masih boleh menjalankan operasi? Ini bermakna penguatkuasaan masih lemah. Jadi, saya mohon supaya penguatkuasaan ditingkatkan dan kementerian mengenal pasti pusat-pusat asuhan yang tidak berlesen dan memastikan pusat-pusat ini dilesenkan dengan segera sekiranya layak, ataupun sekiranya tidak layak, pastikan ia tidak beroperasi.

Seterusnya, suka saya mencadangkan di sini agar nurseri-nurseri di pejabat kerajaan dan juga agensi-agensi kerajaan diperbanyakkan. Malah, mungkin diwajibkan dan diberikan insentif-insentif yang sesuai. Ini memandangkan kita lihat di kalangan wanita hari ini, walaupun tempoh menyusu anak-anak adalah dalam Islam diajar selama dua tahun.

Akan tetapi, terpaksa meninggalkan, memendekkan tempoh penyusuan tersebut kerana anak-anak ditinggalkan di rumah. Kajian perubatan menunjukkan, anak-anak yang mendapat susuan yang lebih lama mempunyai antibodi terhadap kanser yang lebih tinggi berbanding dengan anak-anak yang mendapat susu formula. Jadi, apa...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah? Ya, ini tentang susu ibu. Memanglah susu ibu paling baik dan sesuai untuk bayi kita. Tadi kata kalau ibu bekerja di luar, tidak dapat menyusukan bayinya. Saya fikir, tidak betul sebab sekarang kita ada cara mengeluarkan susu dan simpan di peti sejuk. Akan tetapi, memang betullah, saya bersetuju tentang susu ibu itu. Memang setuju dengan ada nurseri diizinkan ditubuhkan di mana-mana. *Thank you.*

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Memang saya pun tahu kaedah penyimpanan susu ibu tetapi yang terbaik adalah susu ibu diberikan secara terus. Pertama, boleh mengeratkan hubungan ibu dan anak. Kedua, dari sudut bekalan itu sendiri, ia meningkatkan antibodi anak. Jadi, yang terbaik adalah penyediaan nurseri-nurseri di pejabat-pejabat. Sekiranya tidak dapat, kaedah kedua tadi iaitu stok susu ibu boleh dibuat.

■1510

Seterusnya, saya terbaca di akhbar, isu ini telah lama tetapi- isu yang sangat besar iaitu berkenaan tahap kecurangan wanita Asia. Di mana mengikut laporan akhbar tersebut, mengatakan Malaysia berada pada kedudukan yang ketiga tertinggi. Ini adalah sesuatu yang sangat serius. Di mana silapnya? Adakah apabila wanita terlibat dengan kerjaya menyebabkan mereka terdedah kepada gejala ini ataupun kurang didikan agama? Jadi saya pun tidak ada jawapan kepada persoalan-persoalan ini. Namun, kesan kepada isu ini adalah sangat besar, di mana ia akan menjadi masalah daripada sudut keturunan.

Seorang kawan saya pernah memberi tazkirah di pejabat-pejabat dan ada beberapa orang wanita bertanya masalah ini. Macam mana sekiranya di dalam hubungan sah suami isteri, seorang wanita berlaku curang dan lahir anak? Jadi status keturunan anak itu sangat dipertikaikan. Jadi apakah penyelesaiannya, apakah puncanya? Bagi saya, kementerian mesti mengkaji persoalan ini kerana ini akan melibatkan masalah generasi akan datang.

Seterusnya saya ingin melihat kepada beberapa hasil. Pertamanya hasil bukan cukai berbentuk denda dan penalti iaitu melalui kod hasil, denda dan penalti, mengikut kod hasil 76102 - 'Denda dan Rampasan'. Mengikut anggaran pada tahun 2012, anggaran hasil adalah sebanyak RM1,027 juta, manakala pada tahun 2013, RM2,182 juta iaitu kenaikan 112 peratus. Merujuk kepada laporan MIROS tahun 2011 iaitu *Institute of Road Safety Research* pada muka surat 23, laporan itu mengatakan pengguna motosikal, penunggang dan pembonceng terus menjadi penyumbang utama terhadap bilangan kemalangan jalan raya di Malaysia...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

Puan Khairiah binti Mohamed: Persoalan saya, daripada sudut pelaksanaan AES, macam mana AES boleh menyumbang kepada pengurangan kemalangan melibatkan penunggang dan juga pembonceng motosikal? Adakah AES boleh mengesan kesalahan oleh penunggang dan pembonceng motosikal melibatkan kesalahan had laju dan juga langgar lampu isyarat?

Saya ingin mencadangkan agar di kesemua 14 lokasi yang telah dipasangkan AES di tiga buah negeri, saya mencadangkan agar pengguna jalan raya dimaklumkan, diberi peringatan tentang statistik kemalangan di tempat berkenaan supaya maklumat ini boleh memberikan peringatan dan amaran kepada pengguna dan juga menunjukkan *transparency* dan juga ketelusan kerajaan dalam melaksanakan AES...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Yang Berhormat, boleh?

Puan Khairiah binti Mohamed: Saya kalau Tuan Yang di-Pertua izin masa panjang sikit, saya bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya tidak bagi peluanglah Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat kerana masa kita terhad, teruskan.

Puan Khairiah binti Mohamed: Seterusnya, saya ingin menekankan agar penguatkuasaan AES tidak bermotifkan keuntungan, kerana jika mengikut daripada anggaran, kenaikan 112 peratus ini adalah berpunca daripada denda dan juga rampasan. Agar AES tidak bermatlamatkan kewangan.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada kod hasil 71405 berkenaan dengan royalti petroleum iaitu pendapatan sebenar tahun 2011 sebanyak RM5,147 juta dan anggaran pada tahun 2013 adalah sebanyak RM4,901 juta. Di sini saya ingin memohon untuk mendapatkan butiran lengkap hasil royalti petroleum bagi sebenar 2011 berjumlah RM5,147 juta terutamanya mengikut Blok PM terutamanya Blok PM 301, 302 dan juga 303.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berkenaan dengan definisi *offshore* yang begitu hangat diperkatakan iaitu tiga batu nautika. Ini kerana dari sudut Perlembagaan tidak mendefinisikan perairan dan juga daripada sudut Akta Pembangunan Petroleum juga tidak mendefinisikan *offshore,* cumanya, *offshore* telah ditafsirkan di dalam Ordinan Darurat dan ordinan itu telah pun dimansuhkan. Saya mohon untuk mendapatkan penjelasan.

Seterusnya di bawah B.6 - Jabatan Perdana Menteri, suka saya mencadangkan di sini, demi memartabatkan Mahkamah Syariah, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan melihat secara teliti dan serius untuk menyemak semula had maksimum hukuman bagi mahkamah syariah memandangkan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, walaupun telah dikuatkuasakan selama 47 tahun, semakan terakhir telah dibuat pada tahun 1984 dan ini bermakna 28 tahun telah berlalu dan saya yakin had maksimum hukuman di bawah kuasa mahkamah syariah perlu ditingkatkan lagi kerana yang sedia ada sekarang adalah maksimum hukuman penjara adalah tiga tahun, denda RM5,000 dan juga enam sebatan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Puan Khairiah binti Mohamed: Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan, saya pohon untuk juga merujuk kod hasil 62608 pada di muka surat 71 iaitu berkenaan dengan penyediaan pasangan menari dan eskot sosial. Saya ingin mendapatkan penjelasan tentang perkara ini.

Akhirnya, yang ini saya rasa sangat penting juga berkenaan dengan kod hasil 62310 berkenaan dengan duti eksais bagi bir daripada *malt*. Kalau mengikut anggaran pendapatan duti eksais daripada bir daripada *malt* ini, pada tahun 2011 lebih daripada RM1 bilion dan pada tahun 2013 juga lebih daripada RM1 bilion. Apa yang saya faham, bir daripada *malt* ini adalah minuman beralkohol yang mengandungi alkohol yang sangat minimum dan apa yang saya faham, minuman ini adalah biasanya dalam bentuk tin. Kalau melihat kepada duti eksais sehingga RM1 bilion, bermakna di pasaran, nilai bir ini adalah lebih banyak lagi.

■1520

Kalau saya pernah tengok kes-kes sebegini, anak-anak muda bagi mengelakkan dilihat daripada meminum minuman ini, antaranya yang dibuat adalah mengisi minuman-minuman ini di dalam beg-beg plastik dan meminum dengan menggunakan straw. Penguatkuasaan bagi remaja Islam ataupun orang Islam meminum minuman ini sangat sukar kerana minuman ini diedarkan walaupun di kedai-kedai runcit.

Jadi, saya ingin mendapatkan kepastian, adakah kerajaan merasakan nisbah bir daripada *malt* yang diedarkan ini sesuai dengan jumlah orang yang bukan Islam. Ini kerana saya yakin minuman ini memang haram untuk orang Islam.

Adalah nisbah ini sesuai ataupun apa yang ada di pasaran ini sebenarnya berlebihan? Jadi, saya pohon supaya *figure* ini di*convert*kan dalam bentuk kuantiti dan dinisbahkan dengan bilangan bukan Islam. Saya rasa setakat itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

3.21 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan ruang untuk berbahas dalam Bajet 2013. Tuan Yang di-Pertua, saya akan mulakan dengan pendidikan, seperti biasa Kementerian Pelajaran mendapat bajet yang paling besar daripada Bajet 2013 sebanyak RM38.7 bilion ataupun lebih kurang 21 peratus. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bahawa langkah meningkat upaya kompetensi dan kualiti guru merupakan prasyarat kritikal yang menunjang kejayaan sistem pendidikan negara.

Saya amat bersetuju bahawa peruntukan tambahan RM500 juta bagi meningkatkan kemahiran guru dan pengajaran subjek-subjek teras melalui pendekatan *higher order thinking skills*. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan guru, saya difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran sudah buat satu keputusan bahawa calon-calon SPM yang dapat 9A boleh terus diambil masuk ke maktab perguruan tanpa *interview*. Jadi, saya pernah berhujah dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya tidak bersetuju sangat bahawa calon-calon yang cemerlang semestinya menjadi guru yang cemerlang juga. Oleh kerana pada saya profesion guru lain daripada profesion lain macam *engineer* atau arkitek. Kalau dia cemerlang, cukup tetapi menjadi guru selain daripada otak, dia perlukan emosi, dia perlukan hati.

Jadi, tidak semestinya orang yang cemerlang dalam SPM yang dapat 9A, emosinya, psikologinya pun 9A juga. Kadang-kadang dia mungkin tersangat ego, kadang-kadang ada mungkin calon seperti ini, dia pandai orang rendah orang, khususnya budak-budak yang tidak begitu berjaya dalam pelajaran. Pada saya, saya rasa bahawa pengambilan guru calon perguruan masih perlu melalui sistem *interview* dan saya berharap bahawa Kementerian Pelajaran boleh mewujudkan satu sistem untuk mengkaji *attitude* seseorang calon itu dengan cara yang saintifik.

Kualiti guru misalnya, selain daripada kecemerlangan dari segi akademik, dia perlu empati dan dia juga perlukan *presentation skills*. Saya sendiri ada pengalaman, saya ada cikgu yang Ph.D, yang banyak *degree* sehingga tiga ke empat *degree*. Akan tetapi dalam dewan kuliah itu dia punya cara penyampaian sampai semua orang tidur. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat ada pengalaman di universiti atau di mana-mana pun, tidak semestinya menjadi guru yang baik.

Guru yang baik juga perlu pandai merangsang, *motivation* ini amat penting. Saya pun sudah banyak kali berkata bahawa seorang guru yang baik tidak semestinya menyampaikan bahan pengajaran yang banyak, bahkan kalau dia boleh merangsang supaya murid-muridnya suka pelajar, dia amat berjaya. Saya tahu ada guru-guru sejarah yang di dalam kelas dia ajar sedikit-sedikit, balik rumah budak cepat-cepat buka buku tengok apa yang seterusnya. Mereka tertarik dengan sejarah, hendak tahu dan tidak boleh tunggu sampai esok guru mengajar. Ini pada saya, guru yang lebih berjaya daripada guru yang masuk kelas sahaja, dia ambil buku baca daripada huruf yang pertama sampai huruf yang terakhir tetapi semua murid tidur.

Jadi pada saya, keadaan pendidikan lebih bergantung pada kualiti guru dan juga bukan hal-hal yang fizikal. Ia bukan bangunan yang canggih, kemudahan yang baik dan sebagainya tetapi guru adalah yang paling penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh hendak sedikit berkenaan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Sekarang ada banyak perbahasan tentang pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah Cina dan sekolah Tamil. Ada pihak yang kata bahawa- saya memang mengaku bahawa tahap penguasaan Bahasa Malaysia di sekolah Cina dan sekolah Tamil khususnya sekolah Cina tidak begitu memuaskan. Oleh kerana itu, ada orang yang cadangkan bahawa mungkin sukatan pelajaran kita tidak cukup mendalam, kita perlu mendalamkan sukatan pelajaran. Sekali lagi saya tidak setuju dengan cadangan ini oleh kerana kejayaan untuk mengajar murid sesuatu bahasa ialah kita mencungkil minatnya.

Kalau kita boleh jadikan budak-budak ini suka dan berminat untuk belajar apa-apa subjek pun, kita tidak perlu ajar banyak, budak akan ambil peluang untuk belajar dan juga ambil peluang untuk mendedahkan dia menggunakan bahasa dan sebagainya.

Oleh kerana kalau kita jadikan sukatan pelajaran itu lebih mendalam, mungkin budak akan lagi takut, yang sedia ada dia tidak boleh menguasai, kalau jadikan ia lebih susah, dia lagi teruk. Dalam bahasa Cina ada satu peribahasa yang bermaksud, *"Jangan kita cuba bantu anak benih tumbuh dengan cara kita mencabutnya."*

Kalau kita cabut anak benih supaya nampak dia tumbuh, ini bukan cara yang baik sebaliknya kita mungkin akan matikan anak benih itu.

Jadi, yang penting saya rasa, kita kena ubahsuai sukatan pelajaran dengan menjadikan ia lebih menarik kepada pelajar dan kita harus melatih guru-guru yang lebih kompeten lagi dari segi P&P supaya mereka boleh ajar dengan cara yang lebih menarik supaya budak suka belajar. Saya pernah bergurau dengan cikgu-cikgu saya, di dalam sekolah murid-murid yang mereka ajar itu tidak boleh menguasai Bahasa Malaysia tetapi cikgu Melayu itu dia pandai bertutur dalam bahasa Mandarin. Jadi, saya kata nampaknya murid dia lebih mahir mengajar daripada cikgu itu kerana cikgu diajar Mandarin tetapi murid gagal menguasai Bahasa Malaysia.

Perkara kedua yang sekarang hangat dibincangkan ialah sama ada kita hendak kekalkan kelas peralihan ataupun tidak. Sebagai seorang pendidik, pada saya ini bukan soalan hendak kekalkan kelas peralihan ataupun bukan. Kalau budak tidak boleh menguasai Bahasa Malaysia, dia perlu diberikan bantuan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh? Izinkan saya berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat dan dengan masyarakat ramai juga tentang kemerosotan penguasaan bahasa Malaysia di kalangan warganegara kita.

■1530

Kalau boleh saya memberikan pengalaman peribadi sedikit yang telah saya ulang beberapa kali dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua. Minggu saya berubat mata di *general hospital*. Kemudian *pharmacist* itu, yang *educated*, memanggil diri saya "awak". Saya kata padanya, *"Umur saya sudah 60 lebih, kamu baru berumur barang kali 20 tahun atau 30 tahun. Adalah sesuatu yang tidak beradab untuk memanggil seseorang yang jauh lebih tua daripada kamu dengan panggilan awak."* Akan tetapi *moral of the story,* dengan izin, ialah bahawa ini memperlihatkan penguasaan Bahasa Malaysia yang bukan sahaja menimbulkan rasa permusuhan yang barangkali dengan mudah rasa permusuhan seperti itu dengan mudah boleh diterjemahkan kepada dimensi-dimensi perkauman.

Jadi yang saya hendak timbulkan Tuan Yang di-Pertua, ialah peri seriusnya kemerosotan penguasaan Bahasa Malaysia itu di kalangan warga negara kita. Kalau Yang Berhormat tidak setuju dengan apa yang dicadangkan dalam pelan pelajaran itu iaitu supaya kurikulumnya ditingkatkan, apa cadangan yang konkrit yang sebenarnya. Sebab kalau kita menyedari masalahnya apakah penyelesaian yang wajar. Tadi dikatakan tentang peri perlunya galakan terhadap orang yang hendak belajar itu menerima semangat galakan.

Adakah ini bermakna bahawa ibu bapa minta maaf, golongan Tionghoa tidak menggalakkan anak mereka untuk belajar Bahasa Malaysia sehingga berlaku seorang anak muda berumur 20 tahun memanggil seorang yang sudah berumur 60 tahun dengan panggilan awak seperti itu, sebagai contoh, bukan awak kamu. Sebagai salah contoh dan saya melihat ini tentang betapa masalah-masalah yang ada kaitan dengan jati diri, dengan pembinaan negara bangsa, dengan simbol-simbol kebangsaan seperti ini semakin tidak dihargai. Ini yang patut menerima perhatian yang sungguh-sungguh kerana kita tidak sahaja *building the state, we are also should be building the nations,* dengan izin. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Dengan soalan yang serupa, saya ingat soalan yang serupa Dato' Dr. sudah pun banyak kali bangkitkan semasa saya berhujah, dan saya pun sudah banyak kali berikan jawapan.

Saya tadi sudah kata, kita jadikan sukatan pelajaran lebih menarik dan bukan lebih mendalam. Oleh kerana yang sedia ada mereka tidak boleh menguasai, kalau kita jadikan dia lebih susah, mereka lagi takut.

Berkenaan dengan contoh Yang Berhormat Dato' Dr. sebutkan tadi, saya pun pernah sudah sebut, ini mungkin disebabkan oleh kebudayaan yang berlainan. Saya pernah kata misalnya orang Cina ataupun bahasa Inggeris kita sebut dua-dua dengan *you*, tidak ada masalah. Akan tetapi dalam Bahasa Malaysia kita tidak boleh.

Apabila kita menjadi guru besar, biasanya budak sampai ke Tahun 6, saya kan adakan kelas yang tertentu, di mana saya ajar mereka macam mana hendak berucap kepada orang Melayu dan sebagainya. Ini lebih kurang sama dengan orang Cina, dengan orang Melayu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh tidak? Adakah ini bermakna bahawa kebudayaan yang berlainan dan menyentuh perasaan itu akan kita teruskan.

Tuan Khoo Soo Seang: Saya bukan kata hendak teruskan. Saya kata ini adalah tanggungjawab cikgu yang berkenaan untuk ajar mereka semasa mereka masih di sekolah rendah. Saya sudah bagi contoh bahawa semasa saya menjadi guru besar, saya ambil inisiatif dan juga saya ada maklumkan kepada cikgu-cikgu tentang masalah ini. Saya sudah cakap banyak kali. Kita tidak boleh teruskan, kalau kita teruskan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bagaimana untuk melahirkan lebih banyak guru-guru contoh, guru-guru seperti Yang Berhormat Tuan Khoo. Itu yang sebenarnya semangat.

Tuan Khoo Soo Seang: Saya ini saya kena serahkan kepada kementerian. Saya percaya kementerian mempunyai pegawai-pegawai yang bijak pandai, tidak perlu nasihat daripada saya. Ini tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat teruskan.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey. Berkenaan dengan kelas peralihan, sekali lagi saya tegaskan yang penting ialah kalau perlu kita kekalkan. Akan tetapi dengan kekalkan kelas peralihan ini tidak boleh menjamin bahawa dalam setahun ini tahap penguasaan Bahasa Malaysia oleh murid-murid yang berkenaan akan meningkat. Oleh kerana saya nampak ada di sekolah-sekolah yang tertentu, guru besar anggap kelas ini sebagai kelas yang tidak guna. Dia masukkan semua murid ke dalam kelas peralihan dan dia masukkan guru yang tidak begitu berdedikasi untuk ajar itu. Cikgu pun anggap budak ini tidak guna, saya tidak payah buang masa saya. Tidak perlu membazir tenaga saya. Akhirnya selepas setahun penguasaan Bahasa Malaysia bagi murid-murid yang berkenaan mengundur, bukan meningkat.

Oleh itu saya cadangkan bahawa, selain kita kekalkan kelas peralihan kita mesti melatih guru yang pandai mengajar mereka. Guru yang boleh- kita boleh bayangkan dalam enam tahun budak masih tidak boleh menguasai Bahasa Malaysia. Dalam setahun macam mana kita hendak tingkatkan. Mesti ada pedagogi yang baik, yang menarik supaya murid-saya tahu ada murid yang boleh kalau kita gunakan kaedah P&P yang baik.

Tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus ada tanya Yang Berhormat Chew berkenaan dengan sekolah pelbagai aliran. Pada saya ini sesuatu yang susah kita hendak paksakan. Kita misalnya, kalau kita kata sekolah Cina mesti ada 30 peratus *Malay*. Siapa 30 peratus yang akan masuk ke sekolah Cina dan sebagainya.

Ini susah kita hendak paksakan. Bagaimana pun dalam keadaan negara kita, tidak ada sekolah yang boleh mengandungi semua jenis murid. Misalnya kalau sekolah di kampung mana hendak cari budak Cina. Misalnya kalau sekolah agama, kalau sekolah swasta. Sekolah swasta lagi teruk, dia asingkan murid yang daripada keluarga yang berada daripada yang keluarga biasa. Adakah kita hendak haramkan sekolah swasta?

Oleh kerana ini bezakan murid daripada keluarga yang kaya, daripada keluarga yang biasa. Ini kita tidak boleh elakkan, tetapi kita boleh buat banyak. Pada saya ini bukan satu masalah dan ini bukan punca. Kita cuba tengok universiti, ada murid semua kaum di situ, pelajar semua kaum di situ. Akan tetapi kita nampak apabila mereka berehat, berkumpulan, Cina dengan Cina, Melayu dengan Melayu. Kalau saya tengok sekolah menengah pun sama...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *[Bangun]*

Tuan Khoo Soo Seang: Dato' saya ingat cukuplah. Saya takut nanti saya tidak boleh habis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nampaknya kalau boleh saya beri pandangan sedikitlah. Tegur yang membina selepas itu cadangan. Kalau hendak *lecture* berkenaan guru ini. Saya tahu Yang Berhormat ada banyak pengalaman macam itu. Masa itu agak terhad, nanti mungkin Yang Berhormat tidak banyak masa, banyak *points* isu yang tidak boleh kemukakan. Juga saya fikir kemukakan pandangan Yang Berhormat, lepas itu cadangan dan sebagainya. Kalau hendak *elaborate* terlalu panjang mungkin makan masa. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Berkenaan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada hendak tanya. Ringkas sahaja ringkas.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Pendek sahaja. *Point* yang apa Yang Berhormat sebut tadi, itu adalah contoh masalah yang berpangkal di sekolah rendah, bermuara di universiti. Antara sebab-sebab kenapa pelajar-pelajar pelbagai kaum di universiti itu tidak bergaul, kerana sejak kecil mereka tidak pernah diajar untuk bergaul.

Kata orang Melayu, hendak melentur buluh biarlah semasa rebungnya. Jadi cuba fikirkan, cuba umpama banyak di antara generasi kita, generasi saya yang sekolah sama-sama dengan pelajar-pelajar Cina, sampai sekarang saya masih ramai kawan-kawan Cina, masih dapat bermesra dengan kawan-kawan Cina, kerana kami duduk di dalam kelas yang sama semenjak di sekolah rendah. Akan tetapi apabila mereka duduk di kelas yang berbeza sewaktu di sekolah rendah jangan diharap mereka akan dapat berinteraksi dengan sihat di pengajian tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1540

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, terima kasih. Saya akan beralih kepada satu perkara yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri kita semasa dia bentangkan Bajet 2012 pada tahun lepas. Ini berkenaan dengan pengecualian cukai pendapatan kepada organisasi agama dan juga sekolah. Jadi saya dapati bahawa pada bulan September yang baru ini, garis panduan yang berkenaan sudah dikeluarkan tetapi berkenaan dengan surat panduan ini, saya ini rujukkan surat panduan LHDN 01/35/42/51/179.

Saya ada beberapa soalan. Di perenggan 3.4, dia menyatakan organisasi mestilah membelanjakan pada tahun yang berikutnya sekurang-kurangnya 50 peratus atau yang dipersetujui oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri daripada pendapatan dan derma yang diterimanya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mencapai objektif penubuhannya. Jadi kalau sekiranya wang itu adalah untuk pembinaan dan kalau sekiranya wang dikutip pada tahun yang tertentu masih tidak cukup untuk pembinaan itu, memang sukar bagi pertubuhan berkenaan belanjakan 50 peratus daripada perbelanjaan ini. Jadi saya hendak tanya, bolehkah kementerian berikan kelonggaran sekurang-kurangnya biar mereka tiga tahun untuk sekali gus buat pembinaan.

Kemudian, perenggan 8.2.2.2 yang menyatakan ke semua wang derma hendaklah dibelanjakan hanya untuk pembinaan bangunan yang dipohon. Perbelanjaan bagi maksud-maksud pembelian perabot dan peralatan tidak dibenarkan. Pada saya ini adalah berat sikit. Kalau sesuatu pertubuhan kebajikan ataupun keagamaan dia hendak bina bangunan tetapi dia tidak ada wang untuk beli peralatan perabot, jadi mana datangnya wang itu.

Kalau dia hendak dapat derma, oleh kerana kebanyakan pertubuhan kebajikan dan agama dia bergantung 100 peratus kepada derma. Jadi kalau dia gunakan derma untuk beli ini, siapa punya derma dikecualikan daripada cukai pendapatan dan siapanya tidak. Jadi saya mohon kepada kementerian untuk bertimbang semula syarat ini. Satu lagi yang susah hendak dilaksanakan ialah jika masih terdapat lebihan wang derma tersebut hendaklah didermakan kepada badan-badan kebajikan yang mendapat taraf kelulusan pengecualian cukai pendapatan daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Ini bermaksud kalau wang yang saya dapat ini ada berlebihan, saya kena dermakan kepada pihak yang satu lagi yang juga mendapat kelulusan.

Akan tetapi ini memang susah sebab orang yang menderma ini tidak semestinya setuju bahawa wang itu di derma kepada pihak yang ketiga. Jadi saya minta penjelasan dan juga minta kalau boleh ini dilonggarkan. Satu lagi ialah derma-derma yang berupa barangan tidak layak ditolakkan cukai. Ini kerana ini kadang-kadang khususnya bagi sekolah Cina semasa membina sekolah ada mungkin pembekal yang dermakan batu bata, pasir, kayu dan sebagainya, kalau tidak di benarkan tolakan cukai pendapatan ini mungkin mereka tidak akan menderma terus.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dapat RM3 bilion daripada keseluruhan bajet itu. Walaupun hari itu saya dengar Menteri sebut bahawa harga rumah tidak akan naik kerana boleh dibeli oleh warga asing. Beliau menyatakan bahawa oleh kerana warga asing hanya boleh membeli rumah yang bernilai RM500,000 ke atas, jadi tidak menjejaskan pasaran orang tempatan. Daripada perhatian saya, saya nampak ada kesan. Oleh kerana khususnya di Johor Baru, saya sudah nampak ada rumah-rumah yang sepatutnya mereka boleh jual pada harga lebih kurang RM300,000 lebih, RM400,000 sekarang mereka sengaja naikkan kepada RM500,000. Jadi dengan begitu, mereka bukan sahaja boleh jual kepada warga asing, bahkan dia naikkan harga pasaran dan dia untung lebih besar. Jadi ini saya fikir bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu fikir semula adakah dia datangkan kesan-kesan yang buruk juga.

Berkenaan dengan strata *title*, saya tahu bahawa di negeri Johor ada projek perumahan yang sudah melebihi sepuluh tahun masih belum dapat strata *title*. Saya ingin tanya, apakah sebabnya dan kesannya kepada pembeli rumah. Pada saya ini amat tidak adil dan kenapa kementerian boleh benarkan khususnya pemaju itu bukan pemaju yang kecil, pemaju yang besar-besar.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, yang saya minta bantuan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah berkenaan iklan perumahan yang tidak tepat. Baru-baru ini saya terima satu aduan daripada pembeli rumah di satu taman perumahan di Johor Baru. Semasa mereka membeli rumah, iklan yang ditunjukkan itu, projek itu ialah projek *gated and guarded*. Akan tetapi sebenarnya pemaju ini tidak mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan tempatan untuk buat *gated and guarded*. Mereka bina rumah, jual semasa mereka dapat CF, pagar ini belum dibina. Jadi selepas dapat CF, barulah mereka pagarkan kawasan itu, tetapi di rekod kerajaan tempatan, ini bukan *gated and guarded.*

Selepas beberapa tahun apabila pembeli rumah ambil alih, mereka baru sedar bahawa mereka seolah-olah tertipu. Oleh kerana apabila *gated and guarded*, harga rumah sudah lain, sudah lebih tinggi daripada projek yang biasa. Jadi apakah yang boleh kita buat sekarang? Pagar itu sudah dibina dan sekarang hendak roboh pun tidak boleh, hendak teruskan pun tidak boleh, mereka dalam serba salah.

Saya juga hendak sentuh sedikit berkenaan dengan tribunal tuntutan pembeli rumah. Saya sudah *handle* beberapa kes aduan yang saya tahu ada kes-kes yang sudah dirujukkan kepada tribunal khususnya pemaju-pemaju yang lewat menyerahkan rumah. Kalau ikut kontrak, mereka perlu bayar pampasan tetapi pemaju kata dia tidak mampu bayar dan dia tidak boleh bayar. Ada pembeli rumah yang sudah rujuk kepada tribunal dan tribunal sudah buat keputusan bahawa pemaju mesti bayar. Bagaimanapun, pemaju masih tidak bayar. Apabila pembeli rumah jumpa tribunal, tribunal kata saya tidak ada kuasa untuk kuatkuasakan sesuatu. Saya tidak boleh paksakan. Saya cuma buat keputusan sepatutnya mereka bayar. Jadi kalau kita selalunya ada tribunal yang macam, *sorry* saya kata macam anjing yang hanya boleh menyalak yang tidak boleh menggigit, apa gunanya itu. Pembeli rumah lagi marah pun...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada dua minit lagi Yang Berhormat. Dua minit lagi.

Tuan Khoo Soo Seang: Saya akan sentuh sedikit tentang AES tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kebenaran apa yang saya tidak dapat hujah, saya buat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Khoo Soo Seang: Saya harap bahawa kementerian nanti akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh.

■1550

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, yang berkenaan dengan AES ini, memang langsung tidak masuk akal saya kenapa ada pihak-pihak yang tertentu hendak menghalang secara mati-matian. Pada saya, saya selalu terima kompelin ada orang awam yang kata, *"Polis buat apalah? Polis tidak jaga keselamatan, tidak mahu jaga ketenteraman, suka sembunyi di bawah pokok, sembunyi di sini sana untuk tangkap speed trap".* Oleh kerana ini ada pendapatan tambahan, orang tuduh polis begini.

Jadi, sekarang dengan AES, kita boleh mengatasi masalah ini. Tidak ada peluang untuk hendak siapa-siapa berikan rasuah dan ini memang sesuatu yang baik. Saya sendiri pernah melawat mangsa-mangsa kemalangan jalan raya.

Di antara mangsa-mangsa itu ada yang menjadi mangsa, ada yang maut, ada yang menjadi OKU bukan kerana kesalahan mereka sendiri. Mereka bawa kenderaan dengan cermat tetapi oleh kerana kesalahan orang lain, mereka menjadi mangsa. Jadi, saya tengok keluarga orang muda yang tiba-tiba meninggal, keluarga itu begitu tidak boleh terima hakikat. Kalau sekiranya orang itu adalah *the only breadwinner* di dalam keluarga, isteri, anak tidak tahu hendak buat apa. Jadi, pada saya, saya pun pernah terima saman had laju tetapi kena bayarlah kalau kita bersalah.

Pada saya, saya rasa bahawa nyawa kita jauh lebih bernilai daripada wang ringgit. Cuma saya ada sedikit cadangan. Saya hendak mencadangkan kepada kementerian bahawa hukuman itu berdasarkan kepada berapa banyak kita melebihi had laju. Saya ada satu saman yang saya bawa kereta pada 104/km. Kawasan itu kawasan 90 kilometer. Saya pun kena bayar RM300. Kawan yang bawa pada kelajuan 140 pun baru RM300. Jadi, sampai ada orang kata kalau hendak melebihi had, biar lebih sedikit. Kenapa kita kalau lebih sedikit pun kita bayar sama. Jadi, saya tahu ada satu ketika, saman itu bergantung kepada berapa banyak kita punya kelajuan. Kalau kurang sedikit, kita bayar kurang sedikit. Kalau lebih, kita bayar lebih. Kenapa kita tidak gunakan sistem lama itu? Pada saya lebih adil. Oleh kerana macam saya 104/km bukan sengaja. Kadang-kadang di dalam *highway* kita tidak perasan bahawa kawasan itu ialah kawasan 90/km ataupun kurang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat banyak *points* lagi hendak dikemukakan tetapi masa tidak mengizinkan. Yang Berhormat jadikan itu bagi bertulis pun tidak apa itu.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan cuma satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cuma kalau boleh Yang Berhormat sebut kementerian-kementerian yang berkenaan sahaja sambil lalu.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, itu yang baru ini saya difahamkan bahawa Perdana Menteri kita ada berjanji kepada rakyat Pulau Pinang kalau menang di Pulau Pinang akan bina LRT ataupun MRT. Saya hanya berharap bahawa janji itu juga diberikan kepada orang Johor. Oleh kerana Johor sudah lama di janji LRT, lebih sepuluh tahun tetapi sampai sekarang kita masih belum nampak landasan. Semalam Yang Berhormat Dato' Najib ada sebut tentang GST.

Sebenarnya, saya sendiri amat setuju tentang GST oleh kerana ia lebih adil dan lebih menyeluruh dan paling penting sekali, ia amat sukar dielak cukai. Oleh kerana GST dipungut di peringkat-peringkat, *tier* yang tertentu. Kalau kita dapat barang daripada pembekal dia sudah bayar GST. Apabila dijual, kita hendak bayar GST, kita boleh tolak apa yang sudah dibayar oleh pembekal. Kalau kita hendak cuba elak cukai, kita tidak boleh tolak balik.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Tolong gulung Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, jadi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Perkara-perkara yang lain saya akan buat secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan ada usul untuk dikemukakan. Dipersilakan Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.55 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 11 Disember 2012."

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Tuan Lihan Jok.

3.57 ptg.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada bulan September yang lalu. Satu-satu bajet yang baik, akan menjadi satu bajet yang tidak meninggalkan impak yang baik dan berkesan jika sistem penyampaian jentera kerajaan tidak sempurna. Saya berharap, kerajaan akan mengambil perhatian kepada semua cadangan-cadangan, pandangan-pandangan, syor-syor dan masalah teguran yang membina yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini melalui perbahasan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan sentuh beberapa perkara yang menyentuh kepentingan negeri Sarawak dan penduduk luar bandar di negeri tersebut. Kita sedia maklum bahawa usaha untuk membangun Sarawak sangat mencabar kerana bentuk geografinya dan bentuk muka bumi yang bergunung ganang dan kepadatan kependudukan yang berselerak luas serta jauh dari pusat pentadbiran. Kita bersyukur kerana kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional yang cemerlang di Sarawak selama 30 tahun yang lampau telah mampu membawa Sarawak membangun dengan pesat, namun agenda pembangunan di negeri itu masih banyak yang perlu diusahakan di negeri yang terbesar ini.

Tuan Yang di-Pertua, fokus utama Bajet 2013 adalah untuk merangsang aktiviti pelaburan. Pelaburan asing dan domestik bukan sahaja mewujudkan peluang pekerjaan tetapi salah satu punca pendapatan negara. Aktiviti ekonomi dan pembangunan negara akan lebih rancak akibat pelaburan banyak terhadap pelbagai industri negara.

Maka, tepatlah Bajet 2013, menetapkan aktiviti pelaburan sebagai fokus utama. *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE), dengan izin, merupakan pemangkin utama untuk menarik pelaburan asing ke Sarawak.

Sehingga kini, sebanyak lebih kurang RM30 bilion telah dilabur dalam SCORE sejak ia dilancarkan. Pelaburan asing ke Sarawak mencatat paling tinggi di Malaysia dalam tempoh lapan bulan pertama pada tahun ini iaitu sebanyak RM3.75 bilion. Diikuti dengan Johor sebanyak RM2.34 bilion, Terengganu RM2.24 bilion dalam tempoh yang sama. Nilai pelaburan asing ke Sarawak sebanyak RM29.1 bilion telah bertumpu kepada Samalaju Industrial Park yang terletak dalam kawasan SCORE. Ini kerana semua industri akan menggunakan bekalan elektrik yang murah dan *sustainable,* dengan izin, yang dihasilkan dari kawasan SCORE.

■ **1600**

Ini adalah *roadmap* pembangunan negeri Sarawak. Sehingga kini, 16 syarikat gergasi asing telah mula menubuhkan industri berat yang berteknologi tinggi di Samalaju Industrial Park yang seluas 8,000 hektar dan selainnya di Mukah dan Tanjung Manis. Namun pelaburan baik FDI dan domestik di Sarawak menghadapi jalan buntu dalam jangka panjang jika beberapa aspek penting tidak ditangani.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Kekurangan tenaga kerja yang berkepakaran tinggi akan terus menghantui industri berat dan berteknologi canggih di Sarawak. Sasaran negeri untuk melahirkan 10,000 tenaga mahir menjelang tahun 2020 mungkin tidak akan tercapai. Kemudahan infrastruktur seperti jalan raya yang masih berkekurangan akan menyekat perkembangan aktiviti ekonomi di Sarawak dan mempengaruhi pelaburan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya mencadangkan supaya kerajaan menambah lagi kolej vokasional, pusat-pusat latihan kemahiran berteknologi tinggi, bukan sahaja jumlah kolej komuniti ditambah malah sukatan kurikulum kolej dan pusat-pusat latihan perlu dipertingkatkan sesuai dengan tuntutan industri terkini. Sehubungan ini juga, saya mencadangkan agar Kementerian Sumber Manusia bergabung usaha dengan badan-badan seperti universiti, kolej dan pusat-pusat latihan kemahiran seperti *Curtin University*, *Swinburne University*...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat?

Tuan Lihan Jok: Boleh.

Dato' Lim Nget Yoon: Sefahaman saya yang kolej komuniti biasa susah hendak menarik pelajar. Jadi dengan cadangan Yang Berhormat hendak bina lagi, jadi adakah masalah untuk menarik pelajar untuk mengunjungi kolej tersebut? Terima kasih.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Yang Berhormat. Di Sarawak, saya rasa masalah tersebut tidak timbul dengan begitu ketara. Ramai anak muda kita suka ke situ kerana bantuan kerajaan. Saya teruskan. Jadi, perlu ada hubungan Kementerian Sumber Manusia bersama universiti-universiti dan kolej seperti Laila Taib di Sibu dan Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) dan Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS).

Saya mohon tahu juga kiranya kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia menerangkan usaha setakat ini dan akan datang untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir, untuk memenuhi pembangunan industri di Sarawak. Mohon diperjelaskan. Sarawak akan terus mampu menarik minat pelaburan asing bilamana ada cukup pekerja atau tenaga mahir.

Justeru saya mencadangkan sebahagian peruntukan Bajet 2013 diguna untuk memperkasakan usaha melatih pekerja mahir di Sarawak sesuai dengan tuntutan industri pelaburan asing. Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, pelaburan asing dan domestik akan terus berminat melabur di Sarawak bila ada kemudahan pengangkutan untuk memperkasakan *connectivity* yang efisien.

Sehubungan ini saya mencadangkan agar sebahagian peruntukan Bajet 2013 diguna untuk membina dan meningkatkan infrastruktur di dalam kawasan jalur skor khususnya pembinaan satu sistem kereta api yang dicadangkan untuk menghubungi Samalaju Industrial Park dengan Hab Halal Tanjung Manis. Pelan Induk Sistem Kereta Api ini sudah dijalankan dan siap setahun dahulu. Jadi saya mohon tahu juga dan kiranya Kementerian Kerja Raya sama ada pembinaan sistem kereta api ini praktikal atau tidak dan kosnya.

Tuan Yang di-Pertua, komponen infrastruktur yang paling penting yang perlu disediakan untuk terus menjadikan Sarawak menarik kepada pelabur asing dan domestik ialah kemudahan bekalan elektrik yang murah dan *sustainable,* dengan izin.

Sarawak yang memiliki landskap bergunung-ganang dan memiliki sungai-sungai dan hujan yang lebat hampir sepanjang tahun sesuai untuk membina empangan hidro untuk menjanakan tenaga elektrik yang mampu bertahan wajar diperhebat di Sarawak untuk menyokong pembangunan yang berterusan. Kini, dua empangan hidro iaitu Empangan Batang Ai dan Empangan Bakun sudah beroperasi di Sarawak. Empangan hidro Murum sudah dibina dan Empangan Baram dan Empangan Baleh sedang dalam peringkat kajian *Socioeconomic Impact Assessment* (SEIA), dengan izin. Jika semua empangan hidro ini siap nanti, Sarawak akan mampu menjana tenaga elektrik tidak kurang daripada 7,000 megawatt pada tahun 2020. Ini akan membuat Sarawak lebih menarik dan berdaya saing untuk pelaburan industri pembuatan yang berat dan berteknologi tinggi serta canggih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempercepatkan dan melicinkan program pembinaan empangan hidro di Sarawak, saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan mengagihkan sebahagian peruntukan dalam Bajet 2013 itu untuk digunakan, untuk memulakan serta meningkatkan aktiviti ekonomi dan membina penempatan baru bagi penduduk yang wajib dipindahkan. Usaha seperti menyediakan estet kelapa sawit atau getah untuk mereka sebelum dipindahkan akan memberi keyakinan kepada mereka yang kerajaan memang serius membina nasib penduduk yang bakal dipindahkan. Contohnya, untuk membina Empangan Hidro Baram, seramai lebih daripada 12,000 orang penduduk dari 32 buah rumah panjang terpaksa dipindahkan ke satu atau beberapa tempat yang baru.

Agensi pusat seperti Kementerian Pertanian Asas Tani, Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau melalui badan-badan berkanun seperti *Rubber Industry Smallholder Development Authority* (RISDA), *Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (FELCRA) dan *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB) wajar diberi peruntukan daripada peruntukan Bajet 2013 untuk memulakan kerja-kerja asas kegiatan ekonomi seperti menyediakan estet getah, kelapa sawit atau padi dan membina kemudahan kediaman untuk 12,000 orang penduduk yang bakal dipindah seperti mana saya sebutkan di awal tadi. Saya mohon tahu juga cara mana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat membantu mempercepatkan proses pembinaan kediaman baru bagi penduduk yang bakal dipindahkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini terdapat banyak kritikan, bantahan serta tentangan terhadap pembinaan Empangan Murum dan Empangan Baram kerana perkara asas yang saya sebutkan tadi belum dijelaskan kepada penduduk yang bakal dipindahkan. Kesemua ini telah sedikit sebanyak melambatkan proses awal pembinaan empangan tersebut dan besar kemungkinan akan menimbulkan rasa curiga daripada sesetengah pelabur asing yang tidak sabar akhirnya hilang minat dan mencari minat pelaburan di negara lain.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 telah mengambil kira kesejahteraan penduduk luar bandar di mana RM4.5 bilion diperuntukkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan luar bandar. Daripada peruntukan itu, RM1.2 bilion disediakan untuk melaksanakan projek luar bandar dan jalan perhubungan desa. Untuk makluman semua Ahli Dewan yang mulia ini, sebelum tahun 70-an, di kawasan pedalaman Sarawak seperti Baram, Limbang dan Kapit, rumah-rumah panjang hanya dapat dihubungi dengan menggunakan sungai-sungai.

Sejak tahun 80-an, dengan adanya operasi pembalakan, rumah-rumah panjang telah dapat dihubungi dengan jalan-jalan balak sehingga penggunaan bot dan motor sangkut lenyap sama sekali.

Semua aktiviti ekonomi penduduk berlaku di tepi-tepi jalan balak sehinggalah mulai tahun 2000 yang lampau ini di mana aktiviti pembalakan mulai berkurangan. Kira-kira lima tahun yang lalu, hampir semua jalan balak ini tidak lagi diselenggarakan oleh pengusaha kayu balak kerana operasi pembalakan sudah berhenti. Justeru, jalan-jalan balak yang menghubungi rumah-rumah panjang terbengkalai dan tidak dapat digunakan lagi. Oleh sebab itu banyak rumah-rumah panjang sudah terputus hubungan dengan kawasan bandar.

Maka, kehidupan di rumah-rumah panjang balik muram, sepi, terpinggir. Dalam suasana riang riuh masyarakat Malaysia yang lain sedang senang lenang menikmati kesejahteraan dan pembangunan negara. Masyarakat luar bandar yang saya sebutkan ini tadi, di kawasan di luar bandar, merasa ketinggalan dan terpinggir.

Jalan-jalan tanah, jalan balak ini sudah terputus akibat tanah runtuh dan hakisan yang berleluasa. Pokok-pokok yang tumbang di atas jalan, jambatan dan titi yang sudah runtuh akibat sudah usang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu jaringan jalan balak yang memerlukan perhatian secepat mungkin adalah jalan yang menuju ke hulu Sungai Tinja dalam daerah Baram. Jalan ini terputus akibat tanah runtuh dan beberapa jambatan kayu sudah terputus. Lebih dua ribu orang penduduk dari sebelas buah rumah panjang terputus hubungan ke Bandar raya Miri. Rumah-rumah panjang ini adalah Long Sobeng, Long Pejawai, Long Dunin, Long Ayak, Apau Gun, Long Tisam, Long Batan, Long Jegan, Long Takung, Long Teran dan Long Tabeng.

Nasib yang sama juga menimpa lebih kurang empat ratus orang penduduk Kelabit. Ini bangsa Dato' Sri Idris Jala ini. Kelabit di Long Seridan dan Penan di Bak Berai hulu Sungai Totoh di daerah Baram terputus hubungan dengan pekan Long Lama dan Miri akibat runtuhnya sebatang jambatan kayu yang menyeberang Sungai Berai. Jadi Tuan Yang di-Pertua, jika selama ini permintaan SOS, dengan izin, rakyat dalam dua kawasan berkenaan tidak diendahkan. Mungkin kerana bukan di bawah bidang tanggungjawab sesetengah kementerian atau jabatan atau agensi kerajaan.

Kini saya merayu Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji keadaan dan mengambil tindakan segera sebelum PRU 13 akan datang. Saya melihat keadaan tanah runtuh dan jambatan yang terputus yang berlaku di kedua-dua kawasan mirip dengan keadaan bencana alam seperti yang terhurai dalam arahan nombor 20 perenggan lima, muka surat tiga, Majlis Keselamatan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, puluhan bekas jalan balak yang lain menghubungi tidak kurang dari lima puluh buah rumah panjang di pedalaman daerah Baram terbengkalai kerana penduduk kampung tidak terdaya memperbaiki jalan tanah yang sudah terhakis teruk. Jika tidak ada usaha dari kerajaan untuk membuat sesuatu pada tahun akan datang, banyak kampung di Baram akan terputus hubungan. Orang kampung tidak minta besar mana pun Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak minta lebuh raya, mereka tidak minta jalan raya berkonkrit atau jalan raya jenis R3 ke R5 yang berturap. Mereka cuma minta sekiranya ada jentera kerajaan datang untuk memindah timbunan tanah runtuh atau batang pokok tumbang atas jalan tanah.

Atau minta kerajaan sambung balik jambatan kayu atau titi yang sudah runtuh atau menutup lubang-lubang akibat hakisan air. Itu sahaja yang mereka hendak. Sehubungan ini saya mencadangkan supaya sebahagian peruntukan Bajet 2013 diguna untuk mewujudkan beberapa pasukan atau skuad baik pulih luar bandar yang mungkin dapat diwujudkan melalui Majlis Keselamatan Negara atau di bawah Program Pembangunan Golongan Kaum Minoriti Sabah Sarawak yang patut diletakkan di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah.

Skuad yang dibekalkan dengan beberapa buah jentera seperti sebuah jentolak, sebuah *motor grader* dan sebuah lori dan sebuah *Kobeco* dan sebuah lori minyak akan berpindah-pindah mengikut permintaan penduduk untuk memperbaiki jalan, tanah dan jambatan yang rosak. Melalui cara ini, penduduk dapat melakukan aktiviti harian tanpa gangguan dan tidak tunggu demi tunggu jalan berturap yang tidak mungkin menjadi–jadi selama bertahun-tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji pendirian kerajaan yang sangat prihatin dengan pendidikan awal kanak-kanak. Kita sedia maklum bahawa kualiti pendidikan prasekolah amat penting sebagai platform melengkapkan kanak-kanak dengan pendidikan asas. Sehubungan ini sambil kita giat mempertingkatkan kualiti pendidikan prasekolah, kita juga harus ingat kanak-kanak yang langsung tidak berpeluang mengikuti pendidikan awal. Ini adalah disebabkan kerana ada penempatan luar bandar Sarawak tidak mempunyai kemudahan seperti taska, tabika, tadika atau kelas persekolahan sekolah rendah. Contoh yang nyata sekali, di dalam daerah Baram di mana hampir tiga ratus buah rumah panjang berselerak luas. Hanya kira-kira tujuh puluh buah rumah panjang mempunyai kemudahan tadika atau prasekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran dan Jabatan Kemajuan Masyarakat. Justeru, ramai kanak-kanak tidak berpeluang menikmati pendidikan awal di kelas tadika atau prasekolah.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mencari penyelesaian terhadap ketidakadilan sosial ini yang berleluasa di kalangan penduduk di pedalaman Sarawak. Gejala ini sangat berleluasa di kalangan masyarakat Orang Ulu di bahagian Miri dan bahagian Kapit. Tidak berpeluang untuk menikmati pendidikan awal telah menyumbang kepada kelemahan prestasi pendidikan di kalangan murid Orang Ulu di pedalaman Sarawak. Apabila kanak-kanak masuk tahun satu dengan kosong kemahiran mengira, dengan kosong kemahiran menulis, dengan kosong kemahiran membaca, duduk dan belajar bersama dengan kanak-kanak yang sudah didedah dengan pendidikan awal selama dua tahun. Kita dapat bayangkan betapa susah untuk kanak-kanak itu menyesuaikan diri dengan kanak-kanak yang sudah petah membaca, petah mengira dan petah menulis.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kita tidak rela membiarkan ketidakadilan dalam pendidikan ini berterusan. Justeru Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya sebahagian peruntukan Bajet 2013 untuk pendidikan awal digunakan untuk membawa pendidikan kepada kanak-kanak yang malang ini. Selain mereka datang ke sekolah, kita bawa kelas, kita bawa guru di mana mereka berada.

■1620

Saya mencadangkan agar Kementerian Pelajaran atau Jabatan Kemajuan Masyarakat atau Jabatan Perpaduan Negara mewujudkan satu konsep iaitu guru bergerak yang dibekalkan dengan bahan dan alat pembelajaran dan pengajaran pendidikan awal bergerak dari satu rumah panjang ke satu rumah panjang yang lain untuk menjalankan proses P&P pendidikan awal di kalangan kanak-kanak yang malang itu tadi. Kelas bolehlah dijalankan di ruai-ruai ketua kaum, di dalam gereja atau di dalam dewan kampung. Untuk memudahkan guru-guru ini bergerak mengikut jadual yang ditetapkan, saya mencadangkan mereka dibekalkan dengan kenderaan yang sesuai yang mampu memuatkan bahan dan alat pengajaran dan pembelajaran.

Dicadangkan agar agensi-agensi kerajaan yang berwajib dan berkaitan membuat kajian dan perancangan yang mendalam cara mana konsep guru bergerak ini ataupun sekolah mobil ini dapat dilakukan dengan berkesan supaya gejala ketidakadilan sosial ini tidak berterusan di negara kita yang sudah begitu membangun dan seterusnya meningkatkan mutu pendidikan di kalangan seluruh masyarakat di mana sahaja mereka berada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan dan cadangan yang saya utarakan, saya mohon menyokong. Akan tetapi sebelum saya duduk, izinkan saya sampaikan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua yang menganut agama Kristian dan selamat menyambut Tahun Baru 2013 kepada semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu. Silakan Yang Berhormat.

4.22 ptg.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang bagi turut membahaskan Bajet 2013.

Saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana menggubal Bajet 2013 dengan memfokuskan meningkatkan taraf hidup rakyat di seluruh negara, memastikan pertumbuhan ekonomi mampan, perbelanjaan berhemah dan mengurangkan defisit fiskal negara dengan matlamat keseluruhan mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Sesungguhnya Bajet 2013 ini dengan tema, *"Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati"* sebagai penerus tradisi terbaik Kerajaan Barisan Nasional memakmurkan negara dan membawa kesejahteraan kepada semua rakyat iaitu manifesto sebuah janji yang ditepati. Saya ingin mengambil peluang menyertai perbahasan di Dewan yang mulia ini dengan menyentuh beberapa fokus yang diterjemahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 di Dewan Rakyat pada Jumaat 28 September 2012 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh aspek merancakkan sektor pelancongan iaitu fokus pertama, merancakkan aktiviti pelaburan dengan *target* 20.6 juta pelancong bagi tahun 2013. Antara yang dicadangkan kepada fokus itu ialah lanjutan pengecualian pendapatan selama tiga tahun bagi pengusaha-pengusaha pelancongan yang mengendalikan sekurang-kurangnya 750 pelancong asing ataupun 1,500 pelancong tempatan setahun. Saya menyambut baik pengecualian cukai yang dilaksanakan bermula tahun ini sehingga tahun 2014 terutama sempena Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2013 dan 2014. Saya berharap pengusaha pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dapat mengoptimumkan insentif pengecualian cukai itu dengan meningkatkan perkhidmatan dan menambah baik produk yang ditawarkan.

Namun, pengecualian cukai atau insentif itu kepada pihak terbabit dan juga premis-premis lain berkaitan dengan pelancongan tidak merangkumi premis-premis pusat hiburan walaupun mereka ini juga bersama-sama terbabit dalam memeriahkan sektor pelancongan di dalam negara kita. Berdasarkan pembabitan premis pusat-pusat hiburan ini dalam sektor terbabit, saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya bajet pada tahun hadapan, premis-premis lain dan termasuk premis-premis pusat hiburan dimasukkan di dalam senarai insentif bagi pengecualian cukai dalam bajet tahun hadapan.

Bagi menstrukturkan semula perkhidmatan wanita pelayan pelanggan di premis hiburan terbabit, mengikut kenyataan pihak Jabatan Imigresen, antara kesalahan yang dilakukan mereka termasuklah tinggal lebih masa di negara ini, menyalahgunakan pas lawatan sosial untuk bekerja sebagai wanita pelayan pelanggan di premis-premis hiburan. Malah, pihak imigresen juga mendapati sebahagian daripada wanita yang ditahan itu menggunakan pas-pas pelajar namun ia disalahgunakan untuk bekerja di premis pusat-pusat hiburan yang bertaburan di seluruh negara.

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini, memang terdapat kelemahan premis-premis hiburan yang menggunakan perkhidmatan wanita pelayan pelanggan kerana mereka ini kebanyakannya menggunakan pas lawatan sosial, pas pelancong ataupun pas pelajar. Oleh itu, jika ada keperluan, saya mencadangkan kerajaan mengkaji dengan mendalam peraturan ini supaya mereka yang terbabit diberi visa pas khas ataupun permit kerja tertentu untuk bekerja di pusat-pusat hiburan. Jika ada keperluan daripada tauke-tauke daripada pusat-pusat hiburan yang terdapat di seluruh negara.

Ini bertujuan antara lain untuk memudahkan kerajaan memantau kemasukan mereka dan jika terdapat penyalahgunaan visa ataupun pas khas ataupun permit kerja yang diberikan, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas seperti mengusir mereka pulang ke negara asal atau mengenakan denda dengan pemberian visa, pas khas, ataupun permit kerja tertentu. Ini juga memudahkan pemantauan kerajaan termasuk mengurangkan bebanan dan tanggungjawab pihak penguatkuasaan dan juga meminggirkan penyalahgunaan kuasa termasuk membasmi rasuah yang kemungkinan berlaku di kalangan jabatan-jabatan dan agensi pelaksana.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus memberikan penekanan ke arah memodenkan lagi struktur pertanian bagi mempertingkatkan, terutama hasil pengeluaran makanan bagi tujuan itu. Pertanian berskala besar dan bercampur-campur termasuk ternakan dan penggunaan tanah secara efektif perlu diteruskan pelaksanaannya. Menerusi pembentangan Bajet 2013, kerajaan terus memberikan penekanan kepada struktur pertanian dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan negara.

Bagi memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan, sejumlah peruntukan RM5.8 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

■1630

Oleh itu di Dewan yang mulia ini saya juga ingin menyentuh fokus Bajet 2013 mengenai meningkatkan aktiviti pertanian dengan membariskan beberapa cadangan. Pertama, diwujudkan model-model petani moden berjaya terutama petani-petani muda membabitkan semua kaum di semua peringkat negeri-negeri yang berada di dalam negara kita ini. Dengan modelnya kita ikut seperti kejayaan FELDA yang telah pun berjaya menjadi sebuah syarikat pertanian multinasional. Model-model ini bukan sahaja akan mewarisi pertanian berskala besar dan moden malah akan menjadi ikon-ikon kecemerlangan pertanian khususnya di kalangan generasi muda.

Oleh itu kerajaan perlu antara lain membina, memberikan mereka insentif dan pelbagai bantuan supaya petani-petani yang kini mengusahakan projek pertanian mereka pada peringkat tradisional boleh dianjakkan kepada kelas pertengahan dan ke mercu paling cemerlang. Memberikan petani-petani muda semua kaum ini insentif penggunaan teknologi serta pengurusan moden, membantu dan menggalakkan mereka dalam melaksanakan rantaian nilai dalam sektor pertanian seperti pemprosesan, logistik, pembungkusan, jenama, pemasaran, pemasaran baru dan juga dari segi *delivery system*, konsep dan jurus yang sama ini juga boleh diimplikasikan untuk membela para nelayan.

Terima kasih saya rakamkan kepada kerajaan kerana amat menghargai sumbangan para nelayan dan sentiasa memastikan sosioekonomi golongan ini bertambah baik dan pendapatan mereka terus meningkat. Di Dewan yang mulia ini saya mengucapkan tahniah ke atas usaha kerajaan dalam menghargai sumbangan para nelayan dan petani dengan memperkenalkan berbagai-bagai usaha. Seperti elaun bantuan sara hidup RM200 sebulan, memperkenalkan skim perlindungan insurans, meneruskan pemberian subsidi dan insentif pertanian sedia ada berjumlah RM2.4 bilion dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ilmu pengetahuan adalah tunggak kepada pemangkinan sesebuah tamadun dan pelapik asas bagi mencapai kecemerlangan. Jadi, untuk menuju inspirasi negara maju berpendidikan tinggi kerajaan perlu memberikan keutamaan kepada pembangunan sistem pendidikan yang dapat melahirkan tenaga kerja berbakat, berkemahiran tinggi, mempunyai daya kreativiti serta berinovatif. Pastinya ia bermula daripada peringkat asas pendidikan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana memberikan pelbagai galakan dan perancangan yang konservatif dan kondusif bagi memperkasakan pendidikan dan latihan dalam fokus kedua Bajet 2013.

Melalui pembentangan itu yang menarik perhatian saya ialah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menyentuh penyediaan kerajaan terhadap peruntukan tambahan sebanyak RM500 juta. Bagi mempertingkatkan kemahiran guru dalam pengajaran subjek-subjek teras iaitu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik melalui pendekatan *higher order thinking skills,* dengan izin. Dalam memperkukuhkan pendidikan awal kanak-kanak yang disentuh di dalam pembentangan Bajet 2013, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan memperkemaskan pendidikan prasekolah dengan menyuburkan matlamat pendidikan prasekolah itu dengan antara lain menggilap potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan untuk menguasai kemahiran asas dalam menuju matlamat kerajaan melahirkan insan kreatif dan inovatif.

Untuk menggapai matlamat itu kokurikulum pembelajaran pendidikan prasekolah perlulah dirangka dengan teliti atau dilakukan pembaikan. Agar kanak-kanak yang belajar di pusat-pusat pelaksana sama ada di bawah kelolaan kerajaan mahupun swasta menerima pendidikan asas yang cukup berkualiti sejajar dengan hala tuju pelajaran yang semakin maju. Dengan itu sukatan pembelajaran kepada kanak-kanak ini sama ada diurus oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mahupun kelolaan pihak swasta perlu terus dipantau dengan teliti supaya ia memenuhi keperluan dan tahap berdasarkan falsafah pendidikan kebangsaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang cukup prihatin apabila menyediakan RM1.2 bilion bagi tujuan pendidikan prasekolah termasuk pada Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pelajaran, PERMATA dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Selain dari itu, tinjauan saya ramai guru-guru prasekolah yang menggemari muzik terutama *percussion* bersama-sama kanak-kanak agar minat terhadap seni muzik dapat kita gambarkan sejak di peringkat asas. Saya tidak menyalahkan mereka kerana pengalaman dan pendedahan yang mereka peroleh agak terhad.

Oleh itu di Dewan yang mulia ini saya cadangkan supaya kita dapat memperkenalkan dan menggalakkan kanak-kanak di peringkat asas ini dengan seni muzik dan guru-guru yang berminat diberi peluang mengikuti bengkel-bengkel permainan alat-alat muzik terutama *percussion,* dengan ini guru-guru dan kanak-kanak dapat didedahkan tentang asas-asas dan teori muzik. Memberikan insentif atau potongan khas kepada pembelian alat-alat permainan muzik kepada ibu bapa yang berminat di dalam bidang muzik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkasakan transformasi pengangkutan awam. Masalahnya ialah berkaitan dengan masalah perkhidmatan teksi di Lapangan Terbang KLIA, LCCT, KLIA2 dan *Sky Park* di Subang.

Sebagaimana kita maklum, lapangan terbang terutamanya di Lembah Klang merupakan pintu masuk pelawat, pelancong dalam negara dan luar negara. Perkhidmatan teksi yang berkualiti adalah amat penting dalam memelihara imej negara dan menggalakkan lebih ramai pelawat datang ke negara kita. Kualiti perkhidmatan teksi di semua lapangan terbang khususnya di KLIA, Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) dan *Sky Park* Subang perlu dipertingkatkan.

Untuk KLIA2 yang akan beroperasi pada tahun hadapan perlu memastikan perkhidmatan yang lebih cemerlang. Banyak aduan yang kita dengar berhubung dengan kualiti perkhidmatan teksi di KLIA khususnya. Ini termasuk kualiti teksi yang tidak memuaskan dan penumpang terpaksa menunggu begitu lama untuk mendapatkan teksi.

Dalam akhbar *The Star* pada 3 Disember bertajuk, *"Long Wait for Taxi at KLIA is the Norm."* Pada 4 Disember yang bertajuk, *"Long Taxi Wait Must Stop"* adalah bukti kualiti perkhidmatan yang rendah dan sesuatu yang amat memalukan. Seorang penumpang yang bernama Susan Chow menyatakan beliau terpaksa menunggu sehingga satu jam lima belas minit untuk mendapatkan perkhidmatan teksi di KLIA. Saya berpendapat hal ini berlaku disebabkan perkhidmatan teksi di KLIA hanya dimonopoli oleh hanya sebuah syarikat sahaja iaitu Airport Limo Sdn. Bhd. Saya dimaklumkan bahawa syarikat berkenaan mendapat konsesi selama tujuh tahun bermula pada 24 Mac 1997 hingga Mac 2004 dan disambung semula konsesi selama tujuh tahun lagi dan tamat pada 2011.

■1640

Syarikat berkenaan memohon dengan SPAD untuk disambung lagi konsesinya selama tujuh tahun lagi. Saya difahamkan syarikat ini mempunyai 1,500 permit tapi hanya digunakan 900 sahaja, 700 masih tidak diguna pakai. Masalah yang dihadapi sekarang ialah ini hanya akan dapat kita selesaikan dan peningkatan kualiti perkhidmatan teksi di Lapangan Terbang KLIA, LCCT dan *Sky Park* Subang dan KLIA II hanya direalisasikan jika pihak SPAD tidak memberi lesen konsesi hanya kepada sebuah syarikat sahaja. Ini kerana sistem monopoli adalah amat tidak sihat kerana ia menghalang persaingan sihat yang mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan. Perkara lain Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung dengan kaunter tiket.

Saya ingin bertanya kepada Syarikat Mesra Indah Jaya Sdn. Bhd. (MIJ) yang dilantik yang tidak memiliki sebarang teksi, tetapi ia diberi eksklusif monopoli mengendalikan kaunter tiket di LCCT dengan memperoleh pulangan sebanyak 9 peratus daripada nilai tiket sebagai komisen pada setiap bulan. Dengan itu, kita mohon kepada Kementerian Pengangkutan, SPAD dan lain-lain badan yang ada kaitan, supaya perkhidmatan teksi di KLIA dan KLIA II ini dapat diberi peluang kepada pemohon-pemohon baru dan juga kepada pemohon-pemohon yang ingin melaksanakan penjualan tiket di kawasan LCCT dan di KLIA I dan KLIA II.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah pun mengadakan perkhidmatan bas percuma iaitu *Go KL.* Akan tetapi yang menjadi masalahnya ialah kerana bas ini diberi percuma kepada semua orang yang menggunakan perkhidmatan di kawasan tersebut.

Oleh itu di Dewan yang mulia ini saya cadangkan supaya *Go KL* itu hanya penduduk-penduduk tempatan sahaja boleh menggunakan perkhidmatan tersebut dan kepada pelancong-pelancong yang berada di kawasan Kuala Lumpur itu, hendaklah menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti teksi dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan pandangan dan cadangan kepada kerajaan untuk mengurangkan defisit dalam meringankan menangani persekitaran luar yang semakin mencabar. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dengan pelbagai strategi yang telah dan sedang akan dilaksanakan bagi memperkukuhkan ekonomi negara. Langkah kerajaan berserta dengan insentif sektor swasta yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan *efficiency* dan produktiviti telah memantapkan lagi daya saing negara.

Dalam hal ini, suka saya mencadangkan beberapa perkara yang mungkin boleh membantu kerajaan mengurangkan defisit dengan memperkenalkan, satu kelulusan memasang cermin gelap pada kenderaan. Mengikut statistik Kementerian Pengangkutan, jumlah terkumpul kenderaan yang didaftarkan di dalam negara berjumlah 21,250,145 buah sehingga tahun 2011 dan jumlah ini akan meningkat setiap tahun.

Jika diambil kira peratus pemilik kenderaan di negara ini dan kerajaan memberikan kelulusan pemasangan cermin gelap, kerajaan mampu menjana anggaran pendapatan sebanyak RM100 juta setahun dengan mengenakan caj sebanyak RM30 untuk kenderaan di bawah 1.5cc dan RM60 untuk kenderaan 1.5cc ke atas setahun dan caj cermin gelap ini boleh dijelaskan ketika pemilik-pemilik kenderaan memperbaharui cukai jalannya pada setiap tahun.

Perkara kedua yang saya ingin kemukakan di Dewan yang mulia ini ialah memberi kelulusan pemasangan nombor pendaftaran persendirian. Atas pelbagai sebab, ramai pemilik kenderaan sanggup menghabiskan beratus ribu malahan berjuta-berjuta ringgit hanya kerana satu siri nombor plat kenderaan atas alasan peribadi yang mungkin tidak begitu penting kepada orang lain.

Mengikut rekod yang diketahui, antara nombor plat kenderaan termahal di Malaysia ialah MCA1 dan WW1 yang di bida dengan harga ratusan ribu ringgit. Untuk nombor plat kenderaan termahal di dunia pula, saya difahamkan adalah nombor plat 10 yang berharga RM43.7 juta. Berdasarkan kepada kemampuan dan minat pemilik kenderaan terhadap nombor-nombor plat istimewa itu, apatah lagi dengan adanya pengenalan nombor pendaftaran persendirian seperti mengikut nama individu, dengan cara ini kerajaan dijangka mampu menjana pendapatan hampir RM300 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks menyejahterakan rakyat adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan persekitaran awam dan perniagaan yang selamat, menjana keselamatan dan keamanan dan keharmonian negara. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana akan menambah bilangan penjawat baru Polis Diraja Malaysia pada tahun 2013 untuk melaksanakan tugas-tugas rondaan dan pencegahan jenayah. Saya juga tertarik dengan usaha kerajaan untuk menambah bilangan pasukan polis seramai 10,000 orang dengan peruntukan RM70 juta bagi membantu polis membanteras jenayah.

Namun dalam pelaksanaan itu, saya ingin mencadangkan elaun tanggungjawab PDRM, pasukan polis simpanan, RELA dikawal selia supaya tugas yang mereka pikul tidak bertindih atau *overlapping,* dengan izin, bagi memantau pelaksanaan tugas-tugas pihak-pihak pelaksana. Saya mencadangkan diwujudkan satu-satu badan untuk mengawal selia tanggungjawab pelaksana itu supaya tidak berlaku pertindihan. Selain daripada itu, dalam usaha kerajaan mempertingkatkan pengurangan kadar jenayah, saya ingin sentuh di Dewan yang mulia ini, tindakan PDRM terutama tahanan suspek yang mendapatkan maklumat. Saya ingin memberi pandangan di Dewan ini supaya tahanan suspek hanya boleh dilakukan kepada mereka yang benar-benar didapati melakukan kesalahan.

Jika tidak ada bukti, tahanan suspek itu perlu dibebaskan kurang daripada 24 jam tanpa digari. Ini bertujuan untuk mengelakkan keaiban dan trauma di kalangan tahanan suspek reman yang tidak bersalah. Dengan cara ini, PDRM perlulah menggunakan budi bicara dalam mengendalikan penyiasatan dan pengesahan dalam jenayah sesuatu kes yang dilakukan.

Saya difahamkan terdapat hampir 14 buah ibu pejabat polis kontinjen, 136 ibu pejabat daerah dan 340 balai polis daerah tidak termasuk pondok-pondok polis di seluruh negara. Saya difahamkan hampir, termasuk pondok-pondok polis ini kita dapati hampir 6,000 pondok-pondok polis, ibu pejabat polis dan kontinjen polis yang beroperasi di seluruh negara. Jadi kalau satu hari ada dua kes di setiap balai, di setiap ibu pejabat, di setiap pos-pos polis ini dan kita lihat kadang-kadang ada di antara kes-kes yang dibawa oleh pihak polis itu tidak dapat pengesahan.

■1650

Jadi kalau satu hari kita dapati dua kes, kalau ada 6,000 termasuk balai-balai, pondok-pondok polis di seluruh negara, kita akan ada 12,000 kes. Jadi kalau kita kali sebulan, sudah menjadi beribu-ribu kes. Akan tetapi ada sesetengah kes yang dibawa oleh pihak polis tidak dapat dibuktikan dan ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk. Oleh itu kita harap kepada pihak polis, kalau ada kes-kes yang tidak berbahaya, bolehlah menggunakan budi bicara mereka supaya orang-orang yang dianggap bersalah itu dapat dibebaskan tanpa mereka ini diikat jamin dan digari untuk menentukan reman seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Bajet 2013, fokus kelima ialah menyejahterakan rakyat menerusi Program Transformasi Luar Bandar. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memilih Melaka sebagai lokasi pertama Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Bandaraya Melaka. Selain itu, Melaka juga kini mempunyai Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Kuala Linggi. Syabas dirakamkan kepada kerajaan kerana dengan penubuhan UTC dan RTC ini, ia menjadi sebuah pusat integrasi perkhidmatan meliputi pengumpulan, pemprosesan, pengedaran, pertanian, perbankan, insurans, khidmat nasihat, perniagaan, latihan kemahiran dan klinik serta ruang niaga yang cukup banyak. Suka saya ingatkan di dalam Dewan yang mulia ini, dalam usaha kerajaan membangunkan atau mentransformasikan kawasan-kawasan luar bandar, maka kita harap penglibatan dan pemilikan kaum bumiputera tidak diabaikan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu sekretariat untuk memantau dan mengawal selia transformasi di kawasan-kawasan luar bandar ini kerana dalam usaha mentransformasikan kawasan-kawasan ini terutama pekan-pekan kecil, kita mahu menggalakkan kaum-kaum bumiputera tidak terpinggir termasuk dari segi pemilikan aset.

Saya sedar kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan menyediakan kemudahan perumahan terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana berasaskan kepada profil penduduk negara terutama mereka dalam golongan umur 20 tahun hingga 24 tahun, permintaan perumahan kos rendah dan sederhana dan mampu milik terus meningkat. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin menyentuh dan membuat teguran kepada Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) yang melaksanakan projek-projek di bawah seliaan tanpa mengambil kira keuntungan di peringkat kontraktor pelaksana. Saya difahamkan harga seunit rumah turun kepada RM55,000 dengan keluasan 1,000 kaki persegi yang menggunakan kaedah *parapet.* Dulu, harga seunit rumah berharga RM65,000 dengan saiz 850 kaki persegi dengan menggunakan secara konvensional. Saya cadangkan SPNB mengkaji semula harga rumah berdasarkan faktor berikut.

Pertama, SPNB melantik kontraktor payung dengan unit rumah sebanyak 500 unit. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melantik kontraktor *parapet* dengan kos RM12,000 dan kos penghantaran RM2,000. Saya difahamkan bahawa kontraktor payung telah mengambil keuntungan sebanyak RM3,000 setiap unit rumah dan kontraktor pelaksana...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya masih banyak lagikah?

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Sikit itu berapa minit agaknya?

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Lima minit. Lima minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Lima minit? Kurangkan sedikitlah kalau dapat.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Boleh, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Teruskan.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Kontraktor pelaksana hanya ditawarkan sebanyak RM38,000 untuk seunit rumah bersaiz 1,000 kaki persegi dengan menggunakan *tiles* dengan *plaster ceiling,* dengan izin. Akhirnya kontraktor pelaksana tidak mendapat keuntungan membina rumah. Kalau di luar bandar, bina rumah secara konvensional, antara RM8,000 hingga RM8,500 kalau kita tidak menggunakan konsep *parapet*. Oleh itu, kita cadangkan supaya SPNB tidak menggunakan kontraktor payung dan terus melantik kontraktor-kontraktor Kelas 'D', Kelas 'E' dan Kelas 'F'. Jadi mereka ini boleh terus melantik kontraktor-kontraktor itu untuk melaksanakan projek-projek di bawah seliaan SPNB.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada skuad bola sepak kebangsaan, Harimau Malaya dengan melayakkan diri ke separuh akhir dalam Piala Suzuki (AFF) dan bertarung dengan Thailand. Saya berharap skuad Harimau Malaya akan terus cemerlang dan memburu kejohanan itu pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya rasa penting untuk saya sampaikan ialah berkaitan dengan Akta Kebankrapan iaitu CTOS dan CCRIS.

Dimaklumkan terdapat hampir 120,000 orang rakyat Malaysia dalam kategori kebankrapan dan disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada mesyuarat UMNO yang lalu supaya Bank Negara dan Kementerian Kewangan mengambil langkah-langkah perlu bagi menyelamatkan mereka-mereka di dalam Akta Kebankrapan ini.

Sebagai cadangan saya kepada Dewan yang mulia ini, kita cadangkan supaya mereka yang menjamin kepada peminjam-peminjam yang meminjam dengan mana-mana agensi perbankan supaya mereka ini dikeluarkan terus daripada senarai *bankruptcy*. Kedua, kita merayu kepada kerajaan supaya kebankrapan ini dinaikkan daripada RM30,000 kepada RM100,000 dengan syarat-syarat yang akan ditentukan oleh pihak kementerian dan Bank Negara...

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah itu.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Okey, sikit lagi saya hendak tutup. Tuan Yang di-Pertua, sejak negara Merdeka kita telah mencapai kejayaan yang amat cemerlang dan kemajuan gilang-gemilang. Dalam tempoh lebih setengah abad, kita telah mendapat menikmati kemakmuran dalam suasana aman, damai dan harmoni serta perpaduan rakyat yang teguh. Kita juga telah berjaya mengekalkan kestabilan politik dalam pentadbiran negara hasil gandingan padu Barisan Nasional yang berprinsipkan kerjasama, adil, keikhlasan dan perjuangan dan sanggup berkorban demi kepentingan negara.

Inilah tradisi perkongsian dalam bidang politik yang telah mengerat dan membentuk perpaduan unit antara semua kaum di bawah satu negara dengan janji ditepati. Sesungguhnya, kejayaan hari ini kita akan teruskan dan mesti berani berdepan dengan semua cabaran, bersedia melakukan sebarang ajakan strategik yang boleh memapan serta mengekalkan kemakmuran dan kejayaan negara. Sekian, dengan ini saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin menjemput ataupun mempersilakan Ahli Yang Berhormat baru kita iaitu Yang Berhormat Datuk Jamilah binti Sulaiman untuk berbahas bagi pertama kalinya di Dewan yang mulia ini. Silakan Yang Berhormat.

4.59 ptg.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT ke atas limpah hidayah dan kurnia serta izin-Nya jua, maka pada hari ini dapatlah saya bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli-ahli Dewan Negara berada di Dewan yang mulia ini untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara yang tercinta ini.

■1700

Sebagai wakil baru, saya mohon tunjuk ajar dari rakan-rakan semua. Sesungguhnya amanah dan tanggungjawab yang diperturunkan kepada saya ini merupakan satu wadah untuk menabur bakti dan berkhidmat terhadap pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013. Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu bajet rakyat, bajet yang akan menentukan hala tuju negara. Bajet negara bertemakan memakmurkan negara, menyejahterakan rakyat dan sebuah janji ditepati. Lima fokus utama digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di seluruh negara ini iaitu lima fokus yang telah banyak disebut. Saya tidak akan mengulangi itu. Namun, bersandarkan kepada tema Belanjawan 2013 ini kita yakin tidak ada satu golongan atau kaum yang terpinggir dan terlepas daripada merasai keselesaan hasil daripada peruntukan dalam bajet tersebut.

Pokok pangkalnya, terpulanglah kepada setiap lapisan masyarakat untuk merebut peluang dalam ruang yang diberikan. Malah, para pemimpin, tokoh akademik dan ekonomi dunia mengakui kebijaksanaan dan satu langkah berani dilakukan oleh pemimpin negara ini. Daripada 61 inti pati belanjawan negara 2013 yang dibentangkan, wanita di negara ini harus berbangga kerana satu daripadanya telah dikhususkan untuk program pembangunan wanita dan masyarakat.

Dengan peruntukan RM50 juta yang meliputi melatih 500 orang di bawah Program Pengarah Wanita, meningkat program inkubator keusahawanan ibu tunggal, memberi geran RM1000 untuk program *Get Malaysian Business Online*, dengan izin, yang melibatkan 50,000 usahawan kecil, meningkatkan jualan secara atas talian dan pemeriksaan ujian *mammogram*.

Ini merupakan satu pengiktirafan terhadap sumbangan wanita terhadap pembangunan negara. Jelas membuktikan kerajaan prihatin untuk membela dan memartabatkan kaum hawa. Ini merupakan satu rahmat bagi kita di negara ini. Tidak seperti di negara-negara lain di mana kaum wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa peperangan kerana kerakusan kuasa tanpa memikirkan nyawa yang tidak berdosa.

Tuan Yang di-Pertua, program basmi kemiskinan luar bandar. Tidak dinafikan tuduhan bahawa negeri Sabah masih mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi berbanding negeri lain di Malaysia. Namun, mengatakan bahawa Sabah miskin adalah satu kenyataan yang perlu diperbetulkan. Negeri Sabah sebenarnya bukan miskin kerana ia adalah di antara negeri yang terkaya dari segi sumber alam termasuk rizab minyak dan gas. Sabah ditakrifkan sebagai miskin hanya kerana masih terdapat rakyat negeri Sabah tinggal jauh di pedalaman yang berada dalam kategori miskin tegar dan jumlah ini jauh lebih tinggi dari negeri-negeri yang lain.

Untuk melaksanakan program basmi kemiskinan, khususnya kemiskinan tegar di Sabah, kerajaan haruslah melaksanakan gerak kerja pembangunan pembasmian kemiskinan dengan lebih tersusun dan menyeluruh. Rakyat yang dikategorikan sebagai miskin tegar harus diberi bantuan dan peluang untuk menjana pendapatan sendiri. Pelbagai pendekatan *theoretical,* dengan izin, perlu digunakan untuk mengukur tahap kemiskinan seperti budaya dan struktur.

Faktor kemiskinan di luar bandar Sabah harus dibincangkan menerusi sektor ekonomi, modal dan teknologi, pendidikan serta lain-lainnya. Bimbingan dan latihan kepada penduduk luar bandar perlu dipertingkatkan dalam melaksanakan program basmi kemiskinan. Ini seperti membangunkan sektor pertanian, perikanan, penyelidikan dan pemasaran serta pembangunan tanah. Sehingga mereka benar-benar mahir untuk meneruskan sendiri program-program yang dapat menjana ekonomi masing-masing.

Kerajaan juga perlu membangunkan infrastruktur asas, terutama jalan raya di pedalaman negeri Sabah sebagai kemudahan penduduk untuk membawa hasil-hasil pertanian dan hasil aktiviti lain untuk tujuan memasarkan. Kemudahan seperti ini amat penting kerana tidak ada guna hasil berlambak kalau tidak dapat dipasarkan. Masalah kemiskinan di Sabah tidak sama dengan keadaan negeri-negeri di Semenanjung. Situasi di negeri Sabah adalah lebih sukar berdasarkan kawasan luar bandar yang luas dan mundur. Kekurangan infrastruktur, kepelbagaian etnik serta kebanjiran pendatang asing adalah masalah-masalah yang dihadapi di negeri Sabah.

Justeru, masalah kemiskinan di luar bandar Sabah perlu diselesaikan secara bijak dengan mengambil kira segala faktor yang telah dikaji sebelum ini. Semua pihak harus komited untuk memastikan tidak ada lagi rakyat yang tergolong di bawah paras kategori miskin tegar menjelang tahun 2020 apabila Malaysia mencapai status negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang asing tanpa izin. Rakyat di negeri Sabah bukanlah anti warga asing. Apa yang dipersoalkan ialah kewujudan sindiket-sindiket haram yang didalangi orang yang tidak bertanggungjawab dan termasuk kakitangan kerajaan yang tidak amanah dan membelakangi undang-undang-undang. Kita mempersoalkan warga asing yang mendapat kad pengenalan melalui pemalsuan kerakyatan Malaysia dan didaftarkan dalam daftar pemilih. Kita anggap ini sebagai percubaan untuk mengubah demografi politik negeri Sabah yang jelas bertujuan jahat, mencuri hak anak negeri yang telah mewarisi bumi Sabah dari moyang mereka sejak ribuan tahun yang lalu.

Kita juga mempersoalkan warga asing yang telah memiliki kad pengenalan melalui pemalsuan dokumen tetapi kini memiliki lesen-lesen perniagaan dan menggunakan dokumen palsu membeli tanah atau berniaga. Kehadiran mereka telah menjejaskan peluang-peluang perniagaan anak-anak tempatan dan lebih menyedihkan mereka menjadi agresif sehingga anak-anak tempatan terpinggir dalam perniagaan di bumi sendiri. Kita juga menentang warga asing yang datang ke negara ini dengan melibatkan diri dalam kegiatan jenayah, termasuk jenayah berat.

Oleh yang demikian, kita mendesak supaya kerajaan, khususnya Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan terhadap orang asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan tidak mempunyai pekerjaan. Sekiranya mereka menjadi risiko jenayah, mereka haruslah dihantar balik ke negara asal mereka dengan serta-merta. Mereka yang dibenarkan berada di Sabah hanyalah mereka yang bekerja dan memiliki dokumen yang sah ataupun permit kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

■1710

Di Sabah, pendatang tanpa izin ini juga berjaya memperoleh rumah PPR atau Projek Perumahan Rakyat. Melalui penggunaan kad pengenalan palsu dan ada juga yang menyewa daripada pemilik asal justeru saya ingin Kementerian Pembangunan Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi penjelasan. Adakah pihak kementerian mempunyai statistik dan membuat pemantauan kepada perkara ini?

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua terdapat beberapa kawasan-kawasan PPR yang saya sendiri pernah lawati dan bila kita berada di sana kita merasa begitu seram sehingga berdiri bulu roma apabila memasuki kawasan-kawasan ini kerana terdapat sungguh-sungguh ramai dan boleh dikatakan seolah-olah kita berada di satu negara asing apabila kita melihat mereka ini beranak-pinak di kawasan yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Siasatan Diraja terhadap masalah pendatang asing tanpa izin iaitu dengan izin, *Royal Commission of Inquiries*. Kita berterima kasih dengan keprihatinan kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meluluskan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja terhadap masalah pendatang tanpa izin ataupun pendatang haram. Mencari strategi ke arah penyelesaian yang terbaik untuk menangani isu pendatang tanpa izin, sebenarnya adalah satu perkara yang telah dikemukakan lebih awal satu desakan sebenarnya untuk menubuhkan suruhanjaya ini bukanlah satu perkara baru. Ianya diutarakan sejak tahun 1990 lagi di mana sahaja ada peluang dan ruang untuk bersuara.

Keazaman dan kegigihan serta usaha yang berterusan dalam perkara ini telah membuktikan bahawa sehingga hari ini gabungan kesepakatan kepimpinan kerajaan Negeri Sabah dari pelbagai parti dalam gabungan Barisan Nasional dan rakyat tempatan keseluruhannya telah memberi sokongan penuh dan komited untuk sama-sama membantu suruhanjaya ini untuk mencapai misi dan visi penubuhannya.

Tidak juga dapat dinafikan peranan penting Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah kerana secara langsung telah menyokong penubuhan RCI ini. Beliau pernah mengizinkan dengan izin, *round table discussion* mengenai isu pekerja asing di negeri Sabah melibatkan pegawai-pegawai kerajaan termasuk agensi-agensi penguat kuasa seperti polis dan Jabatan Imigresen.

Demi untuk memberikan keyakinan tentang keberhasilan dan keseriusan siasatan ini, soalan saya berapa lamakah masa dan tempoh untuk Kementerian Dalam Negeri dan jabatan-jabatan yang berkenaan akan dapat memberikan satu laporan hasil daripada siasatan yang dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, bantuan 1AZAM adalah bantuan yang cukup bermakna kepada masyarakat. Bantuan berupa peralatan untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan pelbagai pakej yang menarik seperti peralatan kedai, jahitan, gerai makanan dan perniagaan sejuk beku diperkenalkan dan disampaikan kepada golongan sasaran khususnya golongan wanita yang memerlukan. Saya mengharapkan menerusi sistem meringankan modal permulaan perniagaan ini penerima-penerima bantuan mampu memperbaiki taraf sosial ekonomi keluarga mereka. Soalan saya, adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membuat pemantauan dan memberikan latihan lanjutan kepada para penerima agar mereka mampu menggunakan bantuan-bantuan ini semaksimum dan seproduktif mungkin agar apa yang menjadi hasrat dan niat kerajaan itu tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, taska dan pusat jagaan harian dalam komuniti. Dalam membangunkan negara ini aspek melahirkan modal insan dan kesejahteraan keluarga perlu diambil penekanan serius. Struktur demografi penduduk meliputi pecahan umur dan gender mendedahkan kita betapa pentingnya tanggungjawab sosial berkenaan dijadikan pakej yang mendatangkan keuntungan kepada masyarakat.

Kita mesti menerima hakikat bahawa dalam masyarakat kita telah wujud keperluan untuk mewujudkan pusat jagaan harian dalam komuniti di samping pusat asuhan kanak-kanak ataupun taska yang akan dijadikan kewajipan untuk diwujudkan di setiap agensi kerajaan dan juga pihak swasta.

Pusat jagaan harian dalam komuniti ini jika diwujudkan mampu menjadi tempat pengasuhan bagi kanak-kanak yang belum bersekolah. Ini kerana semakin ramai kaum wanita khususnya yang berada di luar bandar dan di pinggir bandar yang bekerja dalam usaha menyumbang kepada pendapatan keluarga kerana Tuan Yang di-Pertua di kawasan kampung-kampung misalannya kita tidak ada kilang-kilang atau pejabat-pejabat kerajaan jadi keperluan untuk mewujudkan pusat jagaan harian dalam komuniti haruslah diwujudkan.

Perkembangan ini menyebabkan ramai wanita terpaksa mencari tempat asuhan kanak-kanak. Kita berharap pusat seumpama ini mampu membantu wanita berkerjaya yang mempunyai anak dapat menumpukan perhatian terhadap kerjayanya. Kita tahu di luar sana memang terdapat banyak pusat asuhan swasta ini khususnya di kawasan bandar namun pusat-pusat ini mengenakan bayaran yang agak tinggi. Saya mencadangkan agar pusat jagaan harian dalam komuniti ini yang mana akan dikelola oleh jabatan atau agensi kerajaan yang berkenaan dengan tenaga kerjanya terdiri daripada anggota masyarakat yang berkhidmat secara sukarelawan ataupun upah terendah di daerah-daerah atau kampung-kampung. Hal ini akan mengurangkan kos penjagaan anak yang ditanggung oleh keluarga. Anggota masyarakat yang berjasa ini bolehlah diberikan insentif ataupun pengiktirafan dan tentulah cara ini mampu mewujudkan situasi menang-menang.

Tuan Yang di-Pertua, penempatan jururawat. Kita bersyukur kerana dengan usaha konsisten dengan semakin ramai wanita muda yang berjaya bergraduasi dari Institusi Pengajian Kejururawatan sama ada ditawarkan oleh swasta mahupun awam. Statistik menunjukkan ramai jururawat ini dibiayai oleh PTPTN. Tahniah kepada PTPTN. Walau bagaimanapun kita mendapati terdapat perkembangan kurang menyenangkan apabila keluaran institusi kejururawatan ini tidak mendapat tempat pekerjaan diidam-idamkan oleh mereka.

Kita dapati jumlah graduan yang ramai membanjiri alam pekerjaan menyebabkan wujudnya persaingan dan ke tumpuan dalam kerjaya berkenaan di dalam negara. Kita tidak hairan sekiranya ada pihak tertentu menggalakkan para graduan mencari kerja di luar negara namun langkah sedemikian bukanlah jawapan untuk mengelakkan lambakan tenaga kerja berkenaan. Lantaran itu saya mencadangkan kepada kerajaan menerusi agensi tertentu khususnya Kementerian Pengajian Tinggi mengawal selia pendaftaran kursus berkaitan kejururawatan dan memastikan pengambilan pelatih pada jumlah yang bersesuaian.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, Kedai 1Malaysia dan Klinik 1Malaysia. Pengenalan Kedai 1Malaysia dan Klinik 1Malaysia yang menawarkan produk dan khidmat berkualiti pada kadar yang rendah sangat dialu-alukan. Ini menunjukkan kerajaan sangat prihatin terhadap keperluan rakyat. Walau bagaimanapun, saya mencadangkan kepada Kementerian Kepenggunaan agar Kedai 1Malaysia ini diperluaskan ke seluruh negeri dengan pertambahan dari segi bilangannya mengikut keperluan negeri. Sebagai contohnya, pendapatan penduduk Sabah yang dianggap sebagai antara yang terendah hendaklah mempunyai lebih banyak Kedai 1Malaysia dan Klinik 1Malaysia.

Saya mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan di Sabah, setiap kawasan Dewan Undangan Negeri hendaklah diletakkan sebuah Klinik 1Malaysia. Ini kerana Sabah mempunyai tahap ketersampaian yang rendah dan kemudahan klinik dan hospital yang terhad. Kemiskinan menghalang penduduk mendapatkan rawatan yang berkualiti dan segera dari klinik swasta. Saya juga mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan untuk mewujudkan klinik kesihatan desa di setiap kampung yang terpencil di pedalaman negeri Sabah. Setiap klinik kesihatan desa ini wajiblah dilengkapi dengan sebuah ambulan. Ini untuk memastikan nyawa pesakit boleh diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, tinggal sedikit sahaja lagi. Kerajaan amat menyedari dan prihatin terhadap beban rakyat dari segi peningkatan kos hidup disebabkan oleh ekonomi global.

Rakyat Malaysia di negeri Sabah sangat mengalu-alukan inisiatif kerajaan untuk mengurangkan kos kehidupan yang diperkenalkan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia, RM250 untuk orang bujang yang berumur 21 tahun ke atas yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan, harga kawalan yang seragam untuk Sabah dan Sarawak, pengurangan cukai 1 peratus untuk RM50,000 pertama pendapatan yang wajib dicukai dan pemberian bonus satu setengah bulan gaji kepada kakitangan awam sebagai rasa penghargaan kerajaan terhadap sumbangan khidmat kakitangan awam yang akan mendorong peningkatan produktiviti dengan perkhidmatan yang lebih baik. Pemberian wang RM100 kepada setiap anak yang bersekolah, di samping baucar RM250 kepada semua pelajar pengajian tinggi yang melibatkan 6.7 juta pelajar. Penyediaan insentif hasil tangkapan ikan pada kadar 10 sen hingga 20 sen sekilogram dan pemberian elaun sara hidup nelayan berjumlah RM200 sebulan.

Selain daripada yang disebutkan tadi, banyak lagi inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Ini membuktikan keprihatinan kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Namun adalah amat baik dan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan sekiranya satu kaedah dapat diperkenalkan di mana rakyat sendiri yang mengusahakan sesuatu yang boleh menghasilkan pulangan untuk meningkatkan ekonomi mereka sendiri dengan mengimplementasikan dan merealisasikan program '1Kampung, 1Industri'. Saya juga telah difahamkan bahawa program ini telah lama dicanangkan namun ia belum nampak satu kejayaan yang harus dibanggakan. Penduduk kampung secara persepakatan yang mengusahakan industri tersebut di mana pihak kerajaan harus membantu menyediakan modal permulaan dan pemantauan perjalanan perniagaan tersebut. Kaedah ini diyakini dapat mengurangkan kebergantungan rakyat terhadap bantuan kerajaan. Tidak ada sebuah negara di dunia ini yang sempurna, namun rakyat Malaysia harus bersyukur kerana kita masih boleh hidup dalam keadaan aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Dato' Nallakaruppan. Silakan Yang Berhormat.

5.25 ptg.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati, selamat petang dan 1Malaysia, *vanakkam.*

Ribuan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak di atas kejayaan beliau membentangkan Bajet 2013 yang menepati janji Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat. Bajet 2013 melibatkan peruntukan berjumlah RM251.6 bilion...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong berhenti buat sementara. Saya akan buat pengumuman.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakap lama.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengalu-alukan kehadiran *Delegation of the Standing Committee on the House of Representative Affairs, National Assembly of the Kingdom of Thailand* yang diketuai oleh pengerusinya, *Honorable Paijit Sreewarakan* ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran *Honorable Paijit Sreewarakan* dan delegasinya ini akan dapat mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan dua hala antara Parlimen Malaysia dan *National Assembly of the Kingdom of Thailand* yang telah sedia ada terjalin erat. Sekian... *[Tepuk]*

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Dengan izin, *we welcome all the delegates from Thailand, thank you.*

Bajet 2013 melibatkan peruntukan berjumlah RM251.6 bilion iaitu meliputi RM201.9 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM49.7 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Kepercayaan dan keprihatinan sebagai seorang pemimpin nombor satu negara ini, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak benar-benar memainkan peranannya untuk menyejahterakan rakyat di mana Bajet 2013 ini dilihat mampu untuk memberi keselesaan kepada pelbagai lapisan masyarakat ini sejajar dengan tema, *"Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati",* dalam Bajet 2013.

Secara keseluruhannya, Bajet 2013 ini ialah bajet memanfaatkan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur. Inilah yang dimaksudkan dengan janji ditepati. Bajet kali ini dilihat menyeluruh dan komprehensif. Saya yakin dan percaya bahawa Bajet 2013 oleh Dato' Sri Najib ini adalah realistik berbanding dengan bajet janji bulan dan bintang yang disediakan oleh pihak pembangkang.

■1730

Ini merupakan bajet yang paling baik kerana ia membentangkan kesempurnaan rakyat. BR1M 2.0, RM500 untuk setiap ketua rumah bergaji RM3,000 dan ke bawah, RM250 seorang bagi individu bujang 21 tahun ke atas bergaji tidak lebih RM2,000. *You* tidak boleh dapat, *you* sudah tua, *sorry*. RM100 bantuan bagi pelajar sekolah rendah dan menengah. Baucar buku mahasiswa naik daripada RM200 kepada RM250. Ini semua bukan untuk PM sahaja, ini untuk semua rakyat Malaysia. Akan tetapi pembangkang kata ini bajet untuk menang hati rakyat menjelang PRU Ke-13. Sebenarnya, mereka yang mula-mula mengambil baucar atau wang yang diberi. Itu baucar siapa yang angkat, siapa? Tahu siapa angkat mula-mula Dato' Rahman?...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tak tahu, khabarlah.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Mula-mula yang angkat itu Ketua Pembangkang. Dia orang angkat itu wang.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berapa banyak dia angkat?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Semualah dia pergi angkat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berapa banyak?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Depan-depan mula, BN punya orang tidak dapat tempat, dia yang tunggu depan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berapa banyak dia angkat?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Nanti saya panggil itu kira, nanti saya kasi tahu semua berapa.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Cakaplah.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Selamat petang Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak... *[Ketawa]* Secara keseluruhan, Bajet 2013 ini berjaya memanfaatkan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur. Inilah yang dimaksudkan dengan janji ditepati. Bajet kali ini dilihat menyeluruh dan komprehensif. Saya yakin dan percaya bahawa Bajet 2013 oleh Dato' Sri Mohd. Najib adalah realistik berbanding dengan bajet janji bulan dan bintang disediakan pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh terima manusia yang moralnya terlalu rendah untuk menjadi seorang pemimpin. Kita malu dengan pemimpin seperti ini. Saya juga turut yakin rakyat sudah tahu mengenai komitmen Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa menepati janji.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Mohon mencelah, boleh?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Berapa lama *you* mahu celah?... *[Ketawa]*

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagi boleh?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh, boleh Tuan Yang di-Pertua, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, boleh.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Sebab mahu minta kebenaran dulu kalau dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab, berkenaan dengan apa yang Yang Berhormat Dato' Nala cakap tadi kan, saya mahu siapa yang suka janji itu bulan dan bintang? Itu saya mahu tahu orang dia siapa. Kalau Dato' Nala boleh cakaplah. Sebab saya tidak pernah jumpa lagi orang boleh bagi bulan, bagi bintang semua. Terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Janji bulan dan bintang, siapa yang boleh? Bila kita janji, Barisan Nasional, siapa yang janji? Kita punya Perdana Menteri janji, dia bagi. Ketua Pembangkanglah, dia janji ini bulan. Dia sekarang simpan satu kertas bulan sama bintang. Nanti dia boleh bagilah rakyat itu kertas. Sampai sekarang sudah setegah jalan mahu pergi Putrajaya, sampai sekarang pun belum pergi Putrajaya. Bila dia mahu pergi Putrajaya? Tidak boleh. Sampai habis dia tidak boleh sampai Putrajaya. Ini orang ada moral mahu pergi sampai Putrajaya? Dia tidak ada moral.

Minggu lepas Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas di Sepang, Kerajaan Negeri Selangor sudah kasi pecah dalam kawasan rumah kaum India, kawasan dalam *gate*, dengan izin, dalam *gate* dia punya *gate*. Itu sembahyang punya tempat, dia orang bikin semua tokong, dia sudah kasi pecah itu Kerajaan Negeri Selangor. Bukan satu, dua dia pecah. Sudah pecah sebelas tokong di Selangor. Akan tetapi Ketua Pembangkang dia pergi semua tempat India, dia cakap saya *"Sivaji the boss"*. India punya dekat dia tukar...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta celah boleh?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Bolehlah.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: *You* sebut sebelas, apa nama sebelas itu?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Apa itu?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: *You* sebut tadi sebelas, apa nama sebelas?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Sebelas tokong, India punya tokong.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa nama, apa nama, apa nama?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Rumah orang.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Nama tokong itu apa dia?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Nama tokong?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Satu apa, dua apa, tiga apa, empat apa, lima apa, enam...

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Itu tokong punya nama. Itu India punya tokong, itu Tokong Muruga...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sebutlah tempat mana..., tempat di mana?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Di Selangor.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa nama tempat itu?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tempat di Sepang.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Itu satu. Dua?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Semua Selangor. Klang, Banting, semua tempat Selangor.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ada sebelas?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Sebelas.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Oh teruk, pembangkang teruk!

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Bila dia orang sudah angkat Kerajaan Negeri Selangor, dia cakap...

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta celah ini.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Ha, lagi pula. Ya, boleh.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Bukan tentang hendak pecah ini.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Sebenarnya saya hendak betulkan sikit ayat ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong seorang-seorang, secara perlahan-lahan. Bagi peluang Dato' Nala. Dengar dulu, lepas itu jawab. Kalau semua tiga, empat orang tanya, nanti dia kelam kabut nanti. Bagi peluang dia satu-satu bertanya dengan perlahan-lahan sikit. Okey, silakan Yang Berhormat Dato' Jaspal.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya begitu tertarik dengan komen yang diberikan oleh Dato' Nala tadi tentang pemecahan tempat sembahyang di rumah. Akan tetapi selain dari tempat sembahyang di rumah Dato', apakah pendapat Dato' yang tempat saya tinggal di Bukit Gasing, saya masih ingat lagi sebelum pilihan raya, pembangkang datang ke Kuil Sivam dan satu lagi kuil di bawah iaitu Kuil Kali, satu, dia kata dia akan bagi tanah kepada Kuil Kali yang begitu lama belum dapat lagi. Selepas itu janji yang diberikan untuk Kuil Sivam yang atas bukit itu, kita akan bagi peruntukan dan membina dan bagi habis kuil itu.

Akan tetapi selepas PRU Ke-12 Dato', saya dapati, nombor satu, tidak ada kereta naik atas bukit itu, tempat saya tinggal. Saya difahami kuil itu ditutup. Selepas menang, ditutup sebab dia kata struktur tidak bagus dan sampai hari ini kuil satu lagi yang Kuil Kali itu belum dapat tanah lagi. Jadi selain daripada pemecahan ini, apakah perbuatan ini betul atau tak betul Yang Berhormat Dato', apa pendapat Yang Berhormat Dato'?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat, di Bukit Gasing itu *under* Selangor, itu Kerajaan Negeri Selangor. Di Kuala Selangor, di Sepang, PJ, sebelas tempat. Baru-baru ini, semalam MIC AGM kita punya Perdana Menteri cakap, *"Kita Barisan Nasional, satu tokong India, tempat India tarak pecah"*. Akan tetapi Kerajaan Selangor, dia cakap, *"Kita bila sudah jadi Kerajaan Selangor, kita yang jaga semua rakyat Malaysia"*. Akan tetapi dia pecah sebelas tempat. Pagi ini orang cari saya, mari rumah, dia kasi pecah itu tempat, tempat Sepang. Gambar itu dia kasi bagi sama saya. dia orang ada bikin *police report*, semua ada. Dalam kawasan rumah, dia punya rumah ini, tengok. Semua Yang Berhormat boleh tengok... *[Sambil menunjukkan dokumen berkenaan]* Inikah Kerajaan Negeri Selangor boleh bikin untuk rakyat India? Pecah tempat sembahyang.

Kawasan dia, rumah kawasan dalam *gate*, bukan luar tempat kereta *parking*kah, apa, tak ada. Bukan luar setengah jalan tapi dalam dia punya rumah, kawasan dalam rumah...

■1740

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Banyak orang mahu mencelahlah saya punya... *[Ketawa]*

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertarik dengan Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan. Jadi, kalau apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan tadi, sudah sebelas kuil-kuil orang India di negeri Selangor ini dirobohkan oleh kerajaan yang ada sekarang ini. Jadi apakah cadangan ataupun seruan Yang Berhormat Dato' kepada masyarakat India di negara ini?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Yang Berhormat. Masyarakat India di sini, kita sekarang ingat 1Malaysia. Bukan India juga. Tadi serupa seorang Yang Berhormat cakap, ini Cina mana..., kita punya profesor tak ada sini? Dia cakap universiti saya kenal Cina, Melayu tetapi dia tidak jumpa India. Saya tidak tahu dia ada kawan India atau tidak ada, saya tidak tahu. Dia tidak ada sini. Tadi dia ada cakap. Yang Berhormat, ini tempat sembahyang dulu dia orang sudah janji bila kerajaan 2008, bila India semua, banyak tempat yang pecah, India semua sudah cakap, sudah pindah pergi tempat lain.

Semalam Perdana Menteri kita ada cakap deposit India sudah angkat balik 2008 dari Barisan Nasional. Barisan Nasional 2008 sampai sekarang, deposit Barisan Nasional bagi lebih, India semua sudah pulang ke Barisan Nasional.

Semua sekali India sekarang sudah pusing kepada Barisan Nasional. Terima kasih. Ya, semua sudah mari. Semua India sudah sokong Barisan Nasional. Ketua Pembangkang sekarang dia letak tangan di kepala, dia sudah pusing dia punya kepala. Macam mana dia pusing tidak tahu. Betul, dia tidak ada tengok depan sekarang, dia semua tengok belakang. Selalu dia tengok belakang bukan sekarang. Betul...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa dia tengok belakang?... *[Ketawa]*

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawab kah itu? Saya mahu dapatkan kelulusan dari Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya jawab?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh... *[Ketawa]*

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Itu Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman, tidak boleh cakap. Tuan Yang di-Pertua, mesti beritahu bolehkah saya jawab itu?

Tuan Yang di-Pertua: Jawab yang mana Yang Berhormat?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh jawab? Terima kasih. Yang Berhormat apa *you* tanya? Belakang apa Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa tangan dia letak belakang, kenapa? Saya tanya dia. Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan kata, hendak tanya Tuan Yang di-Pertua dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang ini terpulang kepada Yang Berhormat bercakap. Kalau apa Yang Berhormat cakap saya fikir boleh saya terima, saya duduk diamlah.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih saya ingat Yang Berhormat diam lagi baik. Ini saya cakap dia letak belakang. Semua, apa-apa pun dia letak belakang juga, tahu kah? Dulu 1998, ada ingat? Ada baca *paper* Yang Berhormat..., ada baca? Kerana apa dia masuk dalam penjara?... *[Disampuk]* Tidak tahu. Macam ini Yang Berhormat tidak baca *paper.* Dia masuk penjara, dia kaki liwat. Liwat punya fasal dia masuk penjara, tahu?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tahu, tahu!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat hal-hal yang masih dalam perbicaraan jangan sebutlah.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Ini yang bukti dari mahkamah. Dia dapat sembilan tahun sama enam tahun untuk liwat. Ini saya angkat dari mahkamah.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa dia kata?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Dia kata dia kaki liwat. Dia simpan sembilan tahun, enam tahun, dua. Lima belas tahun, sembilan campur enam. Tahu kira? Lima belas tahun. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beritahu sahabat saya sedikit, Kerajaan Negeri Selangor sudah pecah tokong, sekarang lagi dia orang mahu pergi tarik kaum India untuk pilihan raya. Kaum India betul-betul sekarang ikut Barisan Nasional. Ketua Pembangkang dia pergi semua tempat kaum India, dia pakai baju India, serupa India. Pakai itu semua, serupa Indialah. Bukan songkoklah. Dia tidak ada pakai songkok, dia pakai serupa India, baju serupa India. Di kepala letak kain seperti India, dia pergi ceramah, *"Saya Sivaji."* Nama pun dia tukar sekarang... *[Disampuk]* Nama "*Sivaji*". Dia bagi nama pelakon. Nombor satu pelakon dalam negara ini.

Perdana Menteri mahu majukan negara kita. Dua puluh empat jam, empat puluh jam dia kerja. Akan tetapi ini Ketua Pembangkang mahu hancurkan negara ini. Kalau Melayu semua tidak ada hidup, tidak ingat baik-baik, dia mesti hancurkan negara ini. Ingat tentang siapa saya bercakap, Ketua Pembangkang. Dia hancurkan negara baru kita tahu. Lawan seperti negara lain-lain. Sekarang dia pun sudah sokong siapa? Dia sokong Israel. Dia tidak mahu sokong kita. Dia pergi sokong Israel. Dia pergi lain-lain negara, dia cakap dan busukkan negara kita. Ini satu, liwat betul-betul tidak boleh, haram.

Untuk Muslim itu haram tetapi dia bolehlah. Apa dia boleh? Semua dia boleh. Semua kita cakap betul, dia cakap, *"Ini semua tipu, semua tipu. Ini semua Barisan Nasional tipu, saya banyak baik punya orang. Ini Barisan semua tipu, ini Perdana Menteri tipu."* Semua dia boleh cakap. Kalau dia ada dalam Dewan Negara, dia cakap kita punya Tuan Yang di-Pertua pun tipu. Itu macam punya sikap dia ada. Kaki itu tidak ada guna punya orang. Saya bukan sini dalam. Setengah jalan di Tunku Abdul Rahman, di Dataran Merdeka, ini malam pun saya berani cakap di sana, ini kaki tidak ada guna punya kaki. Tidak usah sokong sama dia. Akan tetapi Ketua Pembangkang, satu orang pun tidak ada sini. Saya mahu cakap, dia orang semua sudah pergi keluar. Tidak apalah, dia orang boleh dengar sana, boleh tengok televisyen. Depan-depan tidak mahu tengok...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia takut.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Akan tetapi Dato' Nalla takut kah atau tidak?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Dato' Nalla okey, berani.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Berani. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya berucap tadi Perdana Menteri kita bekerja untuk negara dan rakyat. Kita mesti, Ahli-ahli Yang Berhormat dan sahabat saya, kita mahu jaga negara kita. Tidak usahlah kasi serupa Ketua Pembangkang ini. Nanti semua tempat rosak, negara, kalau hancur apa akan jadi dengan kita punya waris? Itu kita mahu ingat sedikit. Kali ini dia boleh pergi semua tipu. Akan tetapi saya tidak tahu dia ada berapa lidah dalam dia punya mulut. Satu atau dua, itu pun kita tidak tahulah. Mana pergi pun dia boleh pusing cakap. Saya ingat ada dua lidah, serupa itu *chameleon-* sesumpah. Tukar warna. Tempat mana pergi pun dia boleh tukar warna.

Sekarang dia pergi sana. Kerana apa, dia mahu jadi Perdana Menteri? Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang boleh jadi Perdana Menteri. Yang Berhormat Karpal Singh boleh jadi Perdana Menteri, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang boleh jadi Perdana Menteri. Akan tetapi negara kita ini, tidak boleh satu orang, siapa yang *bisexual* tidak boleh jadi Perdana Menteri. Saya ingat tidak ada dalam peruntukan negara Malaysia kita ini. Bila saya sudah cakap ini, esok keluar *paper,* apa keluar, saya mahu keluar rumah pun susah. Akan tetapi saya mahu cakap untuk negara, mahu jaga rakyat kita. Saya mati untuk negara ini, saya tidak ada takut... *[Tepuk]* Dengan izin, *I can die for the country but not a Malay* merosakkan negara ini. Itu saya tidak boleh tengok. Kita punya waris masa depan, apa dia orang boleh jadi? Dalam Malaysia, siapa-siapa pun umur bawah sepuluh tahun, 1998 umur berapa? Sekarang sudah 15 tahun. Masa itu anak-anak kita umur lima tahun, enam tahun, dia orang tahu apa itu liwat.

■1750

Siapa yang bikin popular ini negara, liwat? Anwar Ibrahim. Fasal apa dia yang kaki itu. Dia boleh cakap ini semua orang itu ditipu ini Barisan tipu. Rakyat yang boleh terkejutlah, tetapi saya tidak terkejut saya ada tengok apa dia bikin. Itu Deepavali bila? Saya yang angkat dia pergi. Panggil dia, berani dia panggil dia ke mari cakap sama saya. Saya bersih, saya baik punya orang. Tidak berani panggil, dia angkat saya pergi mahkamah hari itu, dia ada tsunami ini negara, saya cakap. Angkat dia pergi, saya angkat pergi mahkamah, saya boleh buktikan semua di mahkamah.

Dia sudah taruk kes sampai sekarang saya tunggu, tidak mahu. Saya bukan takut mahu pergi mahkamah, saya bukan takut mahu mati. Hari-hari kacau, hari-hari kacau, saya tidak boleh jalan. Saya tidak boleh pergi *supermarket*, kita punya sahabat pergi *supermarket*, saya tidak boleh pergi. Mesti ada orang kacau. Tidak apa itu semua saya ingat. Saya beritahu saya punya isteri, saya punya anak semua dengan izin, *I'm for that nation and I'm for the people*. Saya mati, mana-mana mati tidak apa, dia orang tembak itu darah jatuh di tanah pun, itu untuk saya punya negara, itu juga... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada empat minit lagi.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Kalau Tuan Yang di-Pertua kasi saya satu jam pun saya boleh cakap hari ini. Tidak apa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya pun...

Tuan Yang di-Pertua: Empat minit lama lagi Yang Berhormat. Boleh cakap lagi, boleh.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Oh, boleh. Cakap apa? Cakap itu Ketua Pembangkang.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon mencelah, saya mohon mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Boleh? Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato'. Cuma kalau kita dengar tadi nampaknya Yang Berhormat Dato' Nalla ini begitu marah sekali dengan Ketua Pembangkang kita ini. Akan tetapi boleh ceritakan di dalam Dewan sedikit tidak kenapa perkara ini boleh berlaku, sampai begitu sekali Dato' Nalla boleh sanggup mati, berkorban dan sebagainya hanya kerana untuk mempertahankan negara, kalau dikatakan manusia bernama Anwar Ibrahim ini menjadi Perdana Menteri. Jadi kita hendak tahu kenapa Yang Berhormat sangat marah dengan manusia yang bernama Anwar bin Ibrahim. Terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih. Kadang-kadang Yang Berhormat tidak mari saya susah. Sekarang dia ada saya senang sedikit... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kalau apa-apa saya punya bahasa sedikit lebih banyak tinggi punya bahasa. Ini Yang Berhormat, cakap fasal apa dia tidak boleh menjadi Perdana Menteri tadi saya sudah ucap, saya sudah cakap.

Bolehkah ini negara, ini negara Muslim. Muslim boleh terima satu kaki liwat, biseksual, bolehkah terima? Tidak boleh terima?... Tidak boleh terima. Macam mana boleh menjadi Perdana Menteri, tidak bolehlah. Dia cakap *brother*, apa *brother* tahu? *Brother you* tahu *short form* apa? Tidak tahu. *Brother* Anwar bin Ibrahim, *short form*. Saya Nallakaruppan, "N-A-L-L-A" – Nalla! *"Brother* Anwar bin Ibrahim" - "B-A-B-I". *Sorry*lah! Itu binatang, yang saya cakap, saya cakap *shortform* panggil *"Brother Anwar bin Ibrahim*", itu "BABI". Itu tidak ada salah fasal apa dia, Ezam Mohd Noor dia orang panggil "EZAM". *You* panggil "Baharudin", *short-name.* Itu *brother*. Sebab itu dia tidak boleh jadi Perdana Menteri. Mana-mana pun boleh cakap. Tempat mana *you* panggil saya pergi cakap, saya boleh cakap. Negara ini tidak boleh terima...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat ada satu minit lagi Yang Berhormat. Cukup, gulung?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Baik. Kerajaan Negeri Selangor sudah pecah kuil-kuil, saya punya tokong saya susah hati. Akan tetapi sudah pecah punya tempat saya tidak boleh pergi sembahyang. Akan tetapi kali ini betul-betul orang India semua tahu, mahu sokong siapa, mesti Barisan Nasional dia orang sokong. Fasal apa, banyak tempat *temple* sudah pecah susah. Cakap 1Malaysia, semua kita 1Malaysia, sudah seperti abang adik, tetapi satu orang mahu masuk dalam mahu pecahkan itu semua. Tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong penuh Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Salam, terima kasih dan Salam 1Malaysia. *Thank you*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Chiew Lian Keng.

5.55 ptg.

Tuan Chiew Lian Keng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam Perbahasan Bajet 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 yang mempercepatkan proses pendaftaran hak milik serta bangunan secara elektronik dan komputer. Oleh kerana sudah lama rakyat kami menghadapi masalah, semasa urusan jual beli sesuatu hartanah. Dengan adanya pindaan ini adalah dipercayai bahawa nilai hartanah bangunan bertingkat akan meningkat dan pemilik hartanah tidak lagi berasa bimbang dan risau, usaha pindah milik melengkapkan proses jual beli. Selain daripada menjimatkan kos dan masa pindah, milik rakyat juga akan lebih berkeyakinan di dalam urusan transaksi hartanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada mempunyai pandangan yang berlainan dengan cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di mana Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz mengenai inisiatif perwujudan penangguhan hukuman mati terhadap mereka yang dihukum bersalah memiliki dadah.

Masalah pengedaran dadah dan pemilikan dadah bukanlah satu isu baru di negara kita. Kami berhadapan dengan aktiviti pengedaran dadah dan menjual dadah setiap hari dan ia telah dapat dibuktikan dengan kejayaan polis di dalam penangkapan pesalah yang terlibat dalam usaha haram ini.

Kami nampak bahawa setiap penangkapan tersebut melibatkan nilai pasaran dadah dari berjuta ringgit sehingga berpuluh juta ringgit. Tindakan tegas dan hukuman mati pada hari ini tidak langsung dapat mengurangkan aktiviti pengedaran dadah di negara kita. Sekiranya hukuman mati dimansuhkan bagi pesalah memiliki ataupun pengedaran dadah, kerajaan juga harus mengkaji supaya memansuhkan hukuman mati secara keseluruhan, demi keadilan dan saksama kepada semua yang telah dihukum mati melakukan pelbagai jenayah serius.

Kerajaan harus menyedari bahawa dengan pemansuhan hukuman mati kepada pesalah memiliki dadah dan secara tidak langsung menggalakkan lagi usaha pengedaran dadah dan aktiviti pengedaran akan meningkat secara mendadak. Ini kerana pengedar tidak lagi takut kepada hukuman mati yang dikenakan sekiranya didapati besalah. Dengan pemansuhan hukuman mati, besar kemungkinan negara kita akan dijadikan satu pusat transaksi dadah antarabangsa.

Usaha kerajaan menyelamatkan keldai dadah, disanjung tinggi tetapi sebagai sebuah negara yang berdaulat, kami mesti berdiri tegas terhadap sistem perundangan kerajaan, yang mana mengenakan hukuman tegas kepada pesalah pemilik dadah. Hukuman mati diadakan demi menghalang rakyat atau pelawat negara asing daripada melakukan jenayah serius di negara kita.

Sekiranya hukuman mati yang ada pada masa sekarang tidak dapat mengurangkan kes-kes memiliki, pengedar dan penyeludup dadah, keadaan akan semakin teruk tanpa hukuman tersebut seberat hukuman mati. Sebagai sebuah negara berdaulat kami tidak boleh dengan niat menolong keldai dadah yang dihukum salah di negara asing dan melepaskan kesalahan yang terlibat dalam memiliki dadah.

■1800

Negara kita juga tidak seharusnya menunduk kepada permintaan dan juga tekanan negara asing. Kedaulatan undang-undang negara kita haruslah dimartabatkan. Saya mengesyorkan supaya hukuman dijalankan dan dengan secara sedemikian barulah pengedar dadah, pesalah milik dadah berasa takut melakukan kesalahan tersebut pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan juga harus lebih tegas semasa berhadapan dengan mereka yang melakukan jenayah di negara kita. Saya hairan mengapa sampai jumlah 900 orang banduan yang masih tidak dijalankan hukuman mati selepas didapati bersalah. Berapakah daripada jumlah 900 orang ini, rakyat negara asing? Adakah hukuman mati dilonggarkan hanya kerana mereka yang bersalah melibatkan rakyat negara asing?

Tuan Yang di-Pertua, ibu kota Malaysia iaitu Kuala Lumpur menjadi tumpuan lawatan pelancong asing dan juga dalam negeri. Masalah-masalah seperti kesesakan jalan, gangguan pelacur ataupun bapa ayam di bahu jalan, pelekat-pelekat haram di atas papan tanda jalan, pusat siber dan *internet* berjudi dan juga pusat urut tanpa lesen harus diatasi secepat mungkin. Sudah menjadi teguran utama rakyat berlakunya kesesakan jalan setiap kali hujan di Kuala Lumpur dan ia adalah satu beban kepada mereka yang mengunjungi ibu kota dan warga kota yang mencari nafkah harian di Kuala Lumpur. Saya berharap pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terutamanya Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat mencari perangkaian meringankan beban warga kota dengan langkah-langkah sementara sebuah sistem pengangkutan awam seperti MRT, LRT dipertingkatkan.

Pihak berkuasa tempatan, polis dan juga pihak imigresen digesa menjalankan tindakan tegas terhadap mereka yang menjalankan aktiviti maksiat di kawasan-kawasan tumpuan pelancong seperti kawasan Jalan P. Ramlee, Jalan Bukit Bintang, Jalan Pudu dan sebagainya. Tindakan pihak DBKL menurunkan *buntings* dan juga papan tanda dan pelekat-pelekat haram pada kebelakangan ini patut diberi kepujian. Akan tetapi tanpa tindakan tegas perbuatan ini akan berulang. Pihak berkuasa tempatan harus menghadapkan mereka ke mahkamah.

Pelekat-pelekat memberi pinjaman haram along atau memaparkan nombor-nombor telefon mereka di papan tanda ataupun petunjuk jalan secara terbuka seperti mencabarkan kewibawaan pihak berkuasa.

Perbuatan ini telah membawa masalah kepada pengguna jalan yang tidak kerap melawat sesuatu tempat, tidak dapat mencari destinasi ataupun lokasi. Ramai orang berpusing-pusing di ibu kota kerana mencari jalan tanpa panduan papan jalan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah sedikit.

Tuan Chiew Lian Keng: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Pendek sahaja. Saya amat mengalu-alukan rujukan Yang Berhormat terhadap pelekat-pelekat haram yang mengotori di kawasan Kuala Lumpur. Saya hendak tahu sekiranya hal yang sama berlaku juga di bandar-bandar lain di negara kita ini, di mana benda-benda pelekat-pelekat lucah itu mengotori jalan. Kalau ini berlaku di bandar-bandar lain, saya rasa ini harus dianggap sebagai suatu perkara yang serius yang wajib dihadapi dengan tegas. Terima kasih.

Tuan Chiew Lian Keng: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah kita memohon bahawa Kementerian Wilayah dan Kesejahteraan Bandar di mana ia menjaga keseluruhan bandar di seluruh Malaysia. Justeru itu, saya memohon bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dapat mengambil tindakan kepada pelekat-pelekat yang memaparkan nombor telefon. Bahkan sekarang mereka telah *spray* atau mengecat nombor-nombor di tiang-tiang ataupun di tiang-tiang besar di semua jalan utama di semua di bandar-bandar utama.

Tuan Yang di-Pertua, pusat siber ataupun *internet* yang terlibat dengan aktiviti penjudian haram semakin banyak didirikan di persekitaran Kuala Lumpur. Ia telah merosakkan akhlak golongan muda dan juga menggugat ketenteraman hidup warga kota. Pusat-pusat refleksologi ataupun kesihatan di buka di merata pelosok ibu kota. Saya tidak nampak sebab mengapa pihak DBKL tidak dapat mengawal kegiatan sebegini. Mengapa lesen perniagaan tidak dapat diberikan kepada mereka? Hanya dengan pendaftaran secara memberi lesen perniagaan, mengumpulkan data dan juga kawalan yang lebih ketat, aktiviti maksiat dan perjudian dapat dikawal.

Saya meminta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenakan tindakan tegas kepada pembuli jalan yang menjalankan aktiviti mereka semasa waktu malam. Mereka mengutip duit perlindungan kenderaan yang diletakkan di kawasan jagaan mereka.

Gejala ini telah menjadikan berleluasa dan kumpulan-kumpulan ini makin bermaharajalela. Mereka mengutip duit bayaran kereta sebanyak RM2 hingga RM10 setiap kali kenderaan dilokasikan seperti di sekitar Taman Maluri, Imbi, Bukit Bintang, di Jalan Changkat Bukit Bintang, Pudu dan sebagainya di mana mereka semuanya berada di tempat-tempat hiburan mereka adalah kawasan-kawasan mereka tertentu.

Mereka yang enggan memberi bayaran tersebut takut bahawa kereta mereka digores ataupun dipancit tayar. Keselamatan orang awam dan juga pengguna jalan tergugat dengan ugutan sedemikian. Saya menggesa pihak berkuasa tempatan dan polis mengambil tindakan untuk membanteras aktiviti-aktiviti haram ini. Tambahan pula Tuan Yang di-Pertua, pungutan tol yang tidak berlesen iaitu di Jalan Cheras Taman Connaught di mana pengusaha letak kereta haram dan juga pusat membeli belah CMC telah menyekat jalan tersebut. Kenderaan yang melalui jalan tersebut perlu membayar RM1. Sekiranya tidak membuat bayaran, pengusaha akan menghantar penunggang motosikal mengejar dan mengugut untuk membuat bayaran tersebut.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, selama empat tahun walaupun kita membuat aduan, tindakan DBKL telah merobohkan pondok kutipan pada waktu pagi dan pada waktu hari yang sama pada waktu petang mereka telah mula beroperasi. Apakah orang ramai memandang terhadap penguat kuasa DBKL? Adakah ini hanya untuk sandiwara sahaja? Apabila membuat aduan, tindakan barulah dilakukan. Kalau kita buat lagi aduan, mereka akan menjawab dalam surat bahawa tindakan sita, roboh telah dilakukan pada tarikh dan masa sekian, sekian. Akan tetapi aktiviti pungutan tol haram ini masih dijalankan terus menerus sehingga hari ini. Apakah tindakan yang seterusnya pihak DBKL? Adakah ini harus dijalankan bahawa pengusaha kutipan tol haram ini dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru kepada kerajaan, pusat pengajian dan meneliti masalah-masalah para peladang, petani dan juga perikanan yang menghadapi masalah sumber kerja yang mencukupi. Mereka menghadapi masalah pengambilan pekerja asing dan juga pemprosesan permohonan mereka selalu mengambil masa yang terlalu panjang. Saya meminta Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Sumber Manusia dapat meringankan beban mereka dengan membenarkan dan juga menyenangkan proses permohonan pekerja asing.

■1810

Pemberian sebanyak RM500 Bantuan Rakyat 1Malaysia ataupun BR1M dan RM100 untuk pelajar sekolah rendah dan juga menengah, pemberian baucar buku sebanyak RM250 kepada para pelajar institusi pengajian tinggi dan juga pemberian bonus sebanyak satu setengah bulan kepada penjawat awam amat dialu-alukan. Ini adalah satu petanda bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak adalah satu kerajaan pemerintah yang mesra rakyat, sayangi rakyat dan juga rakyat didahulukan. Saya meminta kerajaan menyelaraskan segala urusan mesra rakyat dengan kadar yang secepat mungkin supaya mereka yang layak memperoleh bantuan tersebut boleh mendapat bantuan tersebut sebelum permulaan penggal pertama sekolah ataupun pada perayaan seperti hari Krismas, Tahun Baru, Tahun Baru Cina dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah belanjawan terakhir untuk kerajaan penggal ke-12. Saya yakin kerajaan penyayang dan mesra rakyat akan diberi mandat untuk memerintah negara kita. Saya percaya Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak akan menang di pilihan raya umum penggal ke-13 dengan kerusi majoriti 2/3 dan seterusnya... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, begitulah perbahasan Bajet 2013 dan dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Hajah Noriah Mahat, selepas itu Yang Berhormat Hajah Mariany.

6.12 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana telah membentangkan belanjawan yang pada hemah saya merupakan penerusan tradisi terbaik Kerajaan Barisan Nasional dalam memenuhi keperluan rakyat dengan menepati tema, *"Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati"* yang menunjukkan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional terhadap semua lapisan masyarakat di negara ini tanpa mengira kaum dan agama semua diberikan hak sebagaimana yang digariskan dalam perlembagaan kita.

Walaupun pihak pembangkang banyak menyatakan pelbagai tohmahan terhadap bajet Kerajaan Barisan Nasional dan mengangkat bajet mereka lebih baik dan menjaga kebajikan rakyat tapi inilah sebenarnya tabiat mereka yang sentiasa tidak dapat menerima hakikat Kerajaan Barisan Nasional dalam melaksanakan wadah dan amanah rakyat sejak lebih 55 tahun kita merdeka. Bagi pembangkang, apa pun kebaikan yang kita buat akan nampak buruk sahaja pada pembangkang padahal hakikatnya mereka sama-sama dapat menikmati kebajikan yang telah diberikan oleh kerajaan. Tidak pernah dia rasa bersyukur dan berterima kasih. Tuan Yang di-Pertua, orang yang macam ini, orang beri dia ambil tapi dia tak bersyukur. Ini kufur nikmat tuhan. Ada hadis mengatakan... *[Membaca potongan hadis]* Dia duit dah ambil lepas itu dia kutuk belakang terimalah nanti azabnya amat pedih.

Namun sebagai kerajaan, kita akan terus membangunkan negara dan masyarakat negara ini melalui pelbagai program transformasi yang dilaksanakan dan akan dilaksanakan supaya kita dapat membuktikan bahawa kita telah memberi mandat oleh rakyat dan kita berkeupayaan untuk memakmurkan negara dan mampu bersaing di peringkat dunia.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini amat bersesuaian dalam melaksanakan usaha untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan berpaksikan rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan. Buktinya, ekonomi negara terus kekal berada di landasan yang kukuh di mana dalam tempoh enam bulan yang pertama tahun ini, ekonomi kita telah tumbuh sebanyak 5.1 peratus didorong terutamanya oleh kekuatan aktiviti pelaburan penggunaan swasta. Walaupun ekonomi dunia dijangka berkembang dengan kadar yang sederhana berikutan masalah krisis ekonomi yang berlaku di Eropah dan pertumbuhan perlahan yang berlaku di Amerika. Begitu juga dengan negara yang makin berkembang ekonominya iaitu di India dan juga di China tetapi dengan usaha yang konsisten dan kerja keras daripada kepimpinan negara, maka perkembangan ekonomi negara dijangka berkembang kukuh pada kadar 4.5 peratus hingga 5 peratus pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pelajaran. Pada Belanjawan 2013, kerajaan telah pun memperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia sejumlah RM38.728 bilion yang merangkumi RM36.61 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM2.118 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Di samping itu juga tambahan sejumlah RM500 juta untuk pelaksanaan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Dalam hasrat negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, bidang pendidikan juga perlu di transformasi sejajar dengan hasrat kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahukan sistem pendidikan negara dikaji semula agar modal insan yang dihasilkan dari sistem berkenaan mampu memenuhi keperluan negara. Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia yakni KPM melakukan kajian dan penilaian secara menyeluruh sehingga terhasilnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yakni PPPM 2013 hingga 2025 seharusnya dipuji. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia. Namun demikian, saya berharap pelaksanaan PPPM ini hendaklah dilakukan secara teratur supaya matlamat untuk menjana pencapaian murid seperti yang dihasratkan dalam enam aspirasi murid tercapai.

Pada masa yang sama, saya juga mengharapkan jurang pencapaian murid di pedalaman, luar bandar dan bandar dapat dikecilkan dan sekali gus memberi akses pendidikan tanpa mengira lokasi adalah sama. Namun kita juga jangan lupa bahawa peranan pendidikan merupakan faktor penting kejayaan tersebut. Oleh itu, kualiti pendidikan terutamanya kualiti guru itu sendiri sebagai ejen pelaksana dan ejen perubahan perlu ditingkatkan dan menjadi agenda utama dalam pelan ini. Saya juga berharap pihak kementerian tidak melayan sebarang desakan pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengganggu gugat kelancaran pelaksanaan pelan pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini, saya juga merujuk kepada pendidikan yang lestari yang mampu mewujudkan perpaduan kepada masyarakat. Saya ingin fokuskan kepada perpaduan kaum yang merupakan ciri yang amat penting agar Malaysia dapat mengorak langkah menuju ke arah pembentukan sebuah negara bangsa dan menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

■1820

Kita harap dalam PPPM ini, satu kajian yang menyeluruh perlu dibuat terhadap sistem pendidikan yang ada agar selaras dengan inspirasi pemimpin masa lalu seperti dalam Penyata Rahman Talib dan Penyata Razak. Penyata-penyata ini menekankan pendidikan yang mencorakkan Malaysia sebagai bangsa yang harmoni dan ikatan perpaduan yang tinggi.

Justeru, dalam pelan pendidikan, kita minta agar kerajaan lebih proaktif dan menghasilkan sistem pendidikan yang efisien dalam mewujudkan perpaduan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Perpaduan hanya boleh dipupuk melalui sistem pendidikan yang efektif dan berkesan. Falsafah 1Malaysia merupakan komitmen berterusan kerajaan sejak merdeka dalam membentuk perpaduan nasional dan konsep *unity in diversity,* dengan izin, sikap toleransi yang saling memahami kekurangan dan menghormati perlembagaan adalah penting. Kita lihat perpaduan di kalangan rakyat negara kita semakin rapuh.

Kita lihat pembangkang begitu rancak memainkan isu-isu perkauman dan pendidikan semakin dijadikan isu perkauman sedangkan kita lihat perpaduan kaum sangat bergantung kepada pendidikan.

Jadi kita minta kerajaan kaji semula dan perbanyakan lagi pembinaan sekolah-sekolah kebangsaan dan galakan kaum-kaum lain berdaftar di sekolah kebangsaan agar pelajar-pelajar dari pelbagai kaum mengeratkan perpaduan di sekolah kebangsaan seperti mana dahulu pada tahun 60-an, 90-an kembali semula. Tegak rumah kerana tiang, tegak negara kerana perpaduan dan pendidikan adalah platform yang terbaik dalam memulakan langkah menyatupadukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bertanya sejauh manakah pelan pendidikan nasional ini diuar-uarkan kepada rakyat dan respons daripada rakyat tentang perkara ini terutamanya *stakeholders* seperti PIBG dan sebagainya. Adakah kementerian berhasrat akan mengadakan kongres bagi memutuskan supaya ia merupakan suatu mandat rakyat dalam menggubal sistem dasar pendidikan pada masa akan datang. Apabila ia dilakukan, demikian melalui kongres, maka ia menjadikan suatu dasar yang didukung oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada sejumlah RM900 juta diperuntukkan lagi untuk tabung khas pembinaan penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah khususnya bagi keperluan mendesak untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok-blok tambahan. Di sini saya ingin menyentuh berkenaan dengan bas sekolah di asrama-asrama penuh. Kita lihat di jalan-jalan, bas sekolah berasrama penuh itu agak lama dan usang. Ada yang rosak di tengah-tengah jalan di lebuh raya dengan murid-murid dan guru ada di dalamnya. Sedihnya, kalau rosak di waktu malam, ia amat membahayakan anak-anak kita di dalam kenderaan tersebut.

Jadi disarankan agar kementerian lebih prihatin dalam hal ini dan menukar bas yang baru yang lebih kondusif untuk digunakan. Ini kerana sekolah asrama penuh ini mereka banyak menjalankan aktiviti-aktiviti antara sekolah-sekolah dan banyak berjalan yang dianjurkan oleh kementerian atau sekolah-sekolah.

Selain kemudahan pengangkutan, saya juga ingin kementerian mengkaji semula penggunaan kabin sebagai kelas di sesetengah sekolah. Penggunaan kabin ini saya rasa tidak sesuai untuk tujuan belajar. Kabin biasanya digunakan untuk tapak-tapak pembinaan dan lain-lain. Panas, sempit dan sebagainya. Apakah kerajaan tidak boleh menyediakan bangunan yang lebih sesuai untuk mereka belajar? Kalau digunakan untuk sementara, boleh diterima tetapi kalau bertahun-tahun kabin digunakan, rasanya kerajaan perlu buat sesuatu...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah, bolehkah?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Ini kalau kegemaran dia hendak mencelah, mencelahlah. Saya terima.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya Yang Berhormat, macam mana kabin kafe Parlimen sekarang, bagaimana?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Itu sementara. Kabin itu tidak apalah. Kita ini Ahli Dewan Negara, kalau kita komen banyak, kita orang politik. Tidak boleh, Yang Berhormat. Apa yang dia bagi itu, kita *alhamdulillah*. Sudah lebih daripada baik. Akan tetapi kalau budak-budak sekolah, tidak boleh. Kabin untuk budak sekolah ini saya rasa perlu untuk kita perbaiki...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Macam sudah hilang kerana diganggu. Jadi saya hendak minta pihak kerajaan perlu memberi perhatian yang sewajarnya dan mencari kaedah penyelesaian dalam hal ini agar sekolah-sekolah yang terpaksa menggunakan kabin kelas ini mendapatkan bangunan sekolah yang lebih kondusif untuk mereka belajar. Kita mempunyai sistem pembinaan bangunan secara *Industrialized Building System* (IBS), dengan izin iaitu kaedah pembinaan yang mana komponen yang dihasilkan dalam keadaan yang terkawal.

Di kilang atau di tapak pembinaan diangkut dan dipasang dalam kerja pembinaan dengan penggunaan pekerja yang minimum di tapak yang lebih murah dan berkesan.

Ini ada tercicir. Ada orang besar ini kena cakap juga, ini Dato' Najib kita punya bos ini. Seterusnya saya hendak cerita mengenai mata pelajaran agama. Seperkara yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan negara hari ini. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor di atas kerjasama yang erat telah menjadikan sekolah-sekolah agama di bawah Kerajaan Negeri Johor diangkat statusnya sebagai sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Ini sekali gus menunjukkan kerjasama erat kerajaan negeri dan persekutuan dalam memperkasakan pendidikan Islam di seluruh negara. Ini perlu dicontohi oleh negeri-negeri yang lain. Saya ingin mencadangkan supaya kementerian juga dapat menilai dan mengkaji kokurikulum pendidikan agama iaitu Dini/Azhari yang diangkat untuk diiktiraf sebagai sebahagian kokurikulum kebangsaan.

Ini adalah bertujuan supaya modal insan yang dijana dari sistem kokurikulum ini mendapat pengiktirafan yang sewajarnya sebagaimana kokurikulum kebangsaan sekarang. Menyentuh tentang prasarana fizikal pendidikan, saya merasakan ia harus diberi perhatian khususnya dan saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang begitu prihatin untuk menyediakan peruntukan yang bersesuaian dengan keperluan untuk menambahbaikkan prasarana pendidikan. Di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian supaya dapat menggunakan peruntukan yang disediakan secara bijaksana dan dapat mengatasi masalah dan keperluan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Di bawah Bajet 2013, kita lihat ada sedikit pengurangan dari segi jumlah yang diperuntukkan oleh kementerian. Peruntukan operasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang berjumlah RM1.8 bilion telah diperuntukkan.

Saya ingin bertanya apakah rasional terhadap pengurangan ini dan apakah program-program yang telah dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sudah mencapai matlamatnya sehingga peruntukan pembangunan itu dikurangkan jika dibandingkan dengan peruntukan beberapa tahun sebelumnya.

Selanjutnya saya ingin menyentuh isu tadika. Jumlah taska yang didaftar oleh JKM pada tahun 2010 adalah sebanyak 483 buah. Pada tahun 2011 telah pun meningkat kepada 819 buah iaitu peningkatan sebanyak 69.57 peratus berbanding dengan tahun 2010. Sehingga September 2012, telah meningkat kepada 1,284 buah iaitu peningkatan sebanyak 56.78 peratus berbanding tahun 2011. Dalam Bajet 2013 pula, kementerian menyasarkan sebanyak 1,000 buah taska baru lagi akan diwujudkan dengan peruntukan geran pelancaran untuk penubuhan taska sebanyak RM10,000 bagi sebuah taska dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

■1830

Kita lihat usaha kerajaan menyediakan pelbagai insentif bajet kepada pengusaha tadika bertujuan menggalakkan wanita di bidang pekerjaan. Namun saya hendak tanya di sini apakah halangan yang menyebabkan pengusaha tadika tidak dapat mendaftarkan taska mereka. Dilaporkan pengusaha tadika tidak dapat didaftarkan kerana proses banyak yang menyebabkan ia memakan masa bertahun-tahun dan kos seperti untuk memohon buka tadika kepada kerajaan tempatan. Pengusaha juga perlu bayar sejumlah wang permohonan sebayak RM290 hingga RM300 dan permohonan kepada KPKT dikehendaki dibuat setiap tahun. Jadi bolehkah kerajaan mengkaji semula prosedur untuk membuka taman asuhan bagi menggalakkan pengusaha taska terutamanya pengusaha bumiputera yang telah tidak dapat meneruskan taska mereka akibat tidak dapat didaftarkan perniagaan mereka. Saya juga ingin bertanya berapa jumlah pusat asuhan kanak-kanak ditutup akibat kegagalan mematuhi peraturan kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh berkenaan kajian keberkesanan terhadap bantuan skim utama iaitu Bantuan Orang Tua (BOT), Elaun Pekerja Cacat (EPC) dan Bantuan Kanak-kanak (BKK). Berdasarkan maklum balas Laporan Audit Negara, kelulusan diberikan kepada kes yang layak cuma padanan skim tidak menepati sesetengah kriteria yang ditetapkan. Soalan saya, berapakah jumlah permohonan bantuan skim tersebut tahun lepas dan berapa jumlah yang diluluskan?

Mengikut SOP kementerian, berapa lama meluluskan permohonan untuk bantuan skim yang disebut di atas dan bagaimana untuk mempercepatkan proses kes permohonan iaitu proses siasatan dan makluman keputusan bantuan kebajikan kepada permohonannya. Rasional kepada pertanyaan saya ini adalah kerana Laporan Audit ada membuat teguran tentang isu ini beberapa kali. Adakah kelewatan siasatan berlaku akibat kekurangan kakitangan? Sekiranya kurang kakitangan, adakah kerajaan bercadang menambah pegawai dalam projek CARI kerana proses siasatan inilah yang melewatkan proses kelulusan permohonan bantuan kepada golongan sasar terutamanya kawasan luar bandar untuk mendapat bantuan yang diwujudkan oleh kerajaan.

Selanjutnya dimaklumkan bahawa kini JKM telah mewajibkan agar semua penerima bantuan JKM membuka akaun bank supaya bayaran bagi bantuan JKM boleh dikreditkan terus melalui akaun bank mereka dan lebih 60 peratus daripada penerima bantuan JKM telah pun membuka akaun bank mereka. Bagi mereka yang berada di luar bandar Tuan Yang di-Pertua agak jauh dan ada yang memakan masa lebih 12 jam untuk ke bandar atau pun ke bank dan adakah kementerian mempunyai mekanisme tertentu dalam membantu mereka seperti kementerian pergi ke kawasan mereka atau sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan insentif yang ditawarkan oleh kerajaan kepada rakyat. Dalam Bajet 2013 kita lihat pelbagai pengumuman dan insentif yang diberikan pada petani, pada nelayan, subsidi harga padi, subsidi baja, insentif hasil padi, subsidi benih padi dan skim perlindungan insurans untuk petani dan nelayan dan lain-lain. Banyak lagilah, BR1M dan sebagainya. Begitu juga dengan peneroka FELDA, FELCRA dan sebagainya diberi durian runtuh. Begitu juga pemandu teksi pula mendapat imbuhan juga dan walau apa pun yang dikatakan oleh pembangkang, begitu dan begini bagi saya kita tidak kisah.

Bagilah kalau boleh satu tahun dua kali bagi BR1M pun tidak apa, kita kasi untuk rakyat, duit itu untuk rakyat, kasi rakyat, bagilah. Kalau hendak bagi banyak kerana rakyat memang gembira sangat dapat duit yang macam gini walaupun kita tidak dapat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, namun bagaimana nasib dengan penoreh-penoreh getah kita, bagaimana dengan nasib penoreh getah kita yang juga yang telah sedikit sebanyak menyumbang kepada Keluaran Negara Kasar dan menyumbang kepada produk berasaskan domestik yakni GDP, malah sektor ini telah meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk memberi bayaran *one-off* kepada mereka seperti yang dinikmati oleh peneroka FELDA atau subsidi atau insentif-insentif lain.

Kita maklum banyak kesukaran yang dihadapi oleh penoreh getah kita apa lagi musim hujan sekarang. Pekebun kecil kita menghadapi cuaca yang tidak menentu. Harga getah sekerap juga semakin turun sejak akhir-akhir ini. Kalu naik pun Tuan Yang di-Pertua, kalau hari-hari hujan pun tidak ada makna juga. Jadi kalau menoreh sebulan dapat sepuluh hari, tidak boleh jadi juga.

Sepuluh tahun lalu harga getah hanya 35 sen sekilogram, kini harganya memang sudah jauh lebih tinggi sehingga mencapai RM1.66 tetapi turun pula hingga 48 peratus dan seterusnya harga tidak menentu. Ini adalah disebabkan kekurangan bahan mentah akibat cuaca yang tidak menentu di kebanyakan negara pengeluar seperti Thailand dan juga Indonesia. Jadi apakah usaha untuk membangunkan masyarakat pekebun kecil dan apakah kita mempunyai pelan jangka panjang dan jangka pendek bagi membantu pekebun-pekebun kecil getah kita.

Sehubungan dengan itu juga adakah pihak kerajaan ada memikirkan tentang kepentingan mengembalikan semula kedudukan negara sebagai negara pengeluar getah asli utama dunia dengan melakukan beberapa langkah yang diperlukan memandangkan Malaysia kini berada di tangga kedua di dunia. Permintaan terhadap getah asli dunia tidak pernah berkurangan. Jadi kita tidak perlu risau sekiranya kita menjadi negara pengeluar getah dan kita sedar wujudnya pelbagai program seperti penanaman semula getah supaya dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan juga meningkatkan pengeluaran getah negara. Selain program tanaman semula, program pembangunan lain seperti pembekalan benih dan input pertanian bermutu tinggi, program peningkatan produktiviti, aktiviti ekonomi tambahan, khidmat pengembangan dan pemindahan teknologi pembangunan modal insan dan sebagainya dilaksanakan untuk membantu pekebun kecil menjadi masyarakat progresif dan sejahtera.

Apakah langkah bagi mengembalikan kedudukan negara sebagai pengeluar getah utama dunia dan adakah kerajaan akan mewujudkan kembali stok pengimbal getah negara bagi menjadikan kita kekal sebagai negara pengeluar getah di dunia?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menanyakan mengenai dengan membangkitkan pelan tindakan kecemasan iaitu *emergency response plan* di premis dan bangunan tinggi. Saya terpanggil untuk berhujah berhubung dengan kejadian kebakaran besar yang berlaku di sebuah kilang kain di Dhaka, Bangladesh baru-baru ini yang telah mengorbankan lebih kurang 120 orang. Iktibar yang boleh kita ambil daripada kejadian ini ialah bilangan mangsa yang maut dalam tragedi ini amatlah tinggi disebabkan kilang tersebut gagal menggerakkan pelan tindakan kontingensi yakni PTK untuk menyelamatkan penghuni dan pengunjung premis pada waktu kejadian.

Kejadian yang lebih kurang serupa juga pernah berlaku di Malaysia pada suatu masa dahulu apabila kejadian kebakaran di Kilang Mercun Bright Sparkles di Sungai Buloh pada 7 Mei 1991 telah menyebabkan satu letupan yang besar sehingga membunuh 22 orang dan mencederakan 103 orang yang lain. Mengikut rekod tahun 2010 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, terdapat 548 bangunan tinggi melebihi 12 tingkat di Kuala Lumpur.

Mungkin sekarang bilangan itu telah bertambah. Statistik penyiasatan kebakaran, struktur bangunan yang dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menunjukkan sehingga Jun 2012 sebanyak 2,317 kes kebakaran telah disiasat di Malaysia. Apa yang membimbangkan saya ialah jika berlaku sesuatu kebakaran atau bencana lain seperti gempa bumi, runtuhan bangunan atau serangan pengganas, adakah pihak pemilik premis yang bertanggungjawab terhadap bangunan tersebut telah menyediakan PTK yang mantap bagi memastikan semua pengguna dan pengunjung premis dapat diselamatkan dengan pantas dan efektif selain daripada dapat menyelamatkan kerugian harta benda.

■1840

Justeru, saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah semua premis dan bangunan tinggi khususnya yang melebihi 12 tingkat seperti Bangunan Berkembar Petronas dan *KL Tower* mempunyai PTK? Jika ada, adakah pihak berkuasa mempunyai rekod bangunan-bangunan yang mempunyai PTK dan melaksanakan latihan kecemasan yang diperlukan? Lanjutan itu, berapa kerap kah latihan kebakaran, latihan menyelamat dan simulasi bencana dijalankan di premis dan bangunan-bangunan tinggi khususnya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur?

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mewujudkan satu badan penguat kuasa bagi menentukan semua pemilik premis seperti kilang, kompleks perniagaan, bangunan melebihi lima tingkat dan bangunan-bangunan kerajaan mengadakan PTK dan melaksanakan latihan keselamatan bencana sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Selain daripada itu, agensi-agensi bantuan diperlukan dalam operasi menyelamat hendaklah membantu pihak-pihak yang memerlukan dalam mewujudkan PTK untuk mereka, sejajar dengan arahan Majlis Keselamatan Negara iaitu MKN dan Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*].

Menyentuh saya mengenai dengan lampu isyarat kiraan masa di bandar-bandar besar Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada pengetahuan Tuan Yang di-Pertua kepada pemasangan lampu isyarat kiraan masa di bandar-bandar besar. Saya ingin mencadangkan di semua bandar-banar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Ipoh dipasang dengan lampu isyarat trafik kiraan iaitu *countdown timer* bagi membantu pengguna lalu lintas menguruskan pergerakan kenderaan masing-masing semasa berada di lampu isyarat.

Ini adalah perlu kerana buat masa sekarang beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa untuk mengurangkan kadar kemalangan dan merakam pesalah yang melanggar lampu isyarat melalui pemasangan CCTV dan pelaksanaan sistem penguatkuasaan saman automatik iaitu AES di lokasi lampu-lampu isyarat masih kurang berkesan. Ramai pengguna jalan raya meluahkan perasaan tidak puas hati disebabkan semasa kesesakan trafik, banyak kenderaan terperangkap di petak kuning persimpangan lampu isyarat semasa lampu bertukar dari warna hijau kepada merah dan keadaan menjadi bertambah serius apabila lampu amaran warna hijau dan kuning dinyalakan pada tempoh masa yang pendek. Keadaan ini berlaku kerana tidak berkesempatan keluar daripada petak kuning semasa lampu isyarat bertukar kepada warna merah.

Tuan Yang di-Pertua, pemasangan lampu isyarat kiraan masa di jalan raya di bandar-bandar besar adalah perlu bagi menghilangkan *stress* dan memberi keselesaan kepada pemandu sewaktu menunggu di perhentian lampu isyarat. Selain daripada itu, ia juga dapat membantu mengelak berlakunya kesesakan trafik dan kemalangan jalan raya. Baru-baru ini pada 28 Oktober 2012, satu kemalangan maut yang mengorbankan tiga sekeluarga telah berlaku di persimpangan lampu isyarat Taman Suria, Jalan Tanjung, Jitra, Kedah. Kesan positif pemasangan lampu isyarat kiraan masa ini dapat dilihat di Bandar Melaka di mana kebanyakan persimpangan jalan di bandar itu telah dipasang dengan lampu isyarat jenis tersebut. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya majlis tempatan bandar-bandar besar memasang lampu isyarat kiraan masa.

Lampu isyarat kiraan masa ini hendaklah mempunyai alat kawalan trafik pintar dengan sistem kiraan menurun yang boleh mengira bilangan kenderaan di samping memberi masa untuk kiraan menurun berdasarkan jumlah kenderaan. Justeru itu, pemasangan lampu isyarat jenis ini dapat mencapai objektif tersebut iaitu:

(i) mengurangkan tempoh masa pemandu menunggu di simpang jalan lampu isyarat;

(ii) meningkatkan tahap keselamatan jalan raya; dan

(iii) membolehkan sejumlah kenderaan yang maksimum melalui lampu isyarat pada satu-satu masa justeru mengelakkan kesesakan trafik di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai dengan masalah aktiviti-aktiviti songsang yang melibatkan orang-orang Islam terutama remaja Melayu seperti kegiatan *Black Metal*, ajaran sesat, pluralisme agama dan beberapa kegiatan yang tidak disedari seperti apa yang berlaku di Selangor pada 21 Mei 2011 yang hanya dapat dikesan ajaran sesat Juruzon iaitu apabila berlaku kejadian tanah runtuh di Batu 14 Hulu Langat. Rupa-rupanya pengasas Madrasah Al-Taqwa yang didaftar di bawah Pertubuhan Anak-Anak Yatim Malaysia adalah ajaran sesat Juruzon bin Abdul Latiff. Seramai 16 orang terkorban...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyakkah Yang Berhormat?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tinggal sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa lama lagi agaknya?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Dalam tujuh minit lagi agaknya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi Yang Berhormat lima minit.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan, sejauh manakah kumpulan ajaran sesat yang dapat disiasat dalam lima tahun dahulu dan berapa jumlah pendakwaan yang dilakukan ke atas mereka yang terlibat? Saya juga ingin mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa hendaklah ditubuhkan untuk memantau dan mengawal kegiatan kumpulan agama di seluruh negara. Saya juga ingin mencadangkan supaya dipinda akta bagi memperuntukkan bahawa fahaman Ahli Sunah Wal-Jamaah sahaja boleh disebarkan di Malaysia ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang mana baru-baru ini telah banyak membantu rakyat Islam di Rohingya yang telah ditindas beramai-ramai dan tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berusaha membantu menyalurkan kebajikan umat Islam di *Myanmar*, Palestin, Gaza dengan menghantarkan ubat-ubatan, doktor, pakaian dan juga sukarelawan yang diketuai oleh Datuk Aziz Putra. Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, kita buatkan sembahyang hajat supaya mereka ini di sana dikurangkan beban peperangan yang menimpa mereka ini. Inilah contoh pemimpin yang terbaik.

Orang dapat susah, kita tolong. Orang yang susah, kita doakan kebaikan supaya diberikan ketenangannya dan bukan seperti suatu ketika dahulu kita tengok di TV ada orang doakan Barisan Nasional hancur. Tuhan tidak suruh macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuhan suruh macam itu, saya tidak tahu dekat mana dia belajar. Sebab dalam kitab tidak cakap macam itu, dalam al-Quran tidak menyebut macam itu.

Mendoakan kehancuran orang lain, mendoakan kemusnahan orang lain tidak ada disebut dalam kitab al-Quran.

Jadi kepada rakan-rakan saya, kepada Yang Berhormat Nurul Izzah, kena banyak belajar, jangan suka hendak sebut, saya hendak ulang sedikit, katanya kalau orang Melayu boleh pilih apa agama dia hendak pilih, saya tidak tahu dia belajar dari mana. Saya kata kalau dia tidak tahu, datang Johor, belajar di Johor kerana Johor ini kuat dengan sekolah-sekolah agama. Baru ini pun Kerajaan Pusat luluskan lagi sekolah agama dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor lagi. Jadi belajar betul-betul. Jangan kerana hendak meraih undi, kita sanggup gadaikan akidah dan juga agama kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir kata...

Memakai baju buatan lama,
Tujuan untuk menjadi sihat,
Bajet 2013 bajet bersama,
Dapat dirasai semua rakyat.

Dengan ini, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

■1850

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

6.50 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2013. Setinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana membentangkan bajet yang mengutamakan rakyat dan melestarikan keharmonian perpaduan rakyat Malaysia melalui pakej bantuan BR1M kedua kepada individu dan isi rumah yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fokus kedua kerajaan untuk memperkasakan pendidikan dan latihan bagi modal insan negara dan melaksanakan satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, sebanyak RM38.7 bilion diperuntukkan bermula tahun 2013. Peruntukan ini termasuk dana sebanyak RM1 bilion diberikan kepada satu tabung khas untuk pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah khusus bagi keperluan mendesak untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan. Mungkin tajuk ini telah disentuh oleh rakan saya, Yang Berhormat Puan Hajah Noriah tetapi saya tidak mengambil isu bas ataupun kantin sekolah.

Seterusnya, saya dapati keperluan sekolah-sekolah terutamanya sekolah menengah yang menggunakan makmal kimia perlu menjalankan penaksiran risiko kesihatan bahan kimia agar kemudahan bagi kualiti pengudaraan dan menangani risiko kepada keselamatan dan kesihatan pelajar, pekerja dan guru diambil perhatian berat. Ia juga sebagai pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Dengan itu, saya ingin memohon penjelasan daripada Kementerian Pelajaran, sehingga kini berapa banyakkan sekolah di seluruh negara telah menjalankan audit ataupun penaksiran risiko kesihatan bahan kimia iaitu *Chemical Health Risk Assessment* (CHRA) dengan izin, di bawah peraturan penggunaan dan piawaian pendedahan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan tahun 2000 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, sehingga hari ini berapakah makmal-makmal kimia di sekolah telah menguji keupayaan sistem pengalihan udara setempat bagi kemudahan kebuk asap atau dengan izin, *scrubber system* di seluruh sekolah di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon, kini menyentuh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Dalam Bajet 2013, kerajaan telah memberikan insentif rebat pembelian *smart phone* sebanyak RM200.00 untuk golongan belia yang berumur 21 hingga 30 tahun.

Minggu lepas, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengumumkan syarikat-syarikat yang telah berjaya mendapat lesen pengendalian 4G seperti *Celcom, Maxis, YES* dan Puncak Semangat. Saya kecewa kerana sehingga hari ini kerajaan masih lagi tidak berupaya membuat ketetapan bagi suatu peraturan untuk mengawal pengendali berlesen dalam perihal fi ICT terutama ICT yang menawarkan pakej secara pukal. Begitu juga dengan urusan kawal selia di mana terdapat kes-kes keupayaan penembusan jalur lebar ini tidak berpadanan dengan caj yang dikenakan.

Oleh itu saya memohon kementerian menjelaskan unjuran statistik caj jalur lebar yang sedang berkuat kuasa di negara ini dengan negara-negara seperti Singapura, Korea, Jepun, USA dan UK. Data perbandingan dari segi caj dan jumlah data sebulan perlu diberikan untuk perbandingan. Jika perbandingan yang diperoleh daripada perbandingan tadi mendapati caj di Malaysia lebih tinggi, maka kita memohon apakah langkah kerajaan untuk memastikan pelanggan tidak dieksploitasi oleh pengendali berlesen dan mendapat manfaat ICT secara total dan adil? Maksudnya caj untuk jalur lebar ini patut diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, kini saya mohon untuk menyentuh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengenai subsidi bahan petroleum. Pada masa ini, minyak diesel dijual pada harga RM1.80 seliter, tidak kira sama ada kenderaan penduduk tempatan ataupun kenderaan asing. Cuma bezanya, kenderaan asing dibenarkan mengisi maksimum 20 liter diesel di satu stesen minyak. Telah didapati kawalan dan penguatkuasaan pembelian sebanyak 20 liter minyak diesel oleh kenderaan asing ini tidak praktikal dan berkesan kerana mereka akan membeli di beberapa stesen minyak untuk memenuhkan tangki minyak diesel mereka.

Mereka juga boleh mengulang isi diesel ini di seluruh stesen minyak yang berdekatan dengan sempadan negara kita, contohnya Rantau Panjang kalau tidak silap ada lima petrol stesen, Padang Besar dan juga Johor Bahru. Ini menyebabkan belanja subsidi minyak kita tiris kepada kenderaan asing. Untuk itu, saya memohon kementerian agar memastikan semua diesel yang dijual kepada kenderaan asing, dijual dengan harga tanpa subsidi. Ini dapat menjimatkan wang kerajaan dalam perbelanjaan subsidi minyak atau bahan petroleum yang menjadi beban utama subsidi. Dengan menguatkuasakan jualan diesel kepada kereta asing dengan harga tanpa subsidi supaya ketirisan subsidi ini dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh isu memperbaiki dan mengindahkan bersih dan merawat air sungai dan infrastruktur MASMA di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya ingin merujuk kepada jawapan Menteri di Dewan yang mulia ini kepada soalan lisan saya pada 6 Disember 2012 dan merasa jawapan itu tidak merangkumi penerangan dan maklumat yang jelas dan terperinci untuk pemahaman dan makluman orang awam. Menteri hanya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak JPS telah mengedar manual tersebut kepada semua PBT untuk panduan dan semakan bagi kelulusan suatu pembangunan sistem saliran di dalam kawasan tadbir urus mereka.

Soalan, apakah usaha kementerian untuk mempertingkatkan dan memperluaskan penggunaan tata amalan perlu untuk melaksanakan Manual Saliran Mesra Awam (MASMA). Kedua, saya juga mohon penjelasan tentang pencapaian penggunaan kaedah MASMA di seluruh negara dan pihak kerajaan tempatan yang manakah yang telah menggunakan kaedah MASMA ini? Bagaimanakah kementerian boleh mempromosikan dan memastikan bahawa kawasan bandar yang sering dilanda banjir kilat menggunakan kaedah MASMA ini supaya kejadian banjir kilat dapat dikurangkan? Saya juga mohon penjelasan mengenai dengan izin, projek *River of Life*. Seperti yang dimaklumkan, projek ini melibatkan tiga komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah dan JPS hanya terlibat dengan pembersihan sungai sahaja.

Berlatar belakangkan apa yang disebut tadi, saya ada lagi beberapa persoalan. Selain daripada memasang 370 perangkap sampah di kawasan yang terlibat, apakah usaha lain dilakukan bagi memastikan masyarakat lebih proaktif mengamalkan budaya lestari dan tidak membuang sampah ke sungai. Apakah usaha memastikan sistem pengurusan sampah di kawasan ini lebih cekap dan apakah undang-undang yang boleh diguna pakai bagi menangani masalah ini? Seterusnya, kita maklum antara punca utama pencemaran Sungai Klang adalah daripada sisa industri atau kilang-kilang.

Justeru itu, apakah usaha kementerian bagi memperbaiki tahap kecekapan dan keberkesanan sistem kawalan, pencemaran berpusat sama ada di loji rawatan, kumbahan atau loji rawatan air sisa industri di kawasan lembangan Sungai Klang? Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan loji pembetungan berpusat bagi kawasan Lembah Klang?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agak banyak lagi kah Yang Berhormat..., berapa minit?

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Dalam 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat boleh sambung esok.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 11 Disember 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.]